

# MALAYSIA - SATU IMBASAN SEJARAH

**PUSTAKA BUANA**  
**No. 142, Jalan Choo Lip Kung,**  
**Taman Taynton View,**  
**56000 Cheras,**  
**Kuala Lumpur.**  
**Tel: 03-8945 8505**  
**Fax: 03-8945 8510**

*Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubahsuai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penerbit.*

© PUSTAKA BUANA  
Cetakan Pertama 2004

ISBN SIRI 983-2642-18-3  
ISBN 983-2642-19-1

M  
959.5  
PUT

Dicetak oleh:  
Percetakan Tatt Sdn. Bhd. (270731-D)

M  
1146044

01 SEP 2004  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

**SIRI GEMILANG  
TANAH NUSA**

**MALAYSIA - SATU  
IMBASAN SEJARAH**

**PUTERI FAHSYAR**



## **Malaysia Moden Secara Ringkas**

Malaysia meliputi satu kawasan seluas 329,758 kilometer persegi terdiri daripada Semenanjung Tanah Melayu serta kawasan pantai barat daya Pulau Borneo (Sabah dan Sarawak). Kedua-dua wilayah ini dipisahkan oleh Laut China Selatan seluas 531.1 kilometer persegi. Semenanjung Malaysia, meliputi seluas 131,598 kilometer persegi bersempadan dengan Negara Thai di utara dan dengan Singapura di selatan sementara Sabah yang seluas 73,711 kilometer persegi dan Sarawak yang seluas 124,449 kilometer persegi bersempadan dengan wilayah Kalimantan, Indonesia.

Semenanjung Malaysia terdiri dari negeri-negeri yang berikut: iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Negeri Pahang yang mempunyai keluasan 35,965 kilometer persegi merupakan negeri yang terbesar sekali di Semenanjung Malaysia manakala Perlis yang seluas 795 kilometer persegi adalah negeri yang terkecil sekali.

Negeri Sabah terdiri dari lima bahagian iaitu

Tawau, Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman. Sarawak terdiri dari sembilan bahagian iaitu Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Sarakei, Limbang, Kapit, Bintulu dan Kota Samarahan. Wilayah Persekutuan Labuan, dengan keluasan 91 kilometer persegi adalah terletak di pantai barat Sabah.

## **Bentuk Muka Bumi Malaysia**

Malaysia terletak di antara garisan lintang 1°U hingga 7°U dan garisan bujur 100°T hingga 120°T. Terletak di Asia Tenggara dan berjiriran dengan negeri Thai, Myanmar, Laos, Kemboja, Singapura, Indonesia, Filipina dan Brunei Darussalam. Keluasan Malaysia ialah kira-kira 330,445 km persegi. Terdiri daripada Sabah, Sarawak, dan Semenanjung Malaysia. Semenanjung Malaysia terpisah daripada Indonesia (Pulau Sumatera) oleh Selat Melaka dan Singapura oleh Selat Tebrau. Terdiri daripada tiga belas buah negeri dan dua Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur dan Labuan. Sarawak negeri yang terbesar dan Perlis negeri yang terkecil.

## **Negeri-negeri di Malaysia**

<i>Bil.</i>	<i>Negeri</i>	<i>Ibu negeri</i>
1	Perlis	Kangar
2	Kedah	Alor Setar
3	Pulau Pinang	George Town
4	Perak	Ipoh
5	Selangor	Shah Alam
6	Negeri Sembilan	Seremban
7	Melaka	Melaka
8	Johor	Johor Bahru
9	Pahang	Kuantan
10	Terengganu	Kuala Terengganu
11	Kelantan	Kota Bharu
12	Sabah	Kota Kinabalu
13	Sarawak	Kuching

## **Keistimewaan Malaysia**

Terletak di tengah-tengah jalan laut dan udara antara negara-negara timur dan barat. Terletak di luar kawasan lingkaran Gunung Berapi Pasifik yang membolehkan Malaysia bebas dari letusan gunung berapi dan angin tufan. Mempunyai pelbagai jenis bentuk muka bumi yang membolehkan pelbagai kegiatan ekonomi dijalankan. Iklim Malaysia yang panas dan lembab sepanjang tahun membolehkan kegiatan pertanian, perikanan, perusahaan, dan perlombongan dapat dijalankan sepanjang tahun. Malaysia kaya dengan pelbagai hasil pertanian, perikanan dan perlombongan.

### Kawasan Dataran Tinggi

Banjaran	Negeri
Banjaran Kledang	Perak
Banjaran Bintang	Perak
Banjaran Besar	Selangor
Banjaran Crocker	Sabah
Banjaran Titiwangsa	Negeri Sembilan
Banjaran Benom	Pahang
Banjaran Tahan	Pahang
Banjaran Pantai Timur	Terengganu
Banjaran Maitland	Sabah
Banjaran Trus Modis	Sabah
Banjaran Witti	Sabah
Banjaran Brassey	Sabah
Banjaran Tama Abu	Sarawak
Banjaran Kapuas Hulu	Sarawak
Banjaran Penambo	Sarawak
Banjaran Hose	Sarawak
Banjaran Kelingkang	Sarawak
Banjaran Iran	Sarawak

### Kepentingan kawasan dataran tinggi/tanah tinggi

Kepentingan	Contoh kawasan*
Kawasan pertanian tanaman hawa sederhana (teh & sayur)	Cameron Highlands, Pahang
Kawasan pelancongan	Pulau Pangkor, Perak
Kawasan peranginan	Bukit Fraser, Pahang Genting Highlands, Pahang Cameron Highlands, Pahang
Kawasan tadahan hujan	Banjaran Besar, Selangor
Kawasan empangan	Empangan Temenggor, Perak
Kawasan air terjun	Air Terjun Kota Tinggi, Johor
Kawasan rekreasi	Gunung Kinabalu, Sabah
Sumber batu garanit & batu kapur	Batu Caves, Selangor
Hutan khatulistiwa merupakan kawasan pembiakan & hidupan liar.	Bahagian tengah Semenanjung, pedalaman Sabah dan Sarawak

### Kawasan Tanah Tinggi

Terdiri daripada banjaran gunung lipat tua yang terdiri daripada batu kapur dan batu granit. Banjaran utama di Semenanjung Malaysia ialah Banjaran Titiwangsa, Banjaran Bintang, Banjaran Kledang, Banjaran Tahan, Banjaran Benom, Banjaran Pantai Timur dan Banjaran Titiwangsa. Banjaran terpanjang di Semenanjung Malaysia dikenali sebagai "Banjaran Besar". Merupakan tulang belakang bagi Semenanjung Malaysia.

Di lemah utama sungai-sungai di Semenanjung Malaysia terdapat setesen perjanaan kuasa hidroelektrik. Sementara tiga pusat peranginan yang terkenal ialah Bukit Fraser, Tanah Tinggi Cameron, dan Tanah Tinggi Genting. Gunung Korbu (2190 meter) merupakan kemuncak tertinggi di Banjaran Titiwangsa. Gunung Tahan di Banjaran Tahan merupakan gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia. Gunung Bintang (1880

meter) ialah kemuncak tertinggi di Banjaran Bintang. Bukit Larut merupakan pusat peranginan di Banjaran Bintang. Banjaran Bintang merupakan legeh bagi Sungai Perak dan cawangannya Sungai Kinta.

Banjaran-banjaran utama di Sabah ialah Banjaran Crocker, Banjaran Brassey, Banjaran Terus Madi dan Banjaran Maitland. Banjaran Crocker ialah banjaran yang terpanjang dan tertinggi di Sabah. Gunung Kinabalu (4101 meter) merupakan kemuncak tertinggi di Banjaran Crocker dan gunung tertinggi di Malaysia dan Asia Tenggara. Manakala banjaran-banjaran utama di Sarawak ialah Banjaran Tama Abu, Banjaran Kapuas Hulu dan Banjaran Iran. Banjaran ini menjadi sempadan semula jadi di antara Malaysia dan Kalimantan. Gunung Murud (2438 meter) merupakan kemuncak tertinggi di Sarawak terletak di Banjaran Tama Abu.

### Kawasan Tanah Pamah

Kawasan tanah pamah adalah tanah rendah yang rata, ada kalanya beralun, tidak melebihi 100 meter dari aras laut. Jalur tanah pamah terletak di antara pinggir laut dengan banjaran gunung dan bukit di sepanjang laut di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Tanah pamah hasil dari mendapan lanar dinamakan tanah pamah lanar.

Dataran pantai barat Semenanjung Malaysia merupakan kawasan yang luas. Dataran Kedah-Perlis dan Dataran Hiliar Sungai Perak merupakan dataran yang amat penting. Manakala dataran pantai timur Semenanjung Malaysia adalah sempit, terputus-putus dan berpasir. Kawasan ini sering dilanda banjir monsun timur laut. Tanahnya yang berpasir kurang sesuai untuk pertanian. Tanah pamah yang menakung air dinamakan paya. Tanah yang ditakungi air masin dinamakan paya bakau.

Paya bakau banyak didapati di teluk-teluk dan di muara sungai. Paya ini menjadi paya gambut jika berterusan ditenggelami air masin. Tanah gambut pula berwarna hitam dan tidak subur kerana mengandungi asid. Sementara itu dataran pantai barat Sabah sempit dan terputus. Tanah pamahnya yang luas ialah di sekitar Sungai Kinabatangan, Semenanjung Semporna, Hilir Lembah Sagama dan

sekitar Sungai Labuk dan Sungai Segama. Di kawasan ke darat dari paya bakau yang tidak diperlu oleh air terdapat paya air tawar. Paya air tawar sebahagian besar disalirkan dan digunakan sebagai kawasan pertanian padi sawah dan kelapa. Paya gambut hanya sesuai digunakan untuk pertanian selepas dikeringkan. Tanah paya gambut lembut dan tidak subur. Ia hanya digunakan untuk tanaman berakar dan berakar.

Di kawasan ke darat dari tanah pamah lanar terdapat pula tanah pamah beralun. Ianya terdapat di selatan Sungai Pahang, negeri Johor Darul Takzim, Negeri Sembilan Darul Khusus, Melaka dan pantai barat Sarawak. Kawasan ini sesuai dijadikan kawasan pertanian getah, kelapa sawit, lada hitam, dan pertanian pindah di Sarawak serta kelapa sawit dan koko di Sabah. Manakala kawasan tanah pamah sesuai untuk perlombongan (Lembah Kinta), pembalakan (selatan Pahang, barat Sarawak, dan timur Sabah). Dataran pantai Sabah adalah lebar antara 30-65 km terdiri daripada tanah aluvium Delta Rajang (utama) dan Delta Baram (Utama).

Kawasan tanah pamah yang terdapat di Malaysia ialah Delta Rajang, Delta Baram, Delta Kelantan, Delta Sungai Pahang, Delta Endau-Rompin, Dataran Kedah-Perlis, Dataran Kuching, Dataran Seberang Prai, Dataran Pantai Timur dan Dataran Johor. Kepentingan tanah pamah ialah untuk dijadikan kawasan pertanian terutamanya penanaman padi (tanah lanar), getah dan kelapa sawit (cerun bukit dan tanah laterit), kawasan perlombongan terutama bijih timah (Lembah Kinta), kawasan perindustrian dan perumahan dan kawasan tumpuan penduduk dan bandar juga sesuai untuk memudahkan pembinaan jalanan jalan raya dan landasan kereta api.

### Kawasan Pinggir Laut

Malaysia dikelilingi oleh laut iaitu Laut China Selatan, Laut Sulu, Laut Sulawesi dan Selat Melaka. Semua negeri di Malaysia mempunyai kawasan pinggir laut kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pinggir laut Malaysia mempunyai berbagai jenis bentuk muka bumi.

Bil.	Ciri-ciri Pinggir Laut	Contoh	Kepentingannya
1.	<b>Pulau</b> Pulau Pinang Pulau Tioman Pulau Ketam Pulau Pangkor	Sebuah dataran yang dikelilingi oleh laut	Pelabuhan antarabangsa Pusat pelancongan Pusat perikanan Pelabuhan dalam negeri
2.	<b>Tanjung</b> Tanjung Bunga Tanjung Datu Tanjung Baram	Dataran yang menganjur ke arah laut	Tempat rekreasi Tempat bermandi-manda dan berkelah
3.	<b>Teluk</b> Teluk Kimanis Teluk Bahang Teluk Rumania	Kawasan perairan yang cetek di antara tanjung dan daratan	Pelabuhan dan pusat perikanan Tempat perkelahan
4.	<b>Paya/Tasik</b> Kuala-kuala: Sungai Perak Sungai Rajang Sungai Segama	Kawasan berair di pinggir laut. Ditumbuhinya pokok bakau	Sumber kayu bakau Hidupan laut (ikan, udang dan siput)
5.	<b>Pantai</b> Port Dickson Pantai Cinta Berahi Pantai Batu Feringgi Pantai Santubong Pantai Tanjung Aru	Kawasan pinggir pantai yang ditumbuhinya pasir cantik dan bersih	Tempat bermandi-manda Tempat perkelahan Tempat pelancongan

### Sistem Saliran

Sungai-sungai berpunca dari kawasan banjaran gunung dan mengalir masuk ke laut. Kebanyakan sungai utama di Semenanjung Malaysia berpunca dari Banjaran Titiwangsa dan mengalir masuk ke Selat Melaka dan Laut China Selatan. Sungai utama di Sarawak pula berpunca dari Banjaran Kapuas Hulu, Banjaran Iran, dan Banjaran Tama Abu dan mengalir masuk ke Laut China Selatan. Di Sabah, sungai-sungai berpunca dari kawasan pedalaman yang bergunung-ganang dan mengalir masuk ke Laut China Selatan, Laut Sulu, dan Laut Sulawesi.

Sungai Pahang (478 km) merupakan sungai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia. Sungai Kinabatangan (560 km) merupakan sungai yang terpanjang di Sabah. Sungai Rajang (563 km) adalah sungai terpanjang di Sarawak dan di Malaysia. Secara amnya, sungai-sungai di Malaysia pendek, lurus, cetek, deras dan berliku-liku di bahagian hilirnya. Tasik terbesar di Malaysia Tasik Bera dan Tasik Chini di Pahang merupakan tasik-tasik semula jadi yang penting. Tasik Kenyir (Terengganu), Tasik Cenderoh, dan Tasik Temengor (Perak) pula adalah antara tasik-tasik buatan manusia yang utama.

## Kepentingan Sungai dan Tasik

Di kawasan pedalaman yang berhutan, sungai-sungai merupakan cara pengangkutan yang utama iaitu Sungai Rajang di Sarawak digunakan untuk menghubungkan kawasan pedalaman dengan kawasan hilir sungai. Sungai Kinabatangan di Sabah digunakan untuk menghantarkan kayu balak dari kawasan pedalaman. Aliran sungai yang deras membolehkan pembinaan empangan-empangan merentasi sungai untuk menjana kuasa hidro elektrik seperti Empangan Cenderoh (Sungai Perak), Empangan Temenggor (Sungai Perak) dan Empangan Kenyir (Sungai Terengganu). Di kawasan pertanian, air sungai disalirkkan untuk tujuan pengairan seperti Rancangan Pengairan (Kedah) dan Rancangan Pengairan Kemubu (Kelantan). Sungai-sungai membentuk daratan-daratan mendap yang subur dan sesuai untuk kegiatan pertanian. Sungai-sungai membekalkan air tawar untuk kegunaan di rumah dan di kilang. Sungai-sungai dan tasik juga menjadi sumber ikan air tawar yang penting. Sungai menjadi sempadan antara negeri dan negara seperti Sungai Bernam memisahkan negeri Perak dan negeri Selangor. Sungai Golok sempadan antara Kelantan (Malaysia) dan negara Thai. Sungai-sungai yang mempunyai air terjun tasik-tasik menjadi tempat beriadah dan rekreasi.

## Pengaruh Kegiatan Manusia Kepada Alam

Kawasan hutan yang luas telah ditebang untuk tujuan pertanian, pembalakan, perindustrian, dan pembenihan. Penebangan hutan secara berleluasa tanpa kawalan akan menyebabkan perkara-perkara seperti rezab kawasan hutan akan semakin kecil, flora serta fauna yang terdapat dalam hutan akan terancam, tanah akan terdedah kepada tindakan hakisan, tanah yang terhakis akan kehilangan kesuburan, sungai menjadi cetele akibat mendapan sungai yang terlalu banyak, berlakunya banjir kiat akibat limpahan air sungai semasa hujan lebat, kekurangan tumbuhan-tumbuhan dan akar pokok untuk menyerap dan menghalang aliran akan menyebabkan banjir dan yang terakhir sekali ialah kenaikan iklim mikro setempat.

## Iklim

Malaysia terletak berhampiran dengan khatulistiwa antara garisan lintang  $1^{\circ}$  dan  $7^{\circ}$  Utara dan garisan bujur  $100^{\circ}$  dan  $119^{\circ}$  Timur. Malaysia tertakluk kepada pengaruh laut dan perubahan sistem angin yang bertiup dari Lautan Hindi dan Laut China Selatan.

Lazimnya iklim di sini terbahagi kepada dua musim, iaitu musim monsun barat daya dan musim monsun timur laut. Purata suhu harian di seluruh Malaysia ialah antara  $21^{\circ}\text{C}$  hingga  $32^{\circ}\text{C}$ . Kelembapannya boleh dikatakan tinggi.

Ciri-ciri iklim Malaysia ialah mempunyai suhu yang seragam, kelembapan yang tinggi dan hujan yang banyak. Angin pada amnya lemah. Malaysia yang terletak di kawasan doldrum khatulistiwa amat jarang sekali mempunyai keadaan langit tidak berawan langsung meskipun pada musim kemarau teruk. Malaysia juga jarang sekali mempunyai satu tempoh beberapa hari dengan tidak ada langsung cahaya matahari kecuali pada musim monsun timur laut.

## Angin

Walaupun angin di Malaysia pada amnya lemah dan arahnya berubah-ubah, terdapat perubahan bertempoh dalam corak tiupan angin. Berdasarkan kepada perubahan ini, empat musim boleh dibezakan iaitu monsun barat daya, monsun timur laut dan dua musim peralihan monsun yang lebih pendek. Monsun barat daya biasanya bermula pada setengah terakhir bulan Mei atau awal bulan Jun dan tamat pada akhir September. Angin lazim pada amnya dari arah barat daya dengan kelajuan yang lemah iaitu di bawah 15 knot.

Monsun timur laut biasanya bermula pada awal November dan berakhir pada Mac. Semasa musim ini, angin lazim adalah dari arah timur atau timur laut dengan kelajuan antara 10 dan 20 knot. Negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia lebih terjejas dengan tiupan angin ini di mana kelajuannya boleh mencapai 30 knot atau lebih semasa luruhan kuat udara sejuk dari utara (luruhan sejuk). Semasa musim-musim peralihan monsun, angin pada amnya berkelajuan lemah dan arahnya berubah-ubah. Pada kedua-dua musim ini, palung khatulistiwa merentangi Malaysia. Perlu juga dinyatakan di sini bahawa dalam tempoh dari April hingga November bila mana taufan kerap kali terbentuk di barat Pasifik dan bergerak ke arah barat merentasi Filipina, angin barat daya di kawasan barat laut pantai Sabah dan kawasan Sarawak menjadi lebih kuat dan boleh mencapai 20 knot atau lebih.

Sebagai negara dikelilingi laut, kesan bayu laut dan bayu darat ke atas corak tiupan angin adalah besar terutamanya semasa hari tidak berawan. Pada

keadaan petang yang terang cahaya matahari, bayu laut dengan kelajuan antara 10 dan 15 knot selalunya terjadi dan bayu ini boleh mencapai beberapa puluh kilometer ke dalam kawasan pendalaman. Dalam keadaan malam langit terang, proses sebaliknya berlaku di mana bayu darat yang lebih lemah keliajuannya boleh terjadi di kawasan pantai.

### Taburan Hujan

Corak tiupan angin bermusim bersama sifat topografi lokal menentukan corak taburan hujan di Malaysia. Semasa musim timur laut, kawasan yang terdedah seperti kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, kawasan Sarawak Barat dan kawasan pantai timur laut Sabah mengalami beberapa tempoh hujan lebat. Sebaliknya, kawasan pendalaman atau kawasan yang dilindungi banjaran gunung adalah secara relativifnya bebas dari pengaruh ini. Adalah lebih baik taburan hujan di Malaysia diterangkan mengikut musim.

### Perubahan Hujan Bermusim di Semenanjung Malaysia

Perubahan hujan bermusim di Semenanjung Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga jenis utama:

1. Bagi negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia, November, Disember dan Januari merupakan bulan yang mempunyai hujan maksimum manakala Jun dan Julai merupakan bulan kering di kebanyakan negeri.
2. Kawasan selain kawasan pantai barat daya Semenanjung Malaysia, corak hujan menunjukkan terdapatnya dua tempoh hujan maksimum dengan dipisahkan oleh dua tempoh hujan minimum. Maksimum primer biasanya berlaku pada bulan Oktober-November manakala maksimum skunder berlaku pada bulan April-May. Di kawasan barat laut, minimum primer berlaku pada bulan Januari-Februari manakala minimum skunder berlaku pada bulan Jun-Julai. Di lain-lain tempat, minimum primer berlaku pada bulan Jun-Julai manakala minimum skunder berlaku pada bulan Februari.
3. Corak hujan di kawasan pantai barat daya Semenanjung Malaysia lebih dicorakkan oleh kejadian 'Sumatras' pagi pada bulan Mei-Ogos di mana corak maksima dan minima berganda tidak wujud. Oktober dan November adalah bulan yang mempunyai hujan maksimum manakala Februari adalah bulan yang mempunyai hujan

minimum. Maksimum Mac-April-Mei dan minimum Jun-Julai tidak wujud atau kurang jelas.

### Perubahan Hujan Bermusim di Sabah dan Sarawak

Perubahan hujan bermusim di Sabah dan Sarawak boleh dibahagikan kepada lima jenis utama:

1. Kawasan pantai Sarawak dan timur laut Sabah mengalami regim corak hujan satu maksimum dan satu minimum. Kedua-dua kawasan mengalami hujan maksimum pada bulan yang sama iaitu Januari manakala hujan minimum pada bulan yang berbeza. Di kawasan pantai Sarawak, hujan minimum berlaku pada bulan Jun atau Julai manakala kawasan timur laut pantai Sabah hujan minimum berlaku pada bulan April. Di bawah regim ini, kebanyakan hujan diterima pada bulan-bulan monsun timur laut iaitu Disember hingga Mac. Sesungguhnya, lebih dari separuh dari hujan tahunan diterima di kawasan barat Sarawak.
2. Kawasan pendalaman Sarawak pada amnya mengalami taburan hujan tahunan yang agak sekata. Walaupun begitu, agak kurang sedikit hujan diterima semasa tempoh Jun hingga Ogos sesuai dengan kejadian angin lazim barat daya. Perlu di nyatakan di sini bahawa hujan tahunan tertinggi di Malaysia berlaku di cerun bukit kawasan pendalaman Sarawak. Long Akah menerima hujan tahunan purata melebihi 5000 mm.
3. Kawasan barat laut pantai Sabah mengalami regim corak hujan dua maksima dan dua minima. Maksimum primer berlaku pada bulan Oktober dan maksimum skunder berlaku pada bulan Jun. Minimum primer berlaku pada bulan Februari manakala minimum skunder berlaku pada bulan Ogos. Walaupun perbezaan jumlah hujan yang diterima pada dua bulan maksimum adalah kecil, namun perbezaan jumlah hujan yang diterima pada minimum primer adalah jelas lebih rendah berbanding skunder minimum. Di sesetengah tempat, perbezaan mencapai setinggi empat kali ganda.
4. Di kawasan tengah Sabah di mana keadaannya berbukit dan terlindung oleh banjaran gunung, hujan yang diterima adalah lebih rendah secara relatif berbanding dengan kawasan-kawasan lain serta taburannya agak sekata. Akan tetapi, dua

maksima dan dua minima boleh diperhatikan. Pada amnya, dua minima berlaku pada bulan Februari dan Ogos manakala dua maksima berlaku pada bulan Mei dan Oktober.

5. Kawasan selatan Sabah mengalami taburan hujan sekata. Jumlah hujan tahunan yang diterima boleh diperbandingkan dengan bahagian tengah Sabah. Februari hingga April adalah tempoh agak kering berbanding bulan-bulan lain.

### Taburan Suhu

Sebagai sebuah negara yang terletak di khatulistiwa, Malaysia mengalami suhu yang sekata sepanjang tahun. Perbezaan tahunan suhunya adalah kurang daripada  $2^{\circ}\text{C}$  kecuali bagi kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia yang kerap dipengaruhi oleh luruhan angin sejuk dari Siberia semasa monsun timur-laut. Walaubagaimana pun perubahan suhu tahunannya kurang daripada  $3^{\circ}\text{C}$ . Julat suhu harian adalah besar,  $5^{\circ}\text{C}$  hingga  $10^{\circ}\text{C}$  bagi stesen-stesen berhampiran pantai dan antara  $8^{\circ}\text{C}$  hingga  $12^{\circ}\text{C}$  bagi stesen-stesen di pedalaman tetapi suhu harian yang tinggi seperti yang terdapat di kawasan benua tropika tidak pernah dialami. Walaupun siang selalunya panas, tetapi di waktu malam ianya sejuk di mana-mana.

Walaupun perubahan bermusim dan bertempat suhu secara perbandingan adalah kecil, tetapi dalam beberapa hal ia dapat ditentukan. Bagi Semenanjung Malaysia, terdapat perubahan suhu yang jelas semasa monsun dan ini terdapat di kawasan pantai timur. Bulan April dan Mei adalah bulan di mana suhu purata bulanan adalah paling tinggi sementara Disember dan Januari pula adalah bulan di mana suhu purata bulanannya paling rendah. Purata suhu harian di kebanyakan daerah di timur Banjaran Besar adalah rendah berbanding dengan daerah di barat. Perubahan-perubahan nilai ini adalah disebabkan suhu harian yang rendah yang dialami di kawasan daerah timur semasa monsun timur-laut hasil daripada hujan dan litupan awan yang luas. Di Kuala Terengganu, sebagai contoh semasa monsun timur-laut suhu pada waktu siang jarang mencapai  $32^{\circ}\text{C}$  dan kerap kali tidak mencapai  $27^{\circ}\text{C}$ . Beberapa keadaan telah direkodkan di mana suhu tidak melebihi  $24^{\circ}\text{C}$  iaitu suhu terendah dicapai pada waktu malam di kebanyakan tempat. Purata suhu pada waktu malam biasanya di antara  $21^{\circ}\text{C}$  hingga  $24^{\circ}\text{C}$ . Tetapi nilai suhu dihampir semua stesen boleh

menurun jauh lebih rendah daripada suhu tersebut, malam yang sejuk biasanya diikuti dengan siang yang panas.

### Kelembapan Bandingan

Seperti yang diperkatakan, Malaysia mempunyai kelembapan yang tinggi. Purata kelembapan bandingan bulanannya adalah di antara 10% hingga 90%, berubah mengikut tempat dan bulan. Bagi sesetua kawasan yang khusus, julat purata kelembapan bandingannya berubah dari minimum 3% (Bintulu) ke maksimum lebih kurang 5% (Alor Star). Di Semenanjung Malaysia, julat minimum terdapat di Sitiawan di mana purata kelembapan bandingan berubah-ubah dari nilai serendah 80% dalam bulan Februari ke setinggi hanya 88% dalam bulan Februari. Julat maksimum pula terdapat di kawasan barat-laut Semenanjung (Alor Star) di mana purata kelembapan bandingan berubah-ubah dari 72% hingga 87% pada bulan Februari.

Adalah diperhatikan bahawa di Semenanjung Malaysia, kelembapan bandingan minimum biasanya terdapat pada bulan Januari dan Februari kecuali bagi negeri-negeri pantai timur iaitu Kelantan dan Terengganu di mana kelembapan bandingan minimumnya adalah pada bulan Mac. Kelembapan bandingan maksimum pula lazimnya adalah pada bulan November. Seperti dalam kes suhu, perubahan harian kelembapan bandingan adalah lebih besar berbanding dengan perubahan tahunan. Purata minimum harianya boleh serendah 42% semasa bulan-bulan kering dan menghampiri setinggi 70% semasa bulan-bulan lembab. Bagaimanapun purata harian maksimumnya pula tidak banyak berubah dari tempat ke setempat iaitu melebihi 94%. Ia mungkin mencapai setinggi 100%. Negeri-negeri di barat-laut iaitu Kedah dan Perlis mempunyai perubahan kelembapan bandingan harian terbesar.

### Cahaya dan Sinaran Matahari

Sebagai sebuah negara yang dikelilingi laut dan terletak berhampiran khatulistiwa, Malaysia secara semula jadi menerima cahaya matahari yang banyak dan seterusnya sinaran matahari. Bagaimanapun adalah jarang terdapat dalam sepanjang hari tidak diliputi awan langsung walaupun ketika tempoh kemarau. Litupan awan dapat mengurangkan kandungan cahaya matahari dan seterusnya sinaran matahari. Secara purata, Malaysia menerima sebanyak 6 jam cahaya matahari sehari. Walau

bagaimanapun, terdapat perbezaan mengikut musim dan tempat jumlah cahaya matahari yang diterima. Secara purata, Alor Star dan Kota Bharu menerima lebih kurang 7 jam cahaya matahari sehari sementara Kuching menerima hanya secara purata 3.7 jam sehari dalam bulan Januari. Sementara Alor Star secara purata menerima nilai maksima sebanyak 8.7 jam sehari pada bulan yang sama. Sinaran matahari adalah berkaitan rapat dengan tempoh cahaya matahari. Perubahan bermusim dan bertempatnya adalah lebih kurang sama dengan cahaya matahari.

### Sejatan

Di antara kesemua faktor-faktor yang mempengaruhi kadar sejatan, keadaan berawan dan suhu adalah merupakan dua faktor terpenting yang saling berkait. Hari yang berawan bermakna kurangnya cahaya matahari seterusnya kurang sinaran matahari menyebabkan suhu menjadi rendah. Ujian daripada data-data sejatan menunjukkan bahawa bulan-bulan berawan atau hujan mempunyai kadar sejatan yang rendah sementara bulan kering adalah bulan yang mempunyai kadar sejatan yang tinggi.

Stesen Senai, salah satu dari stesen yang letaknya di tanah rendah mempunyai purata sejatan terendah dalam sehari iaitu 2.6 mm dalam bulan November, sementara Kota Kinabalu pula mempunyai purata sejatan tertinggi iaitu 6.0 mm sehari dalam bulan April. Bagi kawasan tanah tinggi seperti Cameron Highlands di mana suhu udaranya adalah rendah, kadar sejatannya juga rendah. Sementara kawasan tanah rendah mempunyai purata sejatan tahunan 4mm hingga 5 mm sehari, Cameron Highlands mempunyai kadar yang hanya lebih kurang 2.5 mm sehari.

### Keseismikan Malaysia

Malaysia terletak berhampiran dengan dua sempadan pertembungan kepingan yang aktif keseismikannya iaitu sempadan pertembungan antara Kepingan Indo-Australian dan Kepingan Eurasian di sebelah barat dan sempadan pertembungan antara Kepingan Eurasian dan Kepingan Laut Filipina di sebelah timur. Gegaran gempa bumi bermagnitud besar yang berpusat di sempadan pertembungan kepingan-kepingan tersebut dapat dirasai gegarannya di Malaysia.

Gegaran gempa bumi yang dirasai di pantai barat Semenanjung Malaysia adalah berpunca dari gempa bumi bermagnitud besar yang berpusat di

Sumatra dan Laut Andaman. Bagi Sabah dan Sarawak pula, disamping menerima gegaran gempa bumi bermagnitud besar yang berpusat di selatan Filipina dan utara Sulawesi, Sabah dan Sarawak juga mengalami gempa bumi bermagnitud kecil hingga sederhana. Gempa bumi lokal ini dikaitkan dengan gelinciran aktif yang wujud di Sabah dan Sarawak.

### Sejarah

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditanatangani pada bulan Ogos, 1957. Pada akhir bulan itu, Malaya telah mencapai kemerdekaannya dengan Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri yang pertama. Malaysia telah diwujudkan pada 16 September 1963. Malaysia pada masa itu terdiri daripada Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura. Singapura telah berpisah daripada Malaysia pada 7 Ogos 1965.

### Penduduk

Penduduk Malaysia terdiri dari pelbagai kaum. Golongan terbesar rakyat Malaysia ialah Melayu diikuti oleh Cina dan India. Kaum minoriti yang lain ialah kaum Bumiputera di Sarawak dan Sabah yang terdiri dari Dayak, Kadazan (Dusun), Bajau, Melanau dan Murut di samping kaum orang asli di Semenanjung Malaysia; Eropah dan Serani.

### Matawang

Matawang yang digunakan di Malaysia ialah Ringgit Malaysia (RM). RM 1 adalah daripada 100 sen. Wang kertas ringgit Malaysia terdiri daripada RM 100, RM 50, RM 20, RM 10, RM 5, RM 2, RM 1. Manakala untuk wang syiling pula terdiri daripada 50 sen, 20 sen, 10 sen, 5 sen, 1 sen dan juga RM 1.

### Hidupan Liar

Kebanyakan daripada hidupan liar unik di Malaysia terdapat di kawasan hutan pamah. Sebanyak 286 spesies mamalia, 736 spesies burung, 406 spesies amfibia dan reptilia dan lebih daripada 100,000 spesies serangga telah dapat direkodkan. Walau bagaimanapun, bilangan ini adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan keseluruhan kepelbagaiannya diversiti yang belum direkodkan.

Ancaman ke atas habitat hidupan liar telah menyebabkan beberapa spesies hidupan liar terancam. Adalah dianggarkan sebanyak 42 spesies mamalia, 34 spesies burung, 14 spesies reptilia dan ikan diancam oleh kemusnahan dan pengurangan

habitat, pemburuan haram dan pencerobohan.

Gajah merupakan mamalia terbesar di daratan terdapat di beberapa kawasan ketinggian di dalam hutan hujan tropika. Oleh kerana kawasan keliarannya yang berkurangan, maka telah menimbulkan konflik di antara gajah dengan manusia. Pada masa kini, populasi gajah di negara ini dianggarkan di antara 800-2000 ekor. Hanya satu spesies badak yang masih terdapat di Malaysia iaitu Badak Sumatra. Badak Jawa yang terakhir dilihat dalam tahun 1940-an. Kawasan-kawasan penting untuk badak termasuklah Taman Negara, Endau Rompin, Perak dan Kelantan.

Walau bagaimanapun, taburannya terhad kepada kawasan hutan tinggi di beberapa buah negeri. Seladang atau Lembu Liar hidup dalam kumpulan yang selalunya mengandungi sebanyak 20 ekor. Taburan spesies ini terhad kepada Hutan Tanah Pamah sahaja. Pergerakannya agak terhad kerana kawasan keliarannya telah ditukarkan kepada ladang-ladang. Buat masa ini, populasi seladang terdapat di kawasan-kawasan hutan di Perak, Kelantan, Pahang dan Terengganu. Tapir merupakan spesies yang agak biasa dan boleh didapati disemua jenis habitat iaitu dari kawasan rendah hingga ke kawasan tinggi.

Keluarga kucing terdiri daripada lima generasi dan 36 spesies dan boleh didapati hampir di seluruh dunia. Harimau merupakan spesies kucing yang terbesar dan boleh didapati di habitat-habitat yang ada sumber makanan, air dan kawasan perlindungan daripada matahari. Harimau boleh berenang dan kadangkala pada waktu panas ia akan berendam di dalam air selama beberapa jam. Walaupun makanannya terdiri daripada pelbagai haiwan mangsa, tetapi pilihan utamanya ialah rusa dan babi hutan. Di Semenanjung Malaysia, taburannya terutamanya di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak.

Di antara spesies kucing yang kecil, kucing batu merupakan yang biasa kedapatan dan mempunyai taburan yang meluas. Ianya boleh didapati di kawasan-kawasan yang terdiri daripada cicak, amfibia hingga ke pelanduk. Spesies kucing kecil yang lain seperti kucing dahan, kucing tulap dan kucing hutan jarang kelihatan di kawasan-kawasan lapang dan lebih bertumpu di dalam hutan.

Pelanduk merupakan spesies yang lembut

dan mempunyai kaki yang panjang dan bahagian belakang yang tinggi. Oleh kerana sifatnya yang pemalu, spesies ini agak sukar dilihat di dalam hutan. Pelanduk merupakan haiwan yang meragut dan memakan tumbuhan renek dan buah-buahan yang jatuh ke tanah. Musuh utamanya termasuklah spesies kucing yang kecil, musang dan reptilia termasuk ular.

Terdapat dua spesies rusa di negara ini iaitu Rusa Sambar serta Kijang. Kedua-dua spesies mempunyai bentuk badan yang kurus, berkaki panjang dan berekor pendek. Rangga hanya terdapat pada yang jantan. Kedua spesies rusa boleh didapati disemua jenis habitat. Kadang kala spesies ini juga mencari makan di kebun dan ladang getah.

Primat yang terdapat di negara ini merangkumi spesies yang terancam seperti orang utan, kongkang, ungka dan siamang. Kera dan lotong banyak terdapat di kawasan-kawasan lapang, di kampung-kampung dan ladang. Kera merupakan haiwan masing-masing yang mudah menyesuaikan diri dengan manusia.

Terdapat hanya dua spesies buaya di Malaysia iaitu buaya tembaga dan buaya jolong-jolong. Buaya boleh didapati di sungai-sungai besar terutamanya di Sarawak. Tuntung sungai boleh didapati di kawasan Sungai Semenanjung dan populasi utama didapati di sungai-sungai di Perak, Kedah, Terengganu dan Pahang. Walau bagaimanapun hakisian dan pengambilan pasir daripada sungai-sungai ini telah mengurangkan habitat semula jadinya. Pantai Timur Semenanjung merupakan kawasan mendarat yang penting bagi penyu terutamanya penyu belimbang. Rantau Abang di Terengganu merupakan kawasan yang penting untuk penyu mendarat. Pulau Penyu di Sabah juga merupakan kawasan yang penting untuk pemuliharaan penyu di rantau ini.

Taburan burung-burung hutan agak meluas di negara ini terutamanya di kawasan semula jadi seperti di Taman Negara. Walau bagaimanapun, taburan spesies akan bergantung kepada ketinggian dan habitat. Burung-burung migratori banyak terdapat di kawasan pantai berlumpur di sebelah pantai barat Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kawasan yang penting untuk burung-burung berhijrah ialah di Kuala Gula di Perak, Pulau Brui di Sarawak dan kawasan pantai di Sabah. Kebanyakan daripada burung-burung berhijrah ini terdiri daripada keluarga Charadriformes. Dianggarkan sebanyak

satu juta burung melalui negara ini semasa musim penghijrahan iaitu daripada bulan Oktober ke April.

### Sosiod budaya

Malaysia adalah sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada berbagai-bagai kaum. Kebudayaan Kebangsaan Malaysia adalah berasaskan kebudayaan orang-orang Melayu sebagai rakyat asal rantau ini. Kebudayaan Melayu itu sendiri adalah berteraskan ajaran agama Islam. Kebudayaan orang Melayu adalah mengutamakan nilai-nilai sopan santun, kesederhanaan, keindahan dan kehormanan hidup antara ahli-ahli keluarga, jiran tetangga dan masyarakat. Sikap tolak ansur antara kaum juga menjadi pegangan. Semua bentuk kebudayaan serta agama-agama lain adalah sentiasa dihormati. Sambutan hari-hari perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Thaipusam, Krismas, Gawai dan lain-lain adalah dianggap sebagai perayaan penting.

Sesungguhnya suatu yang unik bagi Malaysia ialah penduduknya yang berbagai keturunan dan menganut berbagai agama, khususnya agama Islam, Buddha, Hindu dan Nasrani (Kristian), di samping lain-lain sistem kepercayaan yang diamalkan oleh berbagai kumpulan etnik yang terdapat di negara ini. Di bawah Perlumbaan Persekutuan, Islam adalah merupakan agama rasmi di Malaysia, sementara agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan bebas.

Bahasa Melayu adalah merupakan bahasa rasmi di Malaysia. Walaupun begitu, bahasa-bahasa daripada berbagai kaum dan suku kaum yang lain adalah bebas digunakan.

### Tumbuh-tumbuhan

Tumbuhan semula jadi di Malaysia ialah hutan hujan tropika. Keadaan hutan ini sentiasa hijau dan mengandungi berbagai-bagai jenis pepohon, lebih banyak daripada mana-mana bahagian bukan-tropika di dunia yang sama luas kawasan tanahnya. Terdapat kira-kira 15,000 jenis pokok-pokok yang mengeluarkan bunga, 42000 jenis merupakan pohon-pohon kayu, 1,500 jenis orkid dan 500 jenis pohon palma. Terdapat hanya sedikit rumput halus. Rumput ini juga terdiri daripada beraneka jenis dan terdapat di kawasan yang telah diterokai. Kebanyakan daripada buluh adalah daripada jenis hutan dan mudah didapati di seluruh negara. Tumbuh-tumbuhan jenis konifer sukar didapati, kurang daripada dua dozen jenis dan kebanyakannya di kawasan pergunungan.

Terdapat 800 jenis paku-pakis dan tumbuh-tumbuhan peringkat rendah yang tidak terbilang banyaknya.

Hutan hujan tropika didapati di tanah-tanah rendah dan bukit-bukit Malaysia. Silara yang terdapat di tanah-tanah rendah terbentuk antara 120 kaki dari pada bumi, dibina oleh dedaun pokok-pokok yang menjulang tinggi. Pokok tualang (*koompassia excelsa*) misalnya mencapai sehingga 280 kaki dan dipercayai jenis pokok yang ketiga paling tinggi di dunia. Di bawah rimbunan pokok-pokok besar hutan tebal itu terdapat pokok-pokok yang lebih kecil, pokok-pokok renek dan berbagai-bagai jenis herba. Pada pokok-pokok besar itu sendiri, tumbuh-tumbuhan kecil mendapat tempatnya, orkid, paku-pakis dan jenis keluarga dedalu yang merupakan tumbuhan parasit. Di atas bumi pula, cendawan, dengan dibantu oleh anai-anai dan lelain serangga, dengan cepatnya mereputkan daun-daunan yang mati dan menyempernakan proses peredaran alam semula jadi.

Tumbuhan-tumbuhan yang berupa oportunitas ialah tumbuhan yang memanjang pokok-pokok lain hingga mereka boleh menerima cahaya matahari penuh di atas rimbunan daun-daunan tebal. Walaupun rotan bukan dari jenis liana tetapi iaanya memanjang ke atas pokok-pokok lain. Batangnya yang boleh dilentur serta kuat itu mendapat tempat dalam pasaran sebagai perabot. Hasil keluaran hutan Malaysia yang utama disegi ekonomi ialah kayu balak. Keluarga kayu yang mengeluarkan kayu balak yang terpenting ialah *dipterocarpaceae*, yang terdiri daripadanya diperolehi kayu-kayu balak yang terkenal seperti meranti, cengal, keruing, kapur dan balau. Keluarga yang kedua paling penting ialah *leguminosae* yang daripadanya diperolehi kempas dan merbau. Nyatoh ialah daripada *sapotaceae* dan ramin daripada *gonystylus*.

Hutan hujan tropika meliputi kira-kira 55% daripada kawasan bumi Malaysia, terutamanya di bukit-bukit dan pergunungan. Tanah-tanah rendah sebahagian besarnya, telah dibersihkan untuk kegunaan pertanian. Di kawasan tersebut pembalakan yang terpilih serta langkah-langkah menanam semula telah menukar keadaan asal hutan tersebut. Selain daripada kelapa, padi dan tebu, kawasan-kawasan pertanian tanah rendah adalah dipenuhi dengan tanaman seperti getah, kelapa sawit, nanas, koko, ubi kayu, jagung, dan kopi.

## Parlimen

Parlimen Persekutuan mengandungi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan dua Dewan iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Perkara 55, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahwa hanya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sahaja yang boleh memanggil Parlimen untuk bersidang. Baginda juga mempunyai kuasa istimewa untuk memberhenti atau membubarkan Parlimen. Dengan demikian Yang di-Pertuan Agong diperlukan oleh Perlembagaan untuk memanggil Parlimen bermesyuarat dalam masa enam bulan antara persidangan yang akhir dalam satu penggal yang kemudiannya.

Bagi Dewan Rakyat, Ketua atau Timbalan Ketua Majlis hendaklah menetapkan sekurang-kurangnya 28 hari sebelum permulaan tiap-tiap penggal, tarikh-tarikh majlis akan bermesyuarat dalam penggal itu. Walau bagaimanapun, Ketua atau Timbalan Ketua Majlis boleh mengubah tarikh-tarikh yang ditetapkan itu dari masa ke semasa.

Parlimen Persekutuan merupakan badan perundangan yang tertinggi di Malaysia. Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu. Parlimen akan terus berjalan selama lima tahun, dari tarikh mesyuarat pertamanya selepas Pilihanraya Umum. Pada penghujung tempoh lima tahun ini, Parlimen dengan sendirinya dibubarkan dan dalam masa 60 hari dari tarikh pembubarannya selepas Pilihanraya Umum bagi memilih wakil-wakil untuk Dewan Rakyat hendaklah diadakan, dan Parlimen dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh pembubarannya.

## Dewan Negara

Dewan Negara mempunyai 69 orang ahli di mana 43 orang daripadanya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang pada pendapat Baginda telah berbakti dengan cemerlangnya atau telah mencapai taraf gemilang dalam perkhidmatan awam, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan, khidmat masyarakat atau wakil-wakil kaum yang kecil bilangannya atau yang boleh mewakili kepentingan orang-orang Asli. 43 orang ahli yang dilantik termasuklah dua orang ahli daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang dari Wilayah Persekutuan Labuan. 26 ahli lain dilantik daripada 13 buah negeri di mana setiap negeri diwakili oleh 2 orang ahli. Ahli-

ahli ini dipilih oleh Majlis-majlis Undangan Negeri di bawah perkara 45 (10 (a)) Perlembagaan Persekutuan. Keanggotaan Dewan Negara terbatas kepada warganegara yang berumur 30 tahun ke atas. Tempoh jawatan bagi seseorang ahli Dewan Negara ialah tiga tahun dan boleh dilantik semula bagi tempoh tiga tahun. Walau bagaimanapun seseorang senator tidak boleh memegang jawatan lebih dari dua penggal. Tempoh Dewan Negara tidak terjejas dengan pembubarannya. Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalannya dipilih daripada ahli Dewan sendiri.

Parlimen diberi kuasa oleh Perlembagaan untuk mengubah kedudukan ahli Dewan Negara, seperti menambah bilangan senator yang dilantik oleh Dewan Undangan Negeri kepada tiga orang, memperuntukkan supaya ahli-ahli Dewan Negara itu dilantik oleh pengundi-pengundi, mengurangkan jumlahnya, atau menghapuskan ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik.

## Dewan Rakyat

Mempunyai ahli seramai 193 orang yang dipilih keseluruhannya. Pilihanraya diadakan untuk memilih ahli-ahli Dewan Rakyat yang akan diadakan setiap 5 tahun sekali dimana semua parti-parti yang mempunyai jumlah undi terbanyak akan dibolehkan untuk membentuk kerajaan yang akan mentadbir Negara.

Kebiasaananya, Rang Undang-Undang bermula di Dewan Rakyat. Selepas diluluskan, ia akan dibawa ke Dewan Negara untuk dibahaskan sekali lagi. Selepas itu, Rang Undang-Undang ini hendaklah diluluskan seterusnya akan dipersembahkan kepada Yang Di-Pertuan Agong untuk diperkenankan oleh Baginda. Rang Undang-undang ini akan diwartakan dalam bentuk Warta Kerajaan atau 'Gazette', maka baharulah Rang Undang-Undang itu akan menjadi undang-undang yang sah yang disebutkan dalam warta kerajaan tersebut.

## Sejarah Silam Sepintas Lalu

Sebelum berlakunya imigrasi, di Malaysia sudah ada penduduk peribumi. Orang Melayu atau orang Asli memperlihatkan hampir serupa dengan orang Melayu moden. Bermula dari tahun 1874, pentadbiran British menggalakkan ramai orang Cina berhijrah ke Malaysia. Pada waktu itu, permintaan untuk bijah timah sedang meningkat di England. Oleh kerana tindakan British, satu pertambahan yang mendadak telah berlaku dalam bilangan imigrasi dari Negeri

China. Sementara kemasukan orang India mempunyai kaitan rapat dengan keperluan buruh di ladang kelapa, ladang getah, pembantu hospital, dan kakitangan kereta api. Selain daripada Negeri China dan India, imigrasi juga banyak berlaku dari kawasan-kawasan lain. Kebanyakannya yang datang dari Indonesia adalah dari Pulau Jawa. Kedatangan orang Jawa adalah kerana keadaan hidup yang sangat susah di Pulau Jawa. Ramai orang Jawa telah berimigrasi ke Johor, Hilar Perak dan Sebarang Perai. Selain daripada itu, orang Bugis dan orang Banjar dari Indonesia juga berimigrasi ke Malaysia. Kesimpulannya, di Malaysia rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Terdapat tiga kumpulan yang besar, iaitu kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India. Kedatangan orang-orang Cina, India dan Indonesia secara bermacam-macam telah mengubah komposisi penduduk di Malaysia.

Negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu mengamalkan sistem kerajaan beraja atau sistem monarki mutlak sebelum campur tangan British. Dalam sistem monarki mutlak ini, ketua negara ialah raja dan baginda mempunyai kuasa mutlak untuk memerintah dan mentadbir negara. British campur tangan di Negeri-negeri Melayu seperti Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan sejak tahun 1874 dengan memperkenalkan Sistem Residen di negeri-negeri tersebut. Di bawah sistem Residen, seorang Residen Inggeris dilantik bagi setiap negeri untuk menasihati raja yang berkenaan dalam semua perkara kecuali hal-hal agama dan adat istiadat. Oleh kerana terdapat banyak kelemahan dalam Sistem Residen, maka pada tahun 1896, sistem ini digantikan dengan dasar persekutuan. Mengikut Perjanjian Persekutuan 1895, seorang Residen Jeneral dilantik di Kuala Lumpur untuk memerintah dan mentadbir Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Perlantikan Residen Jeneral ini menandakan berakhirnya semua kuasa pemerintahan dan pentadbiran Raja-raja di negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan kecuali dalam hal-hal berkenaan dengan agama Islam. Serentak dengan perlantikan Residen Jeneral itu, era sistem kerajaan pusat di bawah penjajah British terus berkembang di Tanah Melayu.

Proses peralihan kuasa daripada Raja-raja di Negeri-negeri Melayu kepada penjajah British di kerajaan pusat bertambah pesat antara tahun-tahun 1909 hingga 1914 dengan pembentukan Negeri-negeri Tidak Bersekutu. Negeri-negeri yang Tidak Bersekutu yang terdiri daripada negeri Perlis, Kedah,

Kelantan, Terengganu dan Johor diletakkan di bawah naungan penjajah British. Namun demikian terdapat perbezaan dari segi cara pemerintahan antara Negeri-negeri Melayu Bersekutu dengan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Sistem kerajaan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu lebih mirip sistem kerajaan kesatuan kerana semua kuasa pentadbiran negara dipegang oleh Residen Jeneral di Kuala Lumpur. Sistem kerajaan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Sistem kerajaan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu lebih mirip sistem kerajaan kesatuan kerana semua kuasa pentadbiran negara dipegang oleh Residen Jeneral di Kuala Lumpur. Sistem kerajaan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pula mirip sistem kerajaan konfederasi kerana kuasa kerajaan masih dipegang oleh Raja-raja di negeri masing-masing. Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu enggan menyertai persekutuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu kerana takut kehilangan kuasa pemerintahan di negeri masing-masing.

Apabila pihak British kembali memerintah Tanah Melayu selepas tamatnya pendudukan Jepun, ia memperkenalkan konsep Kesatuan Malaya (Malayan Union) di sini pada tahun 1946. Pembentukan Kesatuan Malaya merupakan usaha kerajaan British hendak berkuasa sepenuhnya di Tanah Melayu dengan menukar taraf negeri-negeri Melayu yang bernaung kepada sebuah tanah jajaahan. Di bawah kerajaan baru ini seluruh Semenanjung Tanah Melayu, kecuali Singapura, diletak di bawah satu sistem pemerintahan pusat. Pembentukan Kesatuan Malaya ditentang hebat oleh rakyat keturunan Melayu dan kerabat diraja kerana ia menawarkan hak kerakyatan kepada kaum bukan Melayu atas prinsip jus soli serta mengancam kedaulatan dan kuasa raja-raja.

Akibat tentang yang hebat itu, Kesatuan Malaya digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada Tahun 1948. Dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, kuasa Raja-raja serta hak istimewa kaum Melayu dipulihkan dan syarat-syarat kewarganegaraan diperketatkan semula. Pada masa yang sama perlembagaan berbilis diperkenalkan di semua negeri di Tanah Melayu (kecuali di Johor dan Terengganu). Raja-raja memerintah mengikut Perlembagaan Negeri masing-masing serta mematuhi peruntukan Perjanjian Persekutuan. Pada tahun 1955, pilihanraya umum yang pertama diadakan di Tanah Melayu untuk menyediakan

rakyat bagi mengambil alihkan kuasa pemerintahan negara daripada penjajah. Dalam pilihanraya itu, sokongan rakyat terhadap Parti Perikatan (gabungan Parti UMNO, MCA dan MIC) amat menggalakkan sehingga ia berjaya memenangi 51 daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkannya. Dengan kemenangan itu, YTM Tunku Abdul Rahman, selaku Presiden Parti Perikatan dilantik menjadi Ketua Menteri.

### Ekonomi Dan Kewangan Negara Kukuh

Kedudukan kewangan negara juga kukuh dan pada hari ini negara kita mempunyai simpanan sejumlah kira-kira RM57 ribu juta. Ini adalah satu jumlah yang terbesar yang pernah dikumpulkan. Kita berasas baik kerana hutang luar negeri kita kecil. Banyak negara di Amerika Latin dan Afrika tidak dapat mengembangkan ekonomi mereka kerana terpaksa membayar pinjaman luar negeri yang besar yang menelan sebahagian besar daripada hasil mereka. Kita bersyukur kita tidak bergantung kepada bantuan dan *hand-outs* dari luar. Sedikit sebanyak ini memberi kebebasan kepada Malaysia untuk mengemukakan pandangan dan bersuara di peringkat antarabangsa mengenai isu-isu yang kontroversial.

Kini taraf hidup rakyat Malaysia adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan sebelum merdeka. Pendapatan per kapita penduduk negara ini sekarang ialah kira-kira RM8,350 berbanding dengan RM1,937 pada tahun 1970. Tetapi jika kita mengambil kira kuasa membeli wang kita atau mengikut Purchasing Power Parity ianya adalah sekali ganda lebih tinggi. Ini adalah kerana kita berjaya mengawal harga dan membendung inflasi. Kita juga kini berjaya meletakkan asas-asas ekonomi yang lebih kukuh bagi negara. Daripada sebuah negara pertanian yang bergantung hanya kepada eksport barangan mentah, kegiatan ekonomi negara kita kini lebih meluas dan meliputi industri pembuatan yang canggih. Pada hari ini, sektor pembuatan merupakan kegiatan utama negara dengan eksport barangan buatan sebanyak 71 peratus daripada jumlah eksport negara.

Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan telah membolehkan negara kita menumpukan perhatian terhadap pembangunan negara. Hasil pembangunan yang pesat, rakyat Malaysia mempunyai kemudahan-kemudahan pendidikan, kesihatan dan infrastruktur yang baik dan kebanyakannya setaraf


dengan negara-negara maju. Tidak ada negara membangun lain yang dapat membekalkan elektrik dan air hampir ke semua kawasan luar bandar serta mempunyai rangkaian jalan raya dan kemudahan-kemudahan lain yang baik. Negara kita juga telah berjaya mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat, terutama orang Melayu dan Bumiputera. Kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan daripada 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 13.6 peratus tahun lalu. Kerajaan terus memberi perhatian khusus kepada usaha-usaha mengurangkan lagi kadar kemiskinan ini. Insya-Allah kemiskinan secara mutlak akan negara kita hapuskan walaupun sudah tentu tidak mungkin kemiskinan secara relatif.

### Pentadbiran Yang Cekap

Negara kita Malaysia mempunyai jentera pentadbiran yang boleh dibanggakan. Ia bukan sahaja cekap, berdisiplin dan produktif, tetapi juga bermutu tinggi dan setanding dengan jentera pentadbiran di negara-negara maju. Ini telah membolehkan negara kita melaksanakan proses pembangunan dengan lebih licin dan berkesan. Kerajaan kita telah memperkenalkan banyak perubahan dalam sistem pentadbiran. Jika dahulu pentadbir kita kurang bekerjasama dengan sektor swasta, hari ini kita jadikan sektor awam dan sektor swasta sebagai satu pasukan yang bekerjasama untuk menjayakan pembangunan negara. Perkara-perkara yang difikirkan lebih sesuai diuruskan oleh sektor swasta dipindahkan kepada sektor swasta melalui proses penswastaan. Bagi para pentadbir pula Kerajaan telah menggubal sistem saraan yang memberi penghargaan kepada prestasi pegawai dan kakitangannya. Mereka yang hanya 'menumpang' tidak akan mendapat layanan yang sama dengan mereka yang betul-betul berusaha dan produktif. Kenaikan pangkat dan upahan akan diasaskan kepada sumbangan terhadap prestasi pentadbiran.

Dengan cara ini kita percaya produktiviti dan kualiti akan meningkat. Sudah tentu kakitangan Kerajaan yang tidak mendapat manfaat daripada sistem ini akan kecewa. Tetapi rakyat akan lebih kecewa jika mereka tidak mendapat khidmat yang mereka berhak mendapat.

Sistem Saran Baru adalah satu pendekatan yang baru dan unik. Masa akan membuktikan sama ada sistem ini baik atau tidak. Membuat ramalan tidak berguna. Yang diperlukan ialah ujian secara



praktikal. Pencapaian semua kemajuan yang cemerlang ini menjadi lebih 'significant' memandangkan Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, suatu keadaan yang biasanya menyulitkan pentadbiran di kebanyakan negara majmuk.

### Ke Arah Negara Maju

Seperti mana yang kita sedia maklum, kerajaan kita sedang menyusun langkah ke arah menjadi sebuah negara maju. Kita mahu mencapai taraf negara maju kerana kita mahu menentukan Malaysia kekal menjadi negara yang benar-benar bebas. Dengan mencapai taraf negara maju, kita percaya kita tidak akan mudah ditekan lagi oleh kuasa-kuasa dunia dalam bidang politik, ekonomi atau sosial. Kerajaan kita juga mahu rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang lebih tinggi serta cekap dan berkemampuan dalam semua bidang terutama dalam penggunaan segala teknologi yang canggih untuk memajukan negara.

### Pencapaian Melayu Dan Bumiputera

Kerajaan kita juga tidak boleh menafikan bahawa masyarakat Melayu dan Bumiputera pada keseluruhannya telah mencapai banyak kejayaan dalam berbagai-bagai bidang. Kalau pada zaman penjajahan Inggeris dahulu, anak Melayu dan Bumiputera hanya menjadi petani dan pegawai rendah kerajaan sahaja, kini nasib kita telah banyak berubah. Sekarang kita telah pun mempunyai anak Melayu dan Bumiputera sebagai ketua jabatan, saintis, *actuarist*, ahli fizik nuklear, pakar bedah dan pakar dalam berbagai-bagai jurusan perubatan, juruterbang, ahli bank dan ahli korporat yang terkemuka. Bahkan sudah ada yang mengurus syarikat gergasi dengan aset bernilai beribu-ribu juta ringgit dan berani membeli syarikat-syarikat besar dan terkemuka di pasaran terbuka serta membuat merger dan *acquisition* yang canggih dan kompleks. Lebih memberangsangkan ialah kebanyakan anak Melayu dan Bumiputera yang berjaya ini berasal dari kawasan luar bandar dan daripada keluarga petani, nelayan dan peneroka. Kalau dahulu amat sukar untuk melihat orang Melayu dan Bumiputera bermula di pekan-pekan dan bandar-bandar besar, hari ini ramai yang boleh didapati di tempat-tempat ini. Bahkan sudah ada banyak bangunan besar di bandar-bandar yang dimiliki oleh orang Melayu dan Bumiputera sedangkan dahulu rumah kedai berderet dua tingkat pun tidak dimiliki oleh mereka. Inilah antara kejayaan yang telah dicapai oleh orang Melayu dan

Bumiputera. Kejayaan ini membuktikan bahawa orang Melayu dan Bumiputera mempunyai kemampuan dan bakat untuk maju dan berjaya dalam apa juga bidang jika mereka betul-betul berminat serta diberi peluang dan latihan yang secukupnya. Kejayaan ini juga adalah satu kejayaan Barisan Nasional yang diterajui oleh UMNO yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa. Anak Melayu dan Bumiputera yang kini berjaya sebagai saintis, ahli korporat, para ilmuwan dan sebagainya adalah kerana perjuangan UMNO dan Kerajaan pimpinan UMNO. Janganlah ada pihak yang berkata bahawa manapun kerajaan pun akan berbuat demikian kerana ini memanglah tanggungjawab kerajaan. Sebenarnya banyak kerajaan di dunia ini yang bukan sahaja tidak menolong menjayakan kelompok-kelompok masyarakat mereka yang tertinggal, tetapi juga tidak berjaya membangunkan negara mereka. Dan ini termasuk kerajaan negara-negara yang sudah maju. Kerajaan yang berjaya mengatasi kebanyakan masalah negara dan rakyat sebenarnya tidak banyak.

Dikhabarlu bahawa majoriti anak Melayu dan Bumiputera yang berjaya tidak lupa mengenang budi. Yang lupa sedikit sahaja tetapi seperti biasa mereka menarik perhatian. Malangnya bukan semua orang Melayu dan Bumiputera menyambut baik kejayaan ini. Apabila orang asing mendakwa bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Penswastaan hanya menguntungkan sebilangan kecil elit Melayu yang kaya, dakwaan ini disambut oleh parti lawan bukan Bumiputera serta parti sosialis bukan Melayu. Dakwaan ini juga disambut oleh sebilangan daripada orang Melayu dan Bumiputera yang terpelajar.

Sebenarnya mereka sendiri, yang mempunyai intelek dan tempat sehingga teguran mereka menarik perhatian orang, adalah golongan yang turut mendapat nikmat daripada DEB. Jika tidak kerana DEB, mereka tidak akan mendapat pelajaran dan kedudukan yang tinggi. Mereka lah sebenarnya elit yang mendapat nikmat daripada DEB tetapi tidak mengenang budi. Jika mereka berpendapat DEB hanya menguntungkan segeleintir orang Melayu, mereka lah orang Melayu itu. Sebenarnya DEB dan Penswastaan menguntungkan semua lapisan rakyat. Bantuan dan peluang pelajaran di semua peringkat, bantuan pertanian, kemudahan bagi penduduk luar bandar, program pembasmian kemiskinan, pengagihan saham-saham syarikat-syarikat gergasi melalui Permodalan Nasional Berhad dan badan-badan

amanah lain, penjualan saham syarikat yang diswastakan kepada pekerja dan Bumiputera - semua ini berdasarkan kepada DEB dan Penswastaan. Tidak ada siapa yang boleh mendakwa ia tidak mendapat apa-apa nikmat pun daripada DEB atau Penswastaan.

Memang benar ada beberapa syarikat besar milik Bumiputera yang berjaya menender dan mengambil alih syarikat atau jabatan kerajaan yang diswastakan. Tetapi apakah dapat Kerajaan memindahkan jabatan atau syarikat kerajaan yang besar kepada orang yang tidak mempunyai modal dan pengalaman dalam bidang perniagaan? Memindahkan jabatan kepada pekerja-pekerja pun adalah tidak mungkin. Tetapi kerana ada orang yang bermodal dan berpengalaman dalam bidang penguasaan yang sanggup membeli sebahagian daripada badan yang diswastakan, maka pekerja juga dapat menumpang membeli saham yang dikhaskan untuk mereka. Dan apabila disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, orang ramai juga boleh membeli saham syarikat tersebut. Jika mereka menyimpan saham-saham mereka, mereka akan menikmati kenaikan nilainya pula. Jika ternampak seolah-olah orang yang mendapat peluang-peluang ini terdiri daripada orang yang rapat dengan pemimpin-pemimpin kerajaan, ianya adalah kerana kerajaan ini sengaja mendekati peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha yang berbakat. Mereka boleh menolong menjayakan rancangan-rancangan kerajaan. Tetapi ada lebih ramai lagi mereka yang rapat dengan Menteri-Menteri Kerajaan yang tidak mendapat apa-apa. Kriteria yang digunakan ialah kebolehan, bukan kerana keluarga atau kawan.

Untuk menimbulkan kemarahan orang ramai, cara yang mudah ialah dengan mengutuk orang yang berada. Ideologi sosialisme dan komunisme diasaskan antara lain kepada kebencian orang yang tidak berada kepada yang berada. Tetapi kita tahu sekarang bahawa ideologi-ideologi ini hanya berjaya menjadikan semua anggota masyarakat lebih miskin dan bukannya lebih kaya. Selepas 70 tahun, pengamal ideologi komunisme sedar bahawa komunisme dan sosialisme yang diasaskan kepada kebencian terhadap mereka yang berada, tidak menguntungkan sesiapa. Dalam mana juga masyarakat sudah tentu ada yang miskin dan ada yang kaya. Kerajaan kita boleh mengadakan masyarakat yang semua anggotanya miskin. Tetapi tidak mungkin mengada-

kan satu masyarakat yang semuanya kaya. Jikalau semua orang kaya, semua khidmat dan barang akan menjadi mahal kerana dibekalkan oleh orang yang kaya. Kerana semuanya mahal, semua anggota masyarakat tidak dapat membeli banyak barang atau perkhidmatan. Ini bermakna daripada segi kuasa membeli, semua mereka adalah miskin. Sebaliknya dalam masyarakat di mana ada yang kaya, yang miskin boleh menumpang. Yang miskin boleh mendapat pekerjaan yang diwujudkan oleh yang kaya. Selain daripada itu, orang kaya dikenakan cukai yang tinggi dan wang cukai ini digunakan oleh kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang boleh dinikmati oleh yang miskin juga.

Ini bukanlah kali pertama rencana menghuraikan masalah miskin dan kaya sebegini. Penulis terpaksa menghuraikannya lagi kerana ada orang Melayu yang sanggup mengecam dasar-dasar kerajaan yang dibentuk untuk menolong orang Melayu, semata-mata kerana mereka mudah terpengaruh dengan jolokan perasaan iri hati dan benci kepada orang yang lebih berada di kalangan mereka. Bagi orang yang menggubal dasar-dasar dan rancangan-rancangan untuk menolong orang Melayu dan Bumiputera, tidak ada yang lebih mengecewakan daripada mendengar orang Melayu sendiri mengecam dasar-dasar dan usaha-usaha untuk menolong mereka. Mereka yang mengecam ini nampaknya tidak suka melihat orang Melayu miskin, tetapi mereka juga tidak suka melihat orang Melayu maju dan berjaya. Tetapi mereka sendiri tidak ada cadangan untuk membuat sesuatu demi kemajuan orang Melayu. Mereka sanggup menerima nikmat untuk diri mereka sendiri tanpa berterima kasih. Sesungguhnya mereka ini tidak bersyukur. Kita harus faham kenapa orang asing tidak suka melihat orang Melayu dan dasar-dasar yang dibentuk oleh kerajaan pimpinan orang Melayu berjaya. Amatlah malang sekali apabila ada orang Melayu yang mendapat nikmat tidak suka melihat kejayaan kaum bangsa mereka.

### Pekerja Dan Kemajuan Negara

Dalam masyarakat yang bertamadun, undang-undang dan aturan peraturan diadakan untuk menentukan hidup bermasyarakat menjadi sempurna, selamat dan aman. Sistem kehakiman diwujudkan untuk mencari keadilan dan menyelesaikan sebarang pertikaian dalam masyarakat secara teratur dengan tidak

terlalu merugikan pihak-pihak yang bersengketa. Hanya berkenaan pertikaian di antara majikan dengan pekerja sahaja yang pendekatan ini tidak digunakan. Sebaliknya pendekatan yang amat primitif digunakan - iaitu 'ujian kekuatan' melalui mogok dan tindakan-tindakan perusahaan lain. Siapa yang kuat, dia akan menang. Cara ini amat merugikan kerana keputusan bukan berasaskan kepada keadilan dan kemampuan melayan tuntutan tetapi kepada keperluan menghentikan kerosakan dan kerugian akibat 'ujian kekuatan'. Pendek kata upahan diberi bukan kerana kerja yang dibuat tetapi kerana keupayaan merosak. Dengan itu kos meningkat dan daya saing menjadi kurang. Kadangkala perniagaan terpaksa ditutup.

Jika dikaji dengan mendalam, salah satu faktor utama yang menyebabkan negara-negara maju mengalami kemelesetan ekonomi sekarang ialah kerana kos pengeluaran barang-barangan mereka begitu tinggi sehingga keluaran mereka tidak dapat bersaing di pasaran. Namun pekerja dan kesatuan mereka masih terus menggunakan 'ujian kekuatan' iaitu mogok dan tindakan-tindakan perusahaan lain untuk menambah upahan. Dengan itu ekonomi mereka terus meleset walaupun faktor-faktor lain seperti modal, teknologi dan pasaran dalam negeri memberi *comparative advantage* kepada mereka. Selagi kos pengeluaran kita rendah, kita akan dapat bersaing, membangun dan terus maju. Tetapi jika kita turut menggunakan sistem 'ujian kekuatan' bagi menyelesaikan pertikaian industri maka sudah tentu kita juga akan turut mengalami kenaikan kos dan kehilangan dayasaing. Kesan kepada kita adalah lebih teruk kerana kita tidak mempunyai teknologi sendiri, kita kekurangan modal dan pasaran dalam negeri kita kecil.

Sebenarnya cara Barat bukanlah selalunya betul. Janganlah kita telan bulat-bulat semua saranan mereka. Penyelesaian pertikaian industri melalui 'ujian kekuatan' adalah cara primitif. Ia adalah satu manifestasi kecetekan tamadun Barat dan kita tidak perlu menerima cara ini. Sebaliknya kita harus menggunakan cara kita sendiri. Kita tidak dapat menafikan bahawa ada majikan yang tidak berlaku adil terhadap pekerja. Jika ini berlaku, pihak yang terlibat, iaitu pekerja dan majikan, tidak boleh menjadi pengadil. Dalam pertikaian di antara dua pihak, hanya pihak ketiga yang boleh mengadili dengan saksama. Kenapakah kita perlu ada 'ujian kekuatan'

atau *test of strength*? Apakah akan terjadi kepada sesuatu masyarakat jika semua masalah antara anggota-anggota masyarakat diselesaikan melalui 'ujian kekuatan'? Apakah masyarakat akan aman dan maju? Sama-sama lah kita fikirkan perkara ini.

Hasrat kerajaan negara kita ialah supaya semua pekerja di Malaysia mendapat upah yang tinggi. Negara maju tidak bermakna kepada pekerja jika pendapatan mereka terus rendah. Bagaimanapun jumlah pendapatan bukanlah perkara utama. Sebabnya ialah pendapatan boleh dinaikkan dengan menurunkan nilai matawang. Dan nilai matawang tetap turun apabila kos naik dan inflasi meningkat. Demikian juga jika kita membayar gaji dengan matawang seperti lira Itali umpamanya, kita akan mendapat gaji yang jumlahnya tinggi tetapi barang yang kita boleh beli dengan mata wang itu tidak bertambah. Begitu juga jika kita turunkan nilai ringgit supaya ia hanya bernilai lima puluh sen, kita boleh menaikkan gaji sekali ganda, tetapi kuasa membeli kita tidak bertambah. Kita tidak menjadi lebih kaya hanya kerana duit kita lebih banyak. Kerajaan kita berpendapat kita boleh menaikkan upah pekerja secara bermakna, iaitu tanpa menjatuhkan nilai ringgit atau menaikkan kos sara hidup. Untuk ini, kita perlukan kerjasama masyarakat pekerja untuk membendung inflasi. Kerajaan Barisan Nasional akan berpegang kepada janji-janjinya melaikan sesuatu yang di luar duagaan berlaku.

Masyarakat pekerja patut sedar bahawa kemajuan negara sekarang ini dapat dinikmati secara langsung oleh para pekerja tanpa tindakan perusahaan. Oleh itu percayalah kepada janji-janji Kerajaan Barisan Nasional. Jika Kerajaan tidak berjanji pun, Kerajaan tetap akan melakukannya. Kerajaan ini dipilih oleh para pekerja juga. Tidak mungkin berjuta-juta undi yang Barisan Nasional perolehi, semuanya datang daripada tauke-tauke. Sebab itulah Kerajaan akan berusaha untuk masyarakat pekerja sepertimana ia berusaha untuk anggota masyarakat yang lain. Semua lapisan masyarakat akan mendapat nikmat yang berpatutan jika Malaysia terus maju di bawah Barisan Nasional.

### Perubahan Demi Kejayaan

Dunia kini telah banyak berubah. Perang Dingin telah berakhir. Dunia yang dahulu dwi-polar sekarang menjadi uni-polar. Komunisme yang pada

satu ketika merupakan sistem alternatif kepada sistem demokrasi liberal sudah runtuh. Seperkara yang menarik ialah negara yang maju boleh merosot dan yang dahulu tertinggal boleh maju. Anggapan bahawa negara yang dahulu ketinggalan tidak mungkin mengejar negara maju jelas tidak benar. Jika formula yang sesuai dan tepat digunakan dan disertai dengan usaha yang gigih, insya-Allah, negara membangun boleh standung dengan negara maju. Ini telah dibuktikan oleh Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Ada kemungkinan negara China akan menjadi salah satu daripada negara yang termaju dan benar-benar menjadi satu kuasa besar.

Hari ini dunia akui bahawa ekonomi yang dinamik terdapat kebanyakannya di Asia Timur, termasuk Asia Tenggara. Malaysia juga sudah termasuk dalam golongan negara yang dinamik. Demikianlah pencapaian Malaysia sehingga jumlah saham yang diniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur melebihi jumlah saham yang diniagakan di pasaran-pasaran saham New York atau Tokyo. Bagi Malaysia menjadi sebuah negara maju bukanlah perkara yang mustahil lagi. Wawasan 2020 bukan satu impian atau satu angan-angan Mat Jenin. Wawasan ini boleh menjadi kenyataan. Tetapi ia tetap tidak akan datang bergolek, seperti juga kejayaan yang kita capai sekarang ini bukan secara kebetulan. Kejayaan yang telah negara kita capai adalah hasil rancangan dan tindakan yang mengambil kira banyak faktor. Untuk mencapai sesuatu, berbagai usaha perlu dibuat dan dibuat dengan cekap oleh Kerajaan dan rakyat. Pembetulan perlu dilakukan sepanjang masa apabila sahaja kesilapan atau kelemahan dikenal pasti.

### Budaya Bangsa

Sesuatu bangsa tidak menjadi maju atau mundur hanya kerana keadaan semula jadi. Maju mundurnya sesuatu bangsa lebih bergantung kepada nilai hidup yang dipegang dan diamalkan oleh bangsa itu. Sebab itulah bangsa Arab jahiliah dengan kepercayaan yang kotor tidak maju. Tetapi apabila mereka menerima ajaran Islam dan menukar nilai-nilai hidup mereka, mereka berjaya sehingga dapat menakluk separuh dunia dan mendirikan satu emayar dan tamadun yang cemerlang. Jika sehingga beberapa tahun yang lalu orang Melayu dan Bumiputera agak mundur berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia, ini bukanlah kerana *nature* atau *character*

mereka. Apabila sahaja mereka mengubah nilai-nilai budaya mereka, prestasi mereka meningkat.

Sudah tentu bentuk budaya Melayu baru yang perlu diwujudkan ini hendaklah sesuai dengan kemajuan. Jika kita ingin mengejar dan mendahului orang lain, kita tidak boleh terus mengamalkan pendekatan yang lama yang telah menyebabkan kita ketinggalan. Walaupun kita percaya setiap orang mempunyai had atau 'limit' kebolehannya, tetapi tanpa usaha bersungguh-sungguh kita tidak mungkin tahu 'limit' kita. Lagipun orang yang tidak berkebolehan dalam sesuatu jurusan, mungkin mempunyai bakat yang tinggi dalam jurusan-jurusan lain. Percubaan yang bersungguh-sungguh perlu dibuat dahulu sebelum kita berpuas hati bahawa kita tidak mempunyai bakat dalam sesuatu bidang. Jika kita betul-betul berusaha, kita akan dapat mengenal pasti mereka yang mampu menguasai segala ilmu dan kecekapan yang akan menjayakan persaingan kita dengan bangsa-bangsa lain. Sebenarnya kebolehan kita adalah sama dengan kebolehan orang lain. Kemajuan yang telah kita capai semenjak merdeka sepatutnya meyakinkan kita akan potensi bangsa kita. Dalam apa juga usaha, janganlah kita mudah berputus asa atau *give up*. Kita juga janganlah mudah berpuashati dengan prestasi kita. Kita harus mengejar kecemerlangan sebagai sebahagian daripada budaya bangsa.

### Pendidikan Dan Ilmu

Pendidikan dan penguasaan berbagai-bagi ilmu adalah penting untuk kemajuan kita. Jika kita akui ini, kita perlu menentukan *priority* kita. Jika untuk menguasai ilmu, kita perlu menguasai bahasa-bahasa lain, kita patut bersungguh-sungguh menguasai bahasa berkenaan. Adalah lebih cepat menguasai bahasa asing untuk mengejar pengetahuan daripada menunggu ilmu tersebut diterjemahkan kepada bahasa kita. Proses penterjemahan memakan masa kerana ia memerlukan orang yang fasih dalam bahasa asing dan bahasa kebangsaan serta pakar dalam bidang ilmu yang hendak dialihbahaskan. Kita tidak mempunyai ramai orang yang seperti ini. Yang ada pun terlalu sibuk dengan kerja-kerja lain untuk mengalih bahasa dan menganjurkan buku. Kita juga tidak mempunyai masa memandangkan matlamat kita tidak statik tetapi sentiasa bergerak ke hadapan.

Bahasa bangsa yang tidak maju tidak akan dihormati. Sebaliknya bahasa bangsa yang maju dan

berpengetahuan tinggi bukan sahaja akan dihormati tetapi juga akan dipelajari oleh orang lain. Mereka yang sayang kepada bahasa kebangsaan mesti berusaha menjayakan bangsanya dengan secepat mungkin dahulu. Dengan itu bahasanya dengan sendiri akan berkembang maju dan dihormati. Mereka yang tidak berusaha menjayakan bangsa, sebenarnya tidak sayang kepada bahasa mereka. Mungkin ada yang berpendapat apalah gunanya kita mengejar segala kemajuan ini. Berpuas hati sahajalah dengan pencapaian kita setakat ini. Malangnya jika kita tidak maju kita akan ketinggalan, dijajah, ditindas dan dihina. Sebahagian besar daripada penduduk negara ini terdiri daripada orang Islam. Umat Islam di dunia sekarang ini dibunuh, diseksa dan dihalau dari negeri sendiri kerana mereka lemah, tidak maju, selalu mengemis serta bergantung kepada orang lain. Apakah kita orang Melayu ingin dijajah semula? Apakah kita ingin nasib orang Islam lain juga memimpin kita? Tidak menggunakan peluang yang wujud di negara ini bermakna tidak bersyukur dengan pemberian Allah SWT kepada kita.

Tetapi mengejar kemajuan ada bahayanya. Kita mungkin terlalu taksub dengannya sehingga lupukan diri. Inilah yang telah berlaku kepada beberapa bangsa yang maju. Untuk mengelak daripada berlakunya perkara ini, pembangunan rohaniah dan pelajaran agama mesti mengimbangi segala usaha ke arah kemajuan 'material' dan intelektual. Inilah masyarakat Melayu baru dan Bumiputera baru yang hendak kita wujudkan. Melayu baru ini akan serba boleh dalam berbagai-bagai bidang, lebih luas pandangannya, dan lebih dihormati. Tetapi mereka hendaklah kekal dengan nilai-nilai keagamaan dan kerohanian mereka. Demikian juga Bumiputera lain dan rakyat Malaysia yang lain.

### **Islam Agama Utama**

Sebagai sebuah negara Islam, kita sentiasa peka dan mengambil berat mengenai perkara-perkara yang menyentuh agama Islam dan umat Islam di mana-mana sahaja mereka berada. Kerajaan kita amat sedih bahawa imej Islam pada hari ini amat rendah dan selalunya dikaitkan dengan kemunduran dan kegagalan dalam hampir semua bidang. Orang Islam dan negara-negara Islam mudah diperalat dan dipermainkan oleh kuasa-kuasa asing. Kekayaan yang tidak terhingga yang dikurniakan kepada negara-negara Islam tidak menguntungkan mereka bahkan

telah menyebabkan mereka berperang sesama sendiri dan menjadi medan ujian bagi senjata Barat. Sedikit sebanyak sikap 'bias' dan prejedis bukan Islam terhadap Islam adalah disebabkan oleh umat Islam sendiri. Tindak-tanduk yang radikal dan ekstrim oleh sebilangan kecil umat Islam telah menyebabkan dunia bukan Islam beranggapan bahawa itulah *way of life* atau cara hidup Islam yang diluangkan, sedangkan kita tahu bahawa itu adalah satu *aberration* atau satu penyelewengan yang terkeluar daripada amalan normal Islam.

Kita juga sedih dengan nasib saudara Islam kita di Bosnia yang setiap hari dibedil, dibunuhi dan dihalau dari tempat tinggal mereka. Demikian juga dengan nasib orang Islam di Somalia yang menghadapi kelaparan dan kematian. Lebih menyedihkan kita ialah umat Islam tidak dapat berbuat apa-apa. Kita mengharap dan bergantung kepada orang lain untuk menyelesaikan masalah umat Islam. Ini ialah kerana pada hari ini tidak ada satu pun kuasa besar Islam yang boleh bertindak dengan berkesan atau dapat mempengaruhi badan-badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk bertindak. Ia juga disebabkan oleh tidak adanya perpaduan dan persaudaraan antara negara-negara Islam.

Dengan berakhirnya Perang Dingin dan dengan keruntuhan sistem komunisme, besar kemungkinan Barat akan mengalah perhatiannya kepada Islam. Sudah ada tanda-tanda bahawa Barat kini menganggap Islam sebagai satu ancaman kepada mereka. Ada kemungkinan kita akan menjadi sasaran serangan Barat secara langsung. Dengan kelemahan kita sekarang, serangan oleh Barat boleh menghancurkan kita sama sekali. Walaupun Malaysia adalah sebuah negara Islam yang kecil dan lemah, kita merasakan adalah tanggungjawab kita untuk menyuarakan pandangan kita terhadap ketidakadilan yang berlaku ke atas umat Islam. Itulah sebabnya mengenai Bosnia dan perkara-perkara lain, suara kita lantang. Kita juga sedaya upaya menyertai usaha-usaha damai antarabangsa di Somalia dan Bosnia. Dalam hal ini, kita telah menyumbang anggota keselamatan kita untuk menyertai pasukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Di samping itu, kerajaan kita juga berusaha untuk meyakinkan dunia bahawa sebenarnya Islam adalah satu agama yang progresif dan tidak memusuhi sesiapa. Untuk meningkatkan kefahaman

orang bukan Islam terhadap Islam, kerajaan kita telah menubuhkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Institut Pemikiran dan Tamadun Islam atau Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC). Kita juga telah menubuhkan Bank Islam dan Syarikat Insurans Islam untuk membuktikan kepada dunia bahawa sistem Islam adalah munasabah dan mampu menampung keperluan masyarakat manusia. Kerajaan kita juga telah menubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa untuk menunjukkan bahawa sistem pendidikan tinggi Islam boleh berjalan seiring dengan sistem pendidikan ilmu-ilmu yang moden dan canggih.

Atas kesedaran untuk membetulkan persepsi dunia bukan Islam bahawa negara Islam tidak semestinya mundur dan lemah, kita telah menetapkan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Kerajaan kita ingin mengembalikan, sekurang-kurangnya di Malaysia, zaman kegemilangan Islam pada waktu mana penguasaan dan penerokaan ilmu dan perusahaan yang canggih terdapat lebih di negara-negara Islam daripada negara-negara lain. Jika dahulu umat Islam dan negara Islam begitu maju, tidak ada sebab kenapa hari ini kita tidak boleh lebih maju daripada orang lain atau sekurang-kurangnya sama maju seperti mereka.

### Gandingan Pelbagai Ilmu

Orang Islam boleh maju jika mereka tidak menganggap agama Islam sebagai agama untuk akhirat semata-mata. Islam menyuruh kita mengimbangkan dunia dengan akhirat. Sudah tentu dalam bidang pengetahuan imbangian ini amat penting. Kemunduran umat Islam bermula apabila satu kumpulan ulama Turki Osmaniah membela kangkan imbangian ini dan menghalang pelajaran ilmu yang lain daripada yang khusus berkenaan dengan agama. Langkah ini dibuat kerana mereka melihat dalam dunia Kristian orang yang bukan paderi sudah semakin berpengaruh ke atas pentadbiran raja-raja Eropah sehingga berjaya memisahkan gereja daripada pentadbiran sedangkan dahulu gereja menguasai pentadbiran. Dengan pemisahan ini paderi-paderi telah diketepikan. Ulama-ulama Turki ketika itu takut pengaruh mereka ke atas Kerajaan Osmaniah juga akan luntur jika terdapat ramai orang yang terpelajar dalam bidang-bidang lain. Tindakan ulama-ulama

Turki ini telah menyebabkan ilmu pengetahuan orang Turki merosot dan dengan itu Turki menjadi semakin lemah sehingga tidak lagi menjadi kuasa besar. Apabila Empayar Osmaniah hancur, umat Islam dan wilayah Islam dibahagi-bahagikan antara negara-negara Barat. Semenjak itu umat Islam tidak dapat dibangunkan lagi dan tidak ada lagi kuasa besar Islam.

Di Malaysia sekarang ini terdapat juga pendapat bahawa ilmu yang bukan khusus berkenaan dengan agama Islam dan amalannya tidak penting, malah merbahaya. Dengan ini ramai daripada anak muda Melayu tidak berminat untuk mempelajari ilmu-ilmu yang lain selain daripada agama. Ada juga yang tiba-tiba meninggalkan pelajaran yang dikatakan sekular untuk mempelajari apa yang ditakrif sebagai ilmu untuk akhirat. Oleh kerana mereka yang berbakat dalam berbagai-bagai ilmu khusus tidak ramai di kalangan orang Islam di Malaysia, maka pengetahuan berbagai-bagai ilmu yang penting untuk memajukan umat Islam tidak berkembang dengan luas. Ini menyukarkan pemulih kekuatan umat Islam di Malaysia. Keadaan menjadi lebih buruk kerana ada juga orang yang terpelajar dalam bidang agama yang ingin mengambil kesempatan daripada pegangan kuat orang Melayu kepada agama. Mereka sengaja menekankan bahawa ilmu-ilmu yang lain daripada agama adalah tidak penting. Seperti juga dengan ulama-ulama Turki dahulu mereka berharap dengan ini kedudukan dan pengaruh mereka menjadi lebih kuat dan luas di kalangan orang Melayu terutama di arena politik. Oleh kerana kita memilih pentadbiran melalui proses demokrasi, mereka berharap akan mendapat kuasa bagi diri mereka.

Keadaan ini tidaklah banyak berbeza dengan keadaan di Turki pada penghujung pemerintahan Osmaniah. Untuk kepentingan politik, kumpulan tertentu di kalangan orang yang terpelajar dalam bidang agama sanggup menggadaikan masa depan dan kekuatan umat Islam. Kita tidak menafikan perlunya masyarakat Islam mempunyai sekumpulan orang yang betul-betul terpelajar dan berpengetahuan mendalam dalam agama Islam. Kita juga tidak menafikan bahawa mereka boleh memainkan peranan dalam pentadbiran negara Islam untuk menentukan bahawa segala dasar dan pendekatan tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Tetapi janganlah kerana kepentingan diri atau parti, mereka

sengaja menyebar ajaran yang boleh merugikan orang Islam dan menghalang usaha-usaha memulih kekuatan umat Islam.

Sejarah Turki tidak tamat dengan golongan ulama hanya kehilangan kuasa dan negara menjadi lemah. Kerana kecewa dengan kelemahan negara mereka, satu kumpulan pemuda Turki telah muncul, lalu menggulingkan Kerajaan Kesultanan Osmaniah dan mendirikan Kerajaan 'sekular'. Jelaslah per-cubaan ulama-ulama Turki untuk mengekalkan pengaruh mereka ke atas Kerajaan Sultan berakhir dengan penyingkir dan pengasingan mereka secara langsung daripada terlibat dengan Kerajaan. Kuasa mereka lenyap sama sekali. Kita khuatir jika tindakan sekumpulan daripada orang yang terpelajar dalam bidang agama di Malaysia menyebabkan orang Islam menjadi lemah dan kaku, orang Islam di negara ini akhirnya akan kecewa dan akan bertindak menghalang terus pengaruh agama dalam Kerajaan negara ini. Jika ini berlaku ianya akan merupakan satu tragedi bukan sahaja kepada kumpulan agama tetapi juga kepada negara.

Kerajaan Barisan Nasional pimpinan UMNO mengutamakan imbangan di antara dunia dengan akhirat. UMNO sebagai parti peneraju mengamalkan berpendirian sederhana. UMNO tidak ekstrim dan fanatik. Kita mengamalkan sikap sederhana ini kerana ia adalah secocok dengan ajaran Islam. Kita percaya bahawa gandingan antara orang yang terpelajar dalam berbagai-bagai ilmu termasuk pakar agama adalah lebih baik dan lebih menguntungkan umat Islam. Kita mungkin tidak akan menjadi kuasa besar tetapi kita percaya umat Islam di Malaysia yang sederhana, berimbang dan maju boleh menyumbang ke arah meninggikan lagi maruah dan kehormatan umat Islam dan agama Islam. Gandingan ini juga sedikit-sebanyak boleh mengembalikan zaman kecermerlangan Islam. Dan agama Islam akan selamat.

### Ekonomi Negara

Ekonomi Malaysia sudah pulih walaupun belum sepenuhnya. Ini bukanlah kerana pendekatan kita kurang baik tetapi kerana kemerosotan ekonomi di negara lain. Kita telah mengalami tekanan ekonomi sama seperti yang dialami oleh negara-negara lain di Asia Timur. Kita tidak dapat menentukan sama ada serangan serentak ke atas matawang negara-negara Timur yang dahulu dikenali sebagai ekonomi hari-

mau, dirancang atau tidak. Tetapi yang nyata ialah kerosakan yang teruk berlaku kepada ekonomi negara-negara ini dan mereka tidak lagi mungkin mencabar ekonomi Barat. Lebih daripada itu kuasa asing mengambil peluang untuk menguasai urusan ekonomi mereka melalui agensi antarabangsa seperti Dana Wang Antarabangsa dan Bank Dunia. Terpaksanya negara-negara yang diserang tunduk kepada kuasa asing bukanlah semata-mata kerana kegawatan ekonomi tetapi kerana rakyat bertindak secara tidak bertanggungjawab. Kerana ada rakyat yang ingin menjatuhkan pemerintah, kegawatan ekonomi yang diusahakan oleh musuh asing digunakan sehingga ketahanan ekonomi negara menjadi lemah. Dan akibatnya kebebasan negara terhakis.

Jika Malaysia hari ini tetap bebas dan ekonominya dikuasai sepenuhnya oleh kita sendiri, sebabnya ialah kerana tidak ramai rakyat yang belot yang secara langsung atau tidak langsung bersubah dengan orang asing. Kerana ini kita dapat memulihkan ekonomi negara jauh lebih baik daripada negara-negara yang mendapat pinjaman dan 'bantuan' daripada pihak asing. Dunia sekarang, termasuk pengkritik yang mencemuh kita, terpaksa akui hakikat ini. Cuma ada segelintir orang di Malaysia yang buta hati kerana benci dan tidak dapat melihat kenyataan di depan mata. Kita yakin dengan kestabilan dan ketenteraman yang terdapat di Malaysia, pemulihan ekonomi negara akan berjalan dengan baik. Pemulihan ekonomi negara juga membuktikan pengurusan ekonomi dan wang di negara ini memang baik. Mustahil kita akan dapat memulihkan ekonomi jika benar kotonnya Kerajaan membazir wang negara dengan projek mega. Sebenarnya kedudukan kewangan negara amat kukuh. Semasa kegawatan, duit kita disedut ke luar negara kerana tawaran faedah yang amat tinggi. Buat beberapa bulan bank-bank Malaysia kekeringan modal. Tetapi Kerajaan berjaya menyekat pengaliran ringgit ke luar negeri dan memaksa ringgit kita kembali ke tanah air. Sejak itu kedudukan kewangan kita menjadi begitu kukuh, dan ekonomi dipulihkan dengan cepat.

Sesungguhnya rakyat Malaysia amat bertuah. Yang perlu lebih bersyukur dengan tuah ini ialah orang Melayu. Tetapi ramai yang tidak tahu bersyukur yang mengharapkan rezeki datang bergolek dengan sendirinya tanpa sebarang usaha oleh mereka. Dalam pilihanraya 1999 ternampak jelas betapa ramai orang Melayu tidak bersyukur dan

cuba menjatuhkan Kerajaan yang menyelamatkan negara dan orang Melayu sendiri. Yang menghargai kebolehan Kerajaan Malaysia ialah bukan Melayu. Semasa kita berjuang untuk kemerdekaan kita percaya bahawa dengan adanya kuasa di tangan kita maka dapatlah kita pulihkan keadaan orang Melayu yang serba daif. Mereka miskin, tidak berpelajaran dan ketinggalan dalam semua bidang. Di negeri-negeri mereka sendiri mereka menjadi kuli orang asing yang mereka pertuankan.

Tetapi kuasa di tangan semata-mata tidak akan menjayakan kita. Kuasa sebenarnya boleh merosakkan kita. Dan hari ini kita lihat bagaimana kuasa kita menjadikan ramai daripada kita begitu tidak bertanggungjawab, begitu tamak sehingga matlamat yang kita harapkan semasa berjuang untuk kemerdekaan dilupakan. Dalam bidang pelajaran umpamanya masalah kita dahulu ialah kurang peluang dan kemampuan untuk belajar hingga ke peringkat tinggi. Hari ini peluang bercambah dan biasiswa untuk anak Melayu tidak sukar diperolehi. Tetapi kita dapat ramai daripada anak-anak kita tidak bermintat untuk mengejar ilmu. Dengan begitu banyak sekolah dan guru, dengan peruntukan wang dan alatan yang lebih daripada mencukupi, amatlah menyedihkan melihat anak Melayu mendapat kelulusan yang begitu rendah sehingga tanpa kuota khas bagi mereka mungkin ramai daripada mereka tidak akan dapat memasuki universiti. Anak Melayu tidak kurang pandai tetapi tanpa rajin belajar, yang berotak geliga pun tidak akan dapat kelulusan yang tinggi. Yang kita tahu ialah ramai anak Melayu yang malas dan tidak bermintat untuk belajar. Mereka lebih suka melepak dan berfoya-foya. Mereka amat marah jika kebenaran ini disebut. Sama ada disebut atau tidak kebenaran tetap kebenaran.

Hari ini kita dapat lebih ramai penuntut wanita Melayu yang diterima masuk ke universiti berbanding dengan penuntut lelaki. Mereka pergi ke sekolah yang sama tetapi sementara penuntut lelaki tidak serius belajar, penuntut wanita lebih tekun belajar. Mereka tidak merayau-rayau. Mereka lebih bertanggungjawab. Jika tidak kerana penuntut wanita, jumlah penuntut Melayu di universiti akan tinggal hanya separuh. Tidak ada bukti yang penuntut wanita lebih pandai daripada penuntut lelaki. Kebolehan mereka lebih kurang sama. Tetapi prestasi kurang baik penuntut lelaki ini sudah sampai kepada nisbah 20 lelaki berbanding dengan 80 wanita. Jika kita teri-

ma bahawa tidak ada perbezaan yang ketara di antara lelaki dan wanita daripada segi kecerdasan otak, maka sudah tentu jika penuntut lelaki berusaha dan tekun mengejar ilmu, mereka juga boleh mencapai kejayaan cemerlang seperti wanita. Kita kagum melihat sementara bilangan penuntut lelaki Melayu tidak ramai dan kelulusan mereka tidak baik, tetapi kepimpinan persatuan penuntut semuanya dibolot oleh mereka. Bilakah anak lelaki Melayu akan sedar akan tanggungjawab mereka terhadap diri mereka, jika pun tidak kepada bangsa, agama dan tanah air? Apakah mereka fikir masyarakat mestu dukung mereka sepanjang masa? Sebenarnya kecerdasan otak orang Melayu tidak kurang daripada kaum-kaum lain. Yang menyebabkan kita perlu mengadakan kuota untuk penuntut Melayu ke universiti adalah juga kerana sikap kita berkenaan dengan menuntut ilmu. Bukan Melayu menganggap menuntut ilmu sebagai sesuatu yang mulia dan masyarakat memandang tinggi mereka yang berilmu. Dengan itu ibu bapa dan guru-guru mereka memberi perhatian yang serius terhadap penerapan ilmu oleh anak-anak dan orang muda. Bahkan mereka meneruskan tuntutan ilmu sepanjang hayat.

### Pelancaran Dasar Ekonomi Baru

Usaha untuk mengagihkan peluang untuk perniagaan bagi Bumiputera tidak bermula secara bersungguh-sungguh sehingga berlaku rusuhan kaum pada 1969. Apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) dibentuk barulah terdapat peluang yang berpatutan untuk orang Melayu menyertai dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Untuk maksud ini lesen, permit, kontrak Kerajaan, kedai, kawasan hutan dan kawasan perniagaan, modal, berbagai-bagai dana diadakan. Saham dari syarikat-syarikat yang tersenarai dan syarikat baru diagihkan kepada Bumiputera untuk menaikkan bahagian mereka dalam perniagaan dan perusahaan. Latihan dan pelajaran pengurusan diberi kepada yang bermintat berniaga. Kaktangan Kerajaan pun dibenarkan bersara lebih awal dan kemudian diberi latihan dan peluang untuk menyertai bidang perniagaan dan perusahaan.

Sepatutnya dengan bantuan Kerajaan yang begitu besar, matlamat meningkatkan bahagian Bumiputera kepada 30 peratus daripada ekonomi negara tercapai. Malangnya orang Melayu dan Bumiputera lain tidak mempunyai budaya perniagaan. Walaupun ada yang berjaya sehingga dapat

memiliki perniagaan dan perusahaan yang agak besar, tetapi majoriti daripada orang Melayu gagal mengekal dan membesarakan perniagaan mereka. Segala bantuan dan peluang gagal menjayakan matlamat sepenuhnya DEB. Satu kelemahan yang ada pada peniaga Melayu ialah mereka tidak sabar untuk menjadi kaya. Dengan itu mereka menjual apa sahaja peluang dan peruntukan yang diberi kepada mereka. Saham, lesen, permit, kontrak dan lain-lain yang dikhaskan kepada mereka dijual terus kepada orang lain untuk mendapat keuntungan serta-merta. Selepas itu mereka memohon lagi. Dengan itu perniagaan yang disertai oleh Bumiputera hanyalah penjualan keistimewaan mereka. Selagi ini berlaku, tidak mungkin Bumiputera mendapat bahagian mereka dalam ekonomi.

Untuk saham yang diagih kepada Bumiputera terus kekal di tangan mereka Kerajaan terpaksa menubuahkan saham-saham amanah dan pelbagai agensi Bumiputera. Alhamdulillah melalui cara ini bukan sahaja saham-saham kekal di tangan Bumiputera dan menyumbang kepada peratusan ekonomi yang dikhaskan bagi mereka, tetapi lebih ramai Bumiputera dapat memiliki saham dalam syarikat-syarikat besar. Daripada 12 juta Bumiputera, tujuh juta lebih memiliki saham dalam syarikat besar melalui saham amanah. Jelaslah bahawa tuduhan yang DEB menguntungkan beberapa kroni Kerajaan sahaja adalah tidak benar. Jika kita hendak memperkayakan kroni adalah mudah bagi kita mengagihkan semua saham kepada mereka sahaja dan tidak kepada tujuh juta Bumiputera lain.

Tetapi cara ini tidak memberi peluang kepada Bumiputera melibatkan diri secara langsung dalam pengurusan perniagaan. Mereka akan hanya menjadi 'sleeping partner' sahaja yang jahil dalam pengurusan perniagaan. Lagipun banyak daripada syarikat yang pemilik terbesar ialah PNB tidak cergas kerana PNB juga tidak dapat mengambil bahagian secara langsung dalam pengurusan kebanyakannya syarikat yang disertainya. Ini bermakna sampai bila-bila pun orang Melayu akan jahil dalam bidang perniagaan. Ini tidak akan menepati DEB. Oleh sebab itu Kerajaan telah mengenalpasti tokoh-tokoh perniagaan Bumiputera yang telah mencapai kejayaan dalam pengurusan syarikat sendirian atau awam. Bilangan mereka tidaklah ramai. Mereka ini diberi peluang untuk membeli jumlah saham yang lebih besar atau diberi projek-projek Kerajaan yang hendak diswastakan. Sesiapa

sahaja yang berbakat diberi peluang.

Umumnya mereka ini berjaya dalam mengendali dan menguruskan perniagaan yang besar ini. Kejayaan mereka ini tidak disenangi oleh orang asing dan oleh beberapa kerat orang Melayu sendiri. Tuduhan dibuat oleh media asing bahawa semua mereka yang diberi peluang adalah kroni Kerajaan, tanpa mengambil kira siapa mereka. Ini bermakna tidak akan ada sesiapa pun daripada Bumiputera yang boleh diberi peluang tanpa dituduh menjadi kroni Kerajaan. Jika Kerajaan tidak hendak dituduh maka individu Bumiputera tidak boleh diberi peluang sama sekali dalam bidang korporat. Jika kita puas hati melihat tidak adanya Bumiputera di peringkat perniagaan besar dalam negara, tidak perlulah Kerajaan mendedahkan diri kepada bermacam fitnah dan tohmahan dengan memberi peluang kepada tokoh perniagaan Melayu. Jualkan sahaja segala-galanya kepada orang asing dan mereka tidak lagi akan tuduh Kerajaan mengamal kronisme. Atau jangan ada penswastaan dan teruskan dengan pemilikan oleh Kerajaan. Sila tanya pekerja telekom sama ada mereka sanggup kembali menjadi pekerja Kerajaan dan dibayar gaji Kerajaan. Lagipun kita tahu semua syarikat milik Kerajaan tidak pernah maju.

DEB dan bermacam-macam usaha lain telah dibuat oleh Kerajaan untuk mendapat penyertaan yang bermakna oleh orang Melayu. Malangnya setelah mencuba lebih dari 30 tahun kita tidak juga mencapai 30 peratus daripada ekonomi/kekayaan negara bagi Bumiputera. Desakan akan dibuat untuk Kerajaan berusaha lagi, mengadakan pelbagai ranangan, menubuahkan berbagai-bagai dana lagi untuk tujuan itu dan ini. Mungkin juga kita akan mengadakan kongres ekonomi Bumiputera berkali-kali untuk membuat berbagai-bagai resolusi bagi Kerajaan melaksanakannya. Desakan akan dibuat untuk Kerajaan mengambil tindakan terhadap resolusi-resolusi yang dirumuskan. Setelah 43 tahun berusaha, setelah berbilion ringgit diperuntukkan, setelah beberapa bank dan pelbagai dana ditubuhkan, hari ini pencapaian orang Melayu dalam bidang perniagaan dan perusahaan masih rendah. Kita masih berniaga di gerai tepi jalan dan belum pun masuk ke kedai batu. Bandar-bandar baru di Malaysia tidak mencerminkan penduduk berbilang kaum di Malaysia. Di bandar-bandar lama kebanyakan warga kota Melayu hanya terdiri daripada setinggan.

Apakah ini disebabkan Kerajaan tidak

berusaha? Kaum yang tidak diberi bantuan oleh Kerajaan jelas berjaya. Kenapakah orang Melayu yang diberi bermacam-macam bantuan tidak berjaya? Selagi orang Melayu tidak mahu mengaku bahawa kelemahan yang sebenar berada pada diri mereka sendiri, selagi mereka tidak sanggup membetulkan kesalahan mereka, selama itulah mereka akan gagal dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Apa dianya kelemahan ini tidak perlu saya sebutkan di sini. Hanya yang saya ingin perkatakan ialah mereka yang ingin kaya cepat akan miskin cepat. Dalam dunia dan di akhirat juga tidak ada yang mudah, tidak ada yang percuma. Hanya mereka yang rajin, tekun, sabar dan jujur sahaja yang akan berjaya baik dalam bidang ekonomi ataupun dalam apa juga bidang.

Penubuhan UMNO sebagai parti politik pada tahun 1946 menandakan tamatnya hampir 450 tahun bangsa Melayu dan negeri-negeri Melayu dijah-jah. Sebelum ini siapa sahaja boleh menjahajah orang Melayu. Mereka tunduk kepada sesiapa sahaja. Portugis, Belanda, British, Jepun dan Siam pun semuanya diterima dan dihormati oleh orang Melayu sebagai tuan kepada mereka. Orang Melayu di zaman penjajah tidak bermaruah dan tidak bersemangat. Mereka anggap diri mereka sebagai manusia kelas dua dan mereka sedia menyerah apa sahaja kepada orang lain yang mereka percaya lebih berkebolehan daripada mereka. Pentadbiran negara, perniagaan dan perusahaan, kerja biasa pun semuanya diserah kepada orang asing. Dengan itu pada satu masa awal abad ke-20 jumlah orang asing di negeri-negeri Melayu melebihi jumlah orang Melayu. Jika tidak kerana resesi dunia yang teruk pada tahun tiga puluhan, hari ini orang Melayu mungkin menjadi kaum minoriti di Malaysia seperti di Singapura. Tetapi resesi 1930 telah menyebabkan ramai daripada orang Cina dan India balik ke negara mereka. Dengan itu jumlah orang Melayu melebihi sedikit daripada orang mendatang. Dengan itu yang menuntut kemerdekaan dan menerajui Kerajaan Malaysia yang merdeka ialah orang Melayu. Kita nyaris menjadi Melayu Singapura. Inilah kesan daripada menyerah segala kerja dan urusan kepada orang lain. Inilah kesan daripada sikap tidak sanggup membuat kerja yang berat sedikit, yang susah sedikit, yang berbeza sedikit daripada kerja biasa - iaitu menanam padi dan menangkap ikan. Orang Melayu tidak sanggup dan tidak mahu bekerja dalam kebun getah atau lombong bijih, atau belajar berniaga selain daripada membuka

gerai di tepi jalan atau menghampar tikar di pasar dan duduk di tengah-tengah barang yang hendak dijual. Perniagaan mereka tidak membesar dan peniaga Melayu biasanya tidak pindah ke kedai yang lebih sempurna, lebih besar. Rezeki secupuk orang Melayu tidak pernah jadi segantang. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Tidak ada esok bagi perniagaan orang Melayu.

Sesungguhnya keadaan ekonomi orang Melayu pada zaman penjajah British amat buruk dan memalukan. Tetapi pada zaman Jepun orang Melayu masih ingin mengalu-alukan kembalinya penjajah British. Alangkah terkejutnya orang Melayu apabila mereka diberitahu British berhasrat menjadikan negeri-negeri Melayu sebagai milik mereka terus dan tidak lagi negeri Melayu yang dilindungi British. Buat kali pertama selama hampir 450 tahun mereka dijah-jah, orang Melayu berhadapan dengan kehilangan secara langsung negeri-negeri kerdil mereka, tanahair mereka. Mereka tidak lagi akan mempunyai taraf sebagai anak watan Bumiputra dalam sebuah negara mereka sendiri. Mereka akan menjadi satu daripada kaum yang setaraf dengan kaum mendatang. Lebih buruk lagi sementara mereka boleh memiliki kewarganegaraan Malayan Union sahaja, kaum pendatang boleh memiliki kewarganegaraan dua negara - Malayan Union dan negara asal daripada mana mereka datang. Dalam Malayan Union ciptaan British, orang Melayu akan menjadi secara rasmi warganegara kelas dua.

Pada zaman British politik dilarang bagi rakyat biasa. Politik hanya untuk raja-raja dengan pembesar mereka dan British. Dengan mudahnya British mengambilah semua kegiatan pentadbiran yang penting. Raja-raja berkusa secara terhad hanya dalam pentadbiran agama Islam dan adat-istiadat Melayu. Kuasa yang sedikit ini telah menyelamatkan orang Melayu daripada nasib yang menimpah penduduk tanah jajahan Barat yang lain. Dalam perjanjian dengan British yang berkuatkuasa selagi ada matahari, bulan dan bintang di langit, syarat yang penting ialah perkembangan agama Kristian di kalangan orang Melayu tidak dibenarkan. Dengan itu terselamatlah agama orang Melayu. Jika tidak, apa yang berlaku di Maluku akan terjadi di Malaysia hari ini. Kerana politik ditegah di kalangan orang Melayu, dan tidak ada jawatan atau pangkat dalam pentadbiran yang dipertandingkan, tidak ada perebutan tempat oleh orang Melayu. Tokoh-tokoh agama memang

ada dan mereka mendirikan sekolah-sekolah agama pondok di utara Semenanjung. Mereka juga tidak berpolitik dan mereka menerima pemerintahan British seperti orang Melayu lain. Dengan itu tidak ada persaingan antara orang yang terpelajar dalam bidang agama dengan orang daripada sekolah Melayu atau sekolah Inggeris. Perpecahan kerana agama tidak berlaku.

Apabila gerakan menentang Malayan Union berlaku, tidak ada masalah bagi orang Melayu lulusan sekolah agama, sekolah Melayu dan sekolah Inggeris bekerjasama rapat untuk menentangnya. Semua orang Melayu menyertai UMNO dan semua sama-sama menyokong perjuangan orang Melayu melawan penjajah. Berhadapan dengan bahaya negeri-negeri mereka dirampas oleh British, raja-raja Melayu juga menyertai secara tidak langsung gerakan menentang British. Dahulu raja-raja Melayu dan pembesar jajahan sering bertelingkah kerana perebutan tempat dan takhta. Perebutan ini memberi peluang kepada penjajah memihak kepada pihak tertentu untuk mengembangkan lagi pengaruh mereka. Tetapi setelah British berkuasa pewaris kepada takhta dan pemberas ditentukan oleh British dan perebutan tidak berlaku lagi.

Dalam keadaan orang Melayu tertekan dan daif, dalam keadaan politik Melayu terhad dan tidak ada orang agama atau orang lain yang memecahbelahkan orang Melayu, dalam keadaan raja dan rakyat berhadapan dengan bahaya yang sama, seruan kepada perpaduan menarik respon yang menggalakkan. Tidak ada sesuatu yang lebih berkesan menyatupadukan orang Melayu daripada percubaan merampas negeri-negeri mereka oleh penjajah. Walaupun mereka serba daif, tidak mempunyai kewangan, tidak berpelajaran dan berilmu, tidak mempunyai senjata, namun perpaduan yang kukuh telah menyelamatkan mereka. British, satu kuasa besar dunia, yang baru menang perang, yang begitu pintar dan cekap, terpaksa tunduk kepada Melayu yang bersatu dalam sebuah parti politik yang baru sahaja ditubuhkan oleh mereka. UMNO, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, di bawah pimpinan seorang anak Johor telah menyatupadukan semua orang Melayu dan pertubuhan-pertubuhan mereka daripada semua lapisan dalam satu pertubuhan politik, iaitu UMNO. Pemimpin-pemimpin UMNO sahaja yang diberi mandat untuk memprotes dan menuntut balik hak orang Melayu ke atas negeri-negeri mereka.

Sebenarnya ini adalah kali pertama dalam

sejarah orang Melayu sejak sebelum kesultanan Melayu Melaka yang orang Melayu sedar akan Kemelayuan mereka dan bersatu sebagai orang Melayu. Sebelum ini mereka menganggap diri mereka sebagai rakyat negeri masing-masing dan kesetiaan mereka adalah kepada raja-raja negeri mereka. Nasib yang malang yang menimpa sesuatu negeri Melayu tidak mengundang simpati dan pertolongan daripada orang Melayu negeri lain. Terbahagi kepada negeri-negeri yang kecil, mereka amat lemah dan mudah diperkosa oleh sesiapa sahaja. Sebab itu satu demi satu daripada negeri-negeri ini menerima naungan atau ditakluk oleh bangsa-bangsa asing. Sejak kejatuhannya kesultanan Melaka, di waktu mana hampir semua negeri Melayu dan orang Melayu menerima naungan Sultan Melaka; sejak itu negeri-negeri Melayu terpaksa mencari penaung dari negara-negara Barat dan negara jiran seperti Siam. Sejak kesultanan Melaka tidak ada suatu masa yang negeri-negeri Melayu betul-betul bebas dan merdeka, dan tidak pernah orang Melayu bersatu kerana Kemelayuan mereka.

Kejayaan UMNO yang tercemerlang sekali ialah penyatuan orang Melayu daripada semua negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Penyatuan ini memberi kekuatan kepada bangsa Melayu yang tidak pernah dirasai oleh orang Melayu selama 450 tahun. Kata George Santayana, seorang ahli fikir Barat, 'Mereka yang tidak belajar daripada sejarah akan didera dengan mengulangi kesalahan mereka berkali-kali'. Apakah orang Melayu mendapat pelajaran daripada sejarah mereka, terutama sejarah 450 tahun mereka dijahah; lebih tepat lagi sejarah mereka dijahah oleh British? Apakah mereka belajar daripada sejarah politik mereka, daripada sejarah ekonomi mereka, daripada sejarah agama mereka dan sejarah keilmuan mereka?

Orang Melayu nampaknya tidak banyak mempelajari daripada sejarah mereka. Melayu mudah lupa sejarah mereka. Sebaliknya mereka amat gemar mewarnakan sejarah mereka dengan cerita dongeng untuk ego mereka, untuk menyedapkan hati dan berbangga dengan cerita-cerita dongeng yang mereka cipta. Demikian mereka suka menyebut ungkapan Hang Tuah yang kononnya berkata, 'Tak akan Melayu hilang di dunia'. Sehingga hari ini benarlah kita tidak hilang. Tetapi apakah jenis Melayu yang tidak hilang ini. Selama 450 tahun mereka hidup di negeri mereka sendiri sebagai hamba bangsa-bangsa

asing. Sekarang mereka sudah bebas dan dapat memerintah diri sendiri. Tetapi apakah mereka sudah menjadi bangsa yang berjaya dan bermaruah.

Orang Melayu boleh dikatakan bijak juga dalam mentadbirkan sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan suku kaum. Umum mengetahui bahawa negara berbilang kaum biasanya diancam oleh permusuhan antara kaum yang kerap kali diikuti dengan perperangan yang tidak berhenti-henti. Jika tidak ada perperangan pun perhubungan antara kaum biasanya tegang. Di Malaysia bukan sahaja terdapat kaum yang berlainan tetapi perbezaan ini ditokok-tambah dengan kelainan bahasa, budaya dan agama. Sesungguhnya campuran ini amat mudah meletup. Tetapi pemimpin-pemimpin Melayu UMNO di waktu perjuangan untuk kemerdekaan telah menjalin satu sistem kerjasama antara kaum yang amat bijak dan istimewa. Sementara identiti kaum dikekalkan, kerjasama dalam satu parti campuran dicipta yang tidak membelaikan kedudukan orang Melayu sebagai Bumiputera anak watan. Kejayaan sistem ciptaan Melayu UMNO ini lebih mengagumkan kerana ianya dibentuk semasa pengganas yang majoritinya daripada keturunan Cina sedang melakukan serangan terhadap kerajaan dengan tujuan mendirikan sebuah republik yang akan dikuasai oleh orang berketurunan Cina. Bahawa majoriti orang Cina sanggup menyokong sebuah parti campuran kepimpinan Melayu yang begitu keras menentang pengganas Cina adalah bukti kemampuan kepimpinan orang Melayu UMNO menangani masalah perkauman yang tebal di Malaysia; menanganinya dengan tidak menggadai hak bangsa Melayu. Tidak ada negara berbilang kaum yang lain yang berjaya mengatasi masalah perkauman seperti Malaysia di bawah pimpinan orang Melayu UMNO.

Inilah bukti kebijaksanaan orang Melayu dan pemimpin-pemimpin mereka, iaitu pemimpin UMNO yang menggunakan akal fikiran dan tidak nafsu dalam pengurusan negara yang baru sahaja merdeka. Walaupun ada saranan supaya orang Melayu merebut semua kuasa dan menidakkannya hak penduduk bukan Melayu, yang mana ini sudah tentu akan memaksa orang Cina terutamanya menyokong perebutan kuasa oleh pengganas Cina, tetapi kepimpinan Melayu menolak desakan ini. Dengan itu akhirnya pengganas di bawah kepimpinan orang berketurunan Cina ditewaskan. Jika pada masa itu

kita mempunyai pemimpin Melayu yang tamak yang cuba merebut semua untuk kita, hari ini Malaysia bukan sahaja tidak aman tetapi tetap mundur seperti kebanyakan negara membangun yang lain. Mungkin rusuhan berlaku sepanjang masa. Demikian kebijaksanaan kepimpinan Melayu UMNO dalam politik dan pentadbiran. Dalam bidang pembangunan ekonomi negara juga prestasi pemerintahan yang diterajui Melayu UMNO jauh lebih baik daripada yang dijangka. Pertumbuhan ekonomi di Malaysia meningkat sepanjang masa, sehingga ia menjadi satu daripada ekonomi ajib di Timur Asia.

Tetapi pencapaian orang Melayu sendiri tidak boleh dibanggakan. Ingatan mereka terlalu pendek. Selepas hanya dua generasi, pengajaran daripada sejarah lama dan baru sudah dilupakan atau tidak dapat difahami. Bagi generasi yang membesar atau dilahirkan selepas merdeka, kemerdekaan tidak mempunyai makna yang sama seperti kepada mereka yang dilahirkan dan membesar di zaman penjajah. Dan mereka tidak juga dapat mempercayai tentang kemungkinan mereka dijahah semula. Sekali merdeka, kononnya selama-lamanya merdeka, kata mereka. Amatlah sukar bagi mereka menerima konsep seperti neo-kolonialisme. Apakah orang putih yang memperjuangkan hak asasi manusia, keadilan, pemerintahan mengikut undang-undang, demokrasi; apakah orang ini berniat untuk menjahah mereka semula? Ini semua adalah helah Kerajaan UMNO untuk menakutkan orang Melayu supaya memberi sokongan kepada parti UMNO. Generasi muda tidak boleh ditipu dan ditakutkan. Kemerdekaan, kebebasan dan keselamatan orang Melayu adalah terjamin. Mana-mana Kerajaan di Malaysia pun akan menjamin keselamatan dan keselesaan hidup orang Melayu.

Dengan ini percubaan tidak dibuat untuk mengubah sikap dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang dahulu telah menyebabkan negeri-negeri Melayu dijahah, dibanjiri oleh orang asing sehingga orang Melayu menjadi minoriti. Orang Melayu masih mudah bersengketa dan berpecah. Orang Melayu masih tidak sanggup mengejar ilmu, tidak sanggup bekerja kuat, tidak mahu belajar pengurusan perniagaan dan menghadapi risiko perniagaan. Orang Melayu masih mencari jalan yang mudah untuk cepat kaya. Dan ini termasuk menerima sogokan. Oleh itu di hari ini orang Melayu masih lemah setelah 43 tahun bebas dan berkusa di negeri sendiri. Tanpa kerajaan yang memihak dan membantu mereka

dalam semua segi, mereka akan jatuh tersungkur. Tanpa diskriminasi positif oleh Kerajaan hanya 20 peratus daripada kemasukan ke universiti akan terdiri daripada anak-anak Melayu. Dan mereka ini pun akan lulus dengan pangkat yang rendah, jika mereka lulus. Tanpa Kerajaan yang prihatin terhadap nasib orang Melayu Naib Canselor dan profesor, dan pen-syarah akan terdiri daripada orang lain dan bukan dimonopoli oleh orang Melayu seperti sekarang.

Dalam kerajaan, pegawai tinggi dan pegawai profesional bukan Melayu akan menjadi majoriti yang terbesar. Kebanyakan Ketua Setiausaha Kementerian-Kementerian akan terdiri daripada bukan Melayu. Keadaan di mana hampir semua pejabat dipenuhi oleh pegawai dan kakitangan Melayu akan berubah. Mungkin juga orang yang hanya tahu bahasa Melayu akan menghadapi masalah semasa berurusan dengan Kerajaan. Dalam bidang ekonomi perniagaan orang Melayu akan terhad kepada gerai-gerai yang berbumbung plastik biru di tepi-tepi jalan. Tidak akan ada kedai batu Melayu dalam bandar. Sudah tentu tidak akan ada bangunan pencakar langit milik ahli korporat Melayu, bahkan oleh dana-dana kepentingan Melayu. Kerajaan yang tidak bersympati dengan orang Melayu akan menswastakan semua perniagaan awam dan jabatan-jabatan kepada orang asing atau rakyat bukan Melayu. Di bawah mereka entiti yang diswastakan ini akan berkembang maju dan menjadi gergasi korporat. Mungkin ada beberapa kerat orang Melayu sahaja yang akan dilihat antara ramai pegawai lain.

Sukar bagi kita menggambarkan keadaan seperti ini. Setelah merdeka 43 tahun sukar bagi orang Melayu hari ini memikir akan keadaan semasa kita dijajah dahulu. Yang kita tahu ialah hari ini kita merdeka, hari ini kita mempunyai Kerajaan yang dikuasai oleh kita, hari ini Kerajaan melindungi kita. Takkallah Malaysia boleh mengadakan Kerajaan yang mengabaikan kepentingan Melayu. Apa juga yang dibuat oleh orang Melayu mereka tetap selamat. Jika mereka berpecah, berperang sesama sendiri pun mereka akan selamat. Bahawa mereka masih lemah dalam semua bidang, lemah daripada segi ekonomi, tidak berilmu, kurang cerdik, mudah disogok, menjadi penagih dadah, menghidap penyakit aids dan lain-lain; semua ini tidak mengapa kerana mereka tetap selamat, tetapi akan mendapat perlindungan daripada Kerajaan Malaysia.

Yang ternampak oleh orang Melayu ialah

politik demokrasi memberi jalan yang mudah untuk mendapat sesuatu bagi diri sendiri. Sedikit sahaja usaha yang perlu dibuat tetapi keuntungan yang akan didapati amat besar. Dalam parti pemerintah dan parti-parti Melayu lain, yang diutamakan ialah perebutan tempat. Keupayaan memberi khidmat atau menyumbang kepada kebaikan, kepada pembangunan orang Melayu dan negara Malaysia tidak penting. Perebutan inilah yang membawa kepada keruntuhan akhlak sehingga kawan yang menolong kita pun sanggup kita caci, sanggup kita jatuhkan. Rasuh sanggup dihulur, agama sanggup diputarbelikan dan bangsa dipecahbelahkan. Tidak ada langsung penghargaan kepada jasa dan bakti. Kita cantas, kita kebas, kita buat apa sahaja untuk mencapai cita-cita besar kita. Parti yang begitu berjasa kepada bangsa, agama dan tanah air, bahkan kepada kita sendiri sanggup kita buruk dan lemahkan dalam usaha kita untuk mendapat sesuatu bagi diri kita. Perpaduan dalam parti, dan perpaduan orang Melayu sendiri sanggup kita tolak dan sanggup kita pecahkan.

Orang Melayu sudah lupa. Mereka sudah lupa bagaimana dahulu mereka dijajah dan dihina kerana mereka berpecah, tidak bersatupadu. Mereka sudah lupa akan kekuatan dan kejayaan mereka apabila mereka bersatu dan melawan British dan mencapai kemerdekaan. Mereka sudah lupa akan tujuan sebenar perjuangan politik mereka. Apakah perlu bahasa Melayu sahaja dijadikan bahasa rasmi? Apakah taraf agama lain tidak boleh disamakan dengan taraf agama Islam? Apakah perlu ada perbezaan di antara Bumiputra dengan bukan Bumiputra? Semua ini dilupakan. Dalam keghairahan untuk mendapat undi daripada pihak tertentu semua kepentingan Melayu yang diperjuangkan ini dijadikan tajuk untuk tawar-menawar.

## Demokrasi

Demokrasi adalah satu sistem politik yang terpaksa diterima pakai oleh seluruh dunia sekarang. Demokrat liberal Barat yang dikatakan percaya kepada kebebasan telah bersumpah tidak akan membantarkan sistem-sistem lain digunakan oleh manapun negara di dunia. Kebebasan hanyalah untuk memilih demokrasi. Inilah demokrasi dan kebebasan yang dimaksudkan oleh demokrat liberal Barat. Kita akui demokrasi baik. Ia memberi hak kepada rakyat memilih orang yang terbaik untuk memerintah negara mereka. Tentulah majoriti rakyat tidak akan

menganiaya diri mereka dengan memilih penyangak untuk mendirikan kerajaan. Tetapi kita sudah lihat bagaimana rakyat beberapa negara demokratik memilih orang yang tidak begitu lurus, tidak berkelebihan untuk mendirikan kerajaan dan memerintah negara. Rakyat mudah dipengaruhi. Jika rakyat begitu kuat pegangan kepada agama, agama boleh dijual, diputarbelikan supaya majoriti rakyat tertipu dan menyokong parti yang salah. Rakyat takut neraka. Oleh itu beritahu mereka jika mereka ingin ke syurga sokonglah parti yang mempunyai nama Islam walaupun ia jelas mempermainkan Islam, bahkan menghina Tuhan.

Hari ini orang Melayu sudah dibiasakan dengan rasuah, dengan sogukan. Mereka meyakinkan diri mereka bawah perbuatan mereka seorang tidak akan menukar keputusan pilihanraya. Tetapi yang berfikiran demikian bukan seorang sahaja. Beratus dan beribu akan berfikir demikian. Dengan itu bangsa, agama dan negara boleh dijual kepada sesiapa yang menghulur wang dan lain-lain. Siapa yang menghulur lebih banyak akan menang. Jelaslah demokrasi tidak menjamin Kerajaan yang dipilih oleh majoriti rakyat tetap Kerajaan yang baik. Penyangak, ulama songsang, pengamal rasuah dan kaki maksiat juga boleh jadi pemimpin negara. Lihatlah negar-negara yang mempunyai penyangak sebagai pemimpin. Hancur negara dibuatnya, tetapi masih ramai yang menyokong dan tidak mudah untuk menyingsirkannya. Penolakan perpaduan oleh orang Melayu, kecacatan dalam sistem demokrasi, putar belit oleh ahli politik yang rakus yang sanggup jual apa sahaja termasuk agama, perasaan kebencian yang tidak berdasar dan keruntuhannya moral orang Melayu sendiri, kehilangan semangat kebangsaan - semua ini boleh menyebabkan kuasa politik Melayu menjadi luntur dan terlepas daripada tangan mereka.

Apakah kita percaya apabila kita lemah orang lain akan memelihara kita, melindungi hak kita? Apakah mana-mana Kerajaan pun akan memberi layanan yang sama seperti yang kita dapat sekarang ini? Apakah kita bersra bangga apabila bangsa Melayu yang tidak akan hilang di dunia ini terpaksa diberi lindungan seperti orang Red Indian di Amerika, disimpan dalam kawasan rizab, dan dijadikan produk pelancongan? Kemungkinan-kemungkinan ini semuanya cerita dongeng untuk menakutkan orang Melayu supaya menyokong kerajaan. Orang asing tidak seburuk yang digambarkan.

Tidakkah mereka menunjuk simpati dan sokongan mereka apabila kerajaan melakukan kezaliman? Mereka, orang asing, berperikemanusiaan. Mereka mendokong hak asasi manusia. Mereka prihatin dan ingin melihat manusia bebas. Mereka tidak akan menganiaya kita. Apakah kita tidak lihat apa yang sedang berlaku di sekeliling kita. Keronnya untuk mendisiplinkan kerajaan, penyangak mata wang dilepaskan untuk menjatuhkan nilai mata wang, merosakkan ekonomi dan memiskinkan negara yang sedang pesat membangun. Berjuta pekerja menganggur, merusuh di jalan raya, membakar kereta dan bangunan, merogol dan membunuh. Pemerintah dijatuhkan kerana keronnya akan diganti dengan pemerintahan yang lebih adil dan demokratik. Apakah kita tidak percaya semua ini mungkin berlaku kepada kita apabila kita lemah dan kita memberi kesempatan kepada bekas-bekas penjajah? Apakah benar mereka ikhlas dan tidak akan menganiaya kita? Sudah lupakah kita sejarah penjajah kita dahulu, kesan perpecahan di kalangan kita, kesan menyerah pemerintahan kepada orang lain, kesan menyerah semua pekerjaan dan perniagaan kepada orang lain. Hanya yang buta dan yang pekak, atau yang celik tetapi tidak mahu lihat, atau yang suka menipu diri sahaja yang akan berkata semua yang diperkatakan ini adalah per cubaan untuk menakutkan orang Melayu dan ahli UMNO supaya tidak menggunakan rasuah dan politik untuk kepentingan diri. Bangsa asing yang dahulu menjajah kita, yang tidak pernah menolong kita; bangsa asing ini tidak ada niat baik kepada kita. Ya, benar hari ini mereka mengecam Kerajaan Malaysia dan kepimpinannya kerana keronnya tidak berlaku adil kepada pihak tertentu, kerana tidak demokratik, kerana mengamalkan kapitalisme kroni dan lain-lain. Mereka nampak begitu simpati dengan puak yang keronnya ingin reformasi dan keadilan. Ini adalah helah mereka sahaja. Kenapa mereka tidak menyelamatkan orang Islam Bosnia dan Kosovar daripada penjenayah Serb, kenapa biar sehingga 200,000 orang dibunuh, ramai dicederakan, dirogol sebelum bertindak? Kenapa tidak pertahankan orang Palestin daripada serangan Israel, yang membunuh kanak-kanak; kenapa sekat makanan dan ubat bagi rakyat Iraq sehingga ramai kanak-kanak lahir cacat dan ramai mati kelaparan dan kurang rawatan?

Orang Islam di mana-mana sahaja ditindas. Apakah mungkin di Malaysia mereka ini begitu bersimpati dengan pembangkang, dengan sebuah

parti yang kononnya berjuang untuk mendirikan negara Islam? Islam bagi mereka adalah sinonim dengan pengganas. Jawapannya 'Tidak'. Tidak mungkin mereka hendakkan Kerajaan oleh orang yang mereka cap sebagai pengganas. Mereka hanya ingin menjatuhkan Kerajaan Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan yang sanggup mengkritik mereka apabila mereka mengganas, Kerajaan yang menolak nasihat mereka untuk menyerah pengurusan ekonomi negara kepada agen mereka, IMF dan Bank Dunia. Mereka benci kepada Malaysia terutama kepimpinan yang ada sekarang, benci yang tidak terhingga, benci dan sakit hati yang amat sangat. Mereka lebih benci kerana Malaysia mampu menangkis serangan ekonomi dan kewangan yang dilancar oleh mereka, dan berjaya tanpa pertolongan sesiapa, berjaya dengan pendekatan sendiri, dengan duit ringgit sendiri. Mereka benci kerana setelah meramal Malaysia dan Kerajaannya akan jatuh tersungkur, hari ini amat jelas bahawa bencana yang mereka ramal tidak menjadi kenyataan. Sebaliknya Malaysia dapat pulih ekonominya sehingga pada tahun 2000 tumbuh dengan pesat semula, lebih pesat dari negara-negara yang menerima 'pertolongan' mereka.

Mereka benci kepada Kerajaan Malaysia kerana mendedah niat jahat mereka apabila memperkenalkan konsep globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Malaysialah yang mula mencabar dan menentang konsep ini yang bertujuan menakluk dunia dengan kekuatan ekonomi, dengan manipulasi wang dan dengan syarikat-syarikat gergasi yang lebih besar dan lebih kaya daripada kebanyakan negara di dunia. Hanya haprak yang suka menjunjung orang putih sahaja yang tidak mengakui semua ini. Ya, memang Malaysia dibenci amat sangat, dibenci dengan tidak terhingga, dibenci kerana bukan sahaja kita negara membangun yang dianggap besar kepala tetapi negara ini dipimpin oleh orang Islam dan negara ini adalah negara Islam — negara '*'terrorist'*', negara pengganas. Media mereka yang amat benci sekali kerana segala-gala yang mereka ramal tidak berlaku. Mereka meramal perkauman akan menghalang pembangunan Malaysia setelah kita merdeka. Tetapi kita berjaya menangani perkauman dengan cara kita sendiri. Apabila berlaku peristiwa 1969 mereka begitu gembira kerana ramalan mereka ternampak telah menjadi kenyataan. Tetapi dalam masa yang pendek kita kembali tenang dan kita cipta *affirmative action*

yang berjaya mengendurkan ketegangan antara kaum dan memulihkan ekonomi negara.

Kita bukan sahaja pulih tetapi kita menjadi satu daripada harimau ekonomi Asia. Proses industrialisasi kita berjalan dengan lancar. Daripada negara pertanian yang bergantung hanya kepada getah dan timah kita berjaya menjadi negara industri pembuatan dan pedagang yang ke-17 terbesar di dunia. Mereka serang Ringgit kita dan media mereka menanti-nanti kita mengemis kepada IMF dan Bank Dunia. Kita tidak mengemis. Kita pulih negara kita dengan usaha kita sendiri, dengan wang kita sendiri. Maka bertambah marahlah mereka. Dan ada tandanya yang mereka sedang berusaha lagi untuk meruntuhkan ekonomi negara kita melalui laporan dan tulisan mereka supaya pelabur asing menolak Malaysia, pelancong tidak datang ke Malaysia, supaya pasaran saham kita jatuh, hutang tidak berbayar meningkat, bank dan syarikat menjadi tenat. Kita memerhati percubaan mereka ini dan kita menyediakan strategi pertahanan kita.

Orang asing dan media mereka tidak ada niat baik terhadap kita. Mereka bukan ingin tukar Kerajaan ini dengan Kerajaan yang lebih adil dan demokratik. Yang mereka ingin melihat ialah negara kita ini mengalami nasib buruk seperti yang berlaku kepada negara-negara tertentu, di mana Kerajaan tidak mampu menstabilkan negara, menjamin keselamatan dan memulihkan ekonomi. Mereka hanya ingin melihat kerosakan dan masalah yang menimpa negara lain menimpa negara kita juga. Mereka ingin kita menjadi 'client state' boneka mereka. Mereka bukan sayang kepada parti lawan dan ingin melihat mereka mengambil alih Kerajaan Malaysia. Mereka hanya menggunakan parti lawan sebagai alat untuk menjayakan niat buruk mereka. Jika ada orang tertentu untuk ditonjolkan sebagai obor untuk mengumpul rakyat dan mempengaruhi dunia tentang keburukan Kerajaan yang mereka tidak suka maka nasib buruk orang itu akan dijaja di seluruh dunia. Kononnya layanan terhadap orang tertentu ini menunjuk betapa tidak adilnya negara tertentu, betapa tidak demokratik dan tidak berperikemanusiaan. Tetapi apabila beribu-ribu orang di Palestin, Bosnia, Kosovo dibunuhi dengan kejam mereka tidak memburukkan Israel atau Serbia. Di negara mereka sendiri ketidakadilan yang ketara berlaku kerana sentimen perkauman kulit putih dan mahkamah mereka selalunya berat sebelah. Ini tidak pula menarik

tuduhan oleh media mereka bahawa mereka tidak adil. Mereka mendakwa tunjuk perasaan dan demonstrasi adalah hak asasi manusia dan demokratik. Tetapi apabila ini berlaku di negara mereka sendiri, mereka pukul, mereka tembak dan mereka tangkap pejuang-pejuang yang mengamalkan hak-hak ini. Cakap tak serupa bikin. Dua kali lima sahaja. Katakan orang kita yang lebih.

Orang Melayu jangan benar diri ditipu oleh orang asing. Jangan menjadi alat orang asing untuk merosakkan negara sendiri. Jangan mengkhianati bangsa dan agama. Jangan menderhaka. Jangan lupa sejarah penindasan kita oleh penjajah dahulu. Kita akui negara kita dan Kerajaan yang ada ini tidak bebas daripada kesalahan, daripada kecacatan. Sebagai bangsa yang bebas dan berdaulat kita harus selesaikan masalah kita dengan usaha kita sendiri. Proses demokrasi walaupun tidak boleh menjamin semua hasilnya baik, tetapi masih boleh diguna untuk mengatasi masalah-masalah sesama kita dan dalam negara kita. Jangan cepat lari untuk mencari pertolongan daripada 'sherif' bangsa lain. Orang Melayu perlu berfikiran waras. Jangan benar nafsu mempengaruhi dan mengatasi akal fikiran. Jangan benar perasaan benci semata-mata menguasai pendirian kita. Jangan gemar dengan fitnah, kerana Al-Quran jelas meletakkan fitnah sebagai lebih bahaya daripada membunuh, seperti dalam surah Al-Baqarah ayat 191, yang bermaksud: 'Fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan'. Mereka yang melemparkan fitnah melakukan keburukan yang besar, lebih besar daripada keburukan membunuh. Mereka yang menolong menyebarkan fitnah, mereka juga bersalah. Takutlah kepada Tuhan, kepada Allah. Jangan melempar fitnah, jangan menyebarkan fitnah dan jangan mempercayai fitnah. Demikian surah Al-Hujuraat ayat 6 dalam Al-Quran yang bermaksud: 'Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.'

Buatlah penilaian yang baik terhadap apa tuduhan. Bukanakah hampir semua daripada tuduhan yang dilempar terhadap kerajaan tidak berasas. Rancangan Perairan Muda dikatakan

menyeka tanah, Jambatan Pulau Pinang membazir, Dasar Ekonomi Baru hanya menguntungkan beberapa kroni Kerajaan sahaja, kereta Proton tidak mungkin berjaya, penswastaan tidak menolong membangunkan negara, kawalan pengaliran modal tidak mungkin memulihkan ekonomi negara dan seribu satu lagi tuduhan, yang semuanya didapati tidak berasas. Demikian juga dakwaan kononnya Dr Mahathir buang suara ahli bawahans dalam bakul sampah, tidak percaya agama dan menggunakan perkhidmatan bomoh, tidak sembahyang subuh - semuanya fitnah belaka. Sila dapatkan bukti dan butiran yang jelas berkenaan dengan tuduhan dan dakwaan ini dan berkenaan projek-projek ini dan projek-projek lain dan dasar Kerajaan. Tidakkah DEB memberi peluang pelajaran tinggi kepada ratusan ribu anak Melayu sehingga mereka hari ini berpendapat berkali ganda lebih daripada ibu bapa dan keluarga asal mereka? Bukanakah Proton satu perusahaan yang berjaya sehingga tiga per empat daripada kereta di jalanan adalah Proton, dan mereka yang dahulu tidak mungkin memiliki kereta sekarang ke sana, ke sini dengan kereta Proton? Bukanakah dunia hari ini terpaksa mengakui bahawa kawalan modal ala Malaysia mampu memulihkan ekonomi negara?

Kenapakah orang asing sanggup bermatimatik untuk datang ke Malaysia? Apakah kalau negara mereka lebih baik, lebih banyak peluang kerja, mereka akan datang ke sini? Apakah Malaysia bukan negara Islam? Berapa banyak negara yang 40 peratus penduduknya menganuti pelbagai agama lain, tetapi Islam dapat dijadikan agama rasmi? Apakah ukuran yang dikehendaki sebelum negara ini boleh diakui sebagai negara Islam? Sila sebut dengan jelas dan terang. Apakah hanya setelah hukum hudud dilaksanakan baru pihak ini akan menerima kerajaan ini bukan kerajaan kafir, bukan sekular.

### Negara Islam Yang Diiktiraf

Dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam dan banyaklah kerajaan negara Islam lain yang menganggap Malaysia sebagai contoh negara Islam yang terbaik untuk mereka. Negara Islam dan institusi Islam memberi pelbagai anugerah kepada Malaysia kerana kagum dengan kemajuannya dan kemajuan agama Islam di Malaysia. Lebih seratus negara Islam dan bukan Islam menghantar penutut mereka ke Universiti Islam Malaysia. Tetapi di Malaysia ada orang Islam yang mendakwa Malaysia bukan negara

Islam dan pemerintahannya pemerintahan kafir dan sekular. Kita ingin tentukan yang mana satu dari negara-negara yang dunia akui adalah negara Islam. Jika pelaksanaan hukum hudud menjadi kriteria diakui sebagai negara, negara mana yang melaksanakan hukum hudud di zaman ini. Setakat yang kita dapat sahkan tidak ada satu pun negara yang menguatkuasakan hukum hudud, iaitu daripada cara pembicaraan sehingga ke pelaksanaan hukuman. Ini bukan bermakna mereka menolak hukum agama tetapi kerana masyarakat sekarang berbeza dengan masyarakat Islam pada zaman Nabi. Tidak ada yang bebas daripada dosa besar yang sanggup memberi keterangan sebagai saksi. Namun jenayah tetap berlaku dan penghakiman terpaksa dibuat. Apakah ini bertentangan dengan agama Islam?

Negara kita sudah merdeka lebih dari 43 tahun dan dunia akui kejayaan dan kemajuan kita. Pendapatan per kapita meningkat daripada 300 Dolar Amerika setahun sebelum merdeka kepada 4000 Dolar Amerika setahun sekarang. Seluruh negara, bukan sahaja bandar, mempunyai bekalan elektrik dan air, mempunyai masjid, klinik, hospital dan sekolah, jalan raya, lebuh raya, jalan kampung bertar. Bukan sahaja semua rakyat mendapat upah bekerja tetapi dua juta orang asing menumpang peluang pekerjaan di negara ini. Tidak ada kekurangan makanan atau pakaian. Yang termiskin pun diberi rumah yang selesa. Perhitungan nikmat yang banyak yang kita terima di negara yang bertuah ini. Dan fikirkan bagaimana semua ini diadakan. Ia tidak datang bergolek, tidak datang melayang. Ia diusahakan oleh Kerajaan. Kerajaan pilihan rakyat, kerajaan Malaysia yang diteraju oleh UMNO, yang tetap memelihara dan melindungi hak orang Melayu di samping mengambil kira hak dan kepentingan kaum-kaum lain. Kerajaan kita tidak rampas hak orang kaya untuk diberi kepada rakyat yang miskin. Kerajaan kita membesarlu kek ekonomi negara dan daripada yang besar ini diagihkan secara saksama kepada semua kaum. Hanya yang kerajaan kita tidak senang hati ialah pencapaian orang Melayu sendiri. Mereka terlalu leka, terlalu yakin akan ada pihak yang akan menyelamat mereka, akan menolong mereka. Ramai daripada mereka yakin Kerajaan mana pun akan melayan semua kehendak mereka. Mereka yakin kuasa politik mereka akan kekal dan menentukan mereka terus berkuasa selama-lamanya.

Justeru itu, apa perlunya mereka berusaha,

mereka rajin dan kuat bekerja, mereka menguasai segala ilmu dan kecekapan supaya mereka tidak lagi perlu bergantung kepada kuota, kepada bantuan, kepada pilih kasih, kepada hak istimewa orang Melayu. Bodohlah jika kita boleh dapat dengan mudah, dengan percuma tetapi kita pilih untuk bersusah payah membuat sendiri, membeli dengan duit sendiri. Kita tidak pun perlu berterima kasih kepada orang yang menolong kita, yang memberi sesuatu kepada kita, kerana apa yang kita dapat memang pun kita punya. Kita sebenarnya berhak menggigit tangan yang memberi kerana ada tok guru kita yang telah mengajar kita supaya jangan berterima kasih. Orang Melayu bukan bodoh, bukan tidak cerdik, tidak cerdas otak. Mereka adalah sama dengan bangsa-bangsa lain. Apa bangsa lain boleh buat, orang Melayu boleh buat. Tetapi kalau kita tidak sanggup buat maka mustahil hasilnya akan menjelma dengan sendirinya.

Kita perlu berusaha, kita perlu rajin dan kuat bekerja, kuat menuntut ilmu dan segala kecekapan, kuat berpegang kepada nilai-nilai yang mulia, menolak segala kemungkaran dan mengamal yang makruf dan lain-lain yang boleh meningkatkan prestasi kita. Kita boleh. Orang Melayu boleh. Allah mengurnikan kepada kita apa yang dikurniakan kepada orang lain, kepada bangsa-bangsa yang maju di dunia. Allah SWT telah tentukan apabila manusia membuat sesuatu berulang kali ia tetap menjadi cekap, menjadi pandai. Lebih daripada itu entah bagaimana, zuriat kita mewarisi kepandaian dan kecekapan itu. Jika bangsa Melayu sanggup bertekun, rajin dan tidak mudah bosan dengan mempelajari dan membuat sesuatu, insya-Allah mereka akan menguasai apa yang dituntut akhirnya, untuk dunia dan untuk akhir juga.

Tetapi permulaan mestilah dibuat. Permulaannya bermula dengan mengikis kepercayaan bahawa kita tetap akan selamat kerana Kerajaan mana pun akan menolong kita. Cuba fikir akan kemungkinan kita tidak akan dilindungi dan kita perlu berdikari, berdiri atas kaki sendiri. Orang yang selalu terlentang di atas tikar tidak mungkin berdiri kerana kakinya lemah dan kepalanya pening. Jika kita ingin berdikari, berdirilah atas kaki sendiri, jangan bergantung kepada orang lain, jangan meminta-minta. Seboleh-bolehnya jangan terima bantuan. Jika terima bayarlah harganya atau balas balik. Ini lebih mulia daripada selalu meminta-minta. Sudah tentu ini

lebih mulia daripada sikap tidak bersyukur dengan pertolongan. Orang Melayu yang tidak bergantung kepada hak istimewa mereka, yang tekun berusaha, yang sabar, dan tidak ingin cepat kaya melainkan dengan usaha sendiri, dengan cara yang halal, akan menjadi orang Melayu yang mampu bertahan dan berjaya. Masyarakat Melayu yang dipenuhi dengan Melayu seperti ini akan lebih selamat dan dapat bersaing dengan jayanya dengan sesiapa dalam apa juga keadaan.

Apabila globalisasi menjadi kenyataan, orang Melayu tidak lagi dapat bersembunyi di belakang hak istimewa mereka, di belakang DEB, di belakang sempadan negara mereka. Apabila benteng negara kita dirobohkan oleh bangsa asing dengan globalisasi mereka, segala dasar mempertahankan hak dan keistimewaan orang Melayu sebagai anak bumi Malaysia, akan dicabar. Demokrasi, hak sama rata, meritokrasi, hak asasi manusia; semua ini akan diguna untuk membelasih hak istimewa orang Melayu. Akan ada orang Melayu sendiri yang akan menjadi pengkhianat dan menyokong serangan orang asing ke atas orang Melayu. Mungkin orang ini berasa malu tetapi lebih mungkin mereka hendak bermukamuka untuk dipuji oleh Tuan mereka. Rama orang Melayu yang akan jadi kaki bodek orang asing, yang ingin dipuji kerana mereka kononnya begitu progresif dan *worldly*. Mereka lebih teruk daripada orang asing ini. Hari ini pun kita boleh kesan haprak ini.

Kita tidak boleh yakin kita dapat bertahan, kita dapatkekalkan hak kita jika kita tidak mempunyai kekuatan berdikari, tidak dapat hidup melainkan disusup oleh orang lain. Kemungkinannya ialah kita akan tinggal nama dalam sejarah sahaja. Tak akan Melayu hilang di dunia. Demikian kata Hang Tuah. Kata-kata keramat ini boleh kita ulangi, boleh kita bincang, boleh kitajadikan tajuk seminar. Tetapi jika orang Melayu masih tidak sanggup bekerja kuat, tidak sanggup mengejar ilmu dan kecekapan sezaman, kita masih boleh hilang atau kembali menjadi hamba orang seperti pada zaman penjajah. Dan kemungkinan ini, menjadi lebih jelas dan nyata kerana orang Melayu sudah berpecah, sudah menolak perpaduan kerana ramai sudah menjadi terlalu tamak sehingga bangsa dan agama juga tidak lagi penting seperti perebutan kuasa oleh parti dan oleh orang tertentu.

### Zaman Darurat

Zaman Darurat merupakan satu titik hitam dalam sejarah Semenanjung Tanah Melayu di mana berlakunya peperangan terbuka di antara pihak kerajaan dengan Parti Komunis Malaya (PKM) yang turut melibatkan semua lapisan rakyat Tanah Melayu. Banyak penyelidikan dan kajian telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negeri mengenai zaman Darurat di Tanah Melayu yang berlaku selama dua belas tahun iaitu 1948 hingga 1960. Namun demikian, walaupun terdapat begitu banyak kajian, yang menyediakan ialah di kalangan generasi muda hari ini, terutamanya mereka yang dilahirkan selepas penubuhan Malaysia, 1963 yang tidak terlibat secara langsung dalam zaman Darurat hanya mempunyai ide kabur tentang peristiwa tersebut. Oleh yang demikian, penulis telah mengusahakan bibliografi beranotasi ini dengan disertakan sejarah ringkas zaman Darurat di Tanah Melayu yang telah berlaku 52 tahun dahulu.

Secara rasminya, zaman Darurat di Tanah Melayu bermula pada tahun pertengahan 1948 dan berakhir pada tahun Julai 1960. Tetapi pada hakikatnya, sebelum tahun 1948 beberapa peristiwa kacau-bilau telah pun dilancarkan oleh pengganas-pengganas komunis. Begitu juga, kekerapan dan ketegangan pertempuran kerajaan-komunis telah pun reda lebih kurang pada penghujung tahun 1954. Pembunuhan tiga orang Eropah di Sungai Siput, Perak oleh komunis pada 16 Jun 1948 telah membawa kepada pengisytiharan Darurat oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Edward Gent di beberapa kawasan di Perak dan Johor. Pada 18 Jun 1948, setelah keganasan PKM menjadi-jadi, Darurat telah diisytiharkan di seluruh Tanah Melayu apabila PKM melancarkan pemberontakan bersenjata. Seterusnya, PKM diharamkan secara rasmi pada 23 Julai 1948.

### Strategi Parti Komunis Malaya (PKM)

Strategi-strategi PKM untuk mengambil alih kuasa di Tanah Melayu diusahakan melalui tiga peringkat. Peringkat pertama, PKM bergiat untuk melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu dengan memusnahkan estet-estet getah dan lombong-lombong bijih timah, dua industri penting Tanah Melayu. Peringkat kedua, menawan dan menguasai kawasan-kawasan dan bandar-bandar terpencil bagi digunakan sebagai markas untuk menyerang pihak kerajaan. Peringkat terakhir, dari markas-markas tersebut PKM akan cuba meng-

halau serta mengusir pihak British dari Tanah Melayu dan kemudiannya menguasai seluruh Tanah Melayu. Justeru itu, sebuah kerajaan Republik Komunis Tanah Melayu akan dibentukkan untuk memerintah Semenanjung Tanah Melayu.

Dalam pemberontakan bersenjata, PKM menggunakan taktik-taktik perang gerila di mana pengganas-pengganas komunis beroperasi melalui unit-unit yang kecil di antara 200 hingga 400 orang dengan menggunakan senjata-senjata yang berjaya disoroskan semasa pendudukan Jepun yang telah dibekalkan oleh tentera British. PKM juga telah menubuhkan satu uni bekalan dan pengintipan awam iaitu Min Yuen. Min Yuen memainkan dua peranan penting iaitu mendapatkan bekalan makanan dan perubatan serta memperolehi maklumat-maklumat mengenai kegiatan-kegiatan kerajaan dalam usahanya menentang PKM. PKM telah melancarkan serangan-serangan yang hebat ke atas estet-estet getah, lombong-lombong bijih timah, balai-balai polis dan orang awam antara tahun-tahun 1948-1951. Kejayaan paling besar PKM ialah pembunuhan Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Henry Gurney di jalan ke Bukit Fraser pada 6 Oktober 1951.

### Pemberontakan Bersenjata

Mengapakah PKM melancarkan pemberontakan bersenjata terbuka? Terdapat banyak faktor yang mendorong PKM melancarkan pemberontakan bersenjata pada tahun 1948. Salah satu faktor ialah kegagalan polisi perdamaian Barisan Bersatu di mana PKM telah gagal mencapai cita-citanya melalui cara perlembagaan atau perdamaian di antara tahun-tahun 1945-1948. Dalam tempoh tersebut, PKM melalui kesatuan-kesatuan sekerja yang dikuasainya telah melancarkan pemogokan bagi melemahkan dan menjatuhkan kerajaan British di Tanah Melayu. Menjelang tahun 1947, pengaruh PKM ke atas gerakan buruh telah merosot dan oleh yang demikian, PKM terpaksa menggunakan cara kekerasan untuk menjatuhkan kerajaan British di Tanah Melayu. Seterusnya, perubahan pucuk pimpinan dan krisis dalam PKM turut mengakibatkan pemberontakan komunis. Setiausaha PKM, Lai Teck yang didapati menjadi ejen Jepun dan British telah menghilangkan diri dengan wang parti pada bulan Mac 1947 menyebabkan ahli-ahli PKM terguncang keyakinan mereka. Untuk memulihkan semangat perjuangan komunis, pemimpin baru, Chin Peng

berpendapat perlunya dasar yang lebih aktif dan dramatik untuk menggerakkan PKM ke hadapan supaya kerajaan British dapat dijatuhkan dan kerajaan komunis ditubuhkan.

Selain itu, PKM juga dipengaruhi oleh pihak luar seperti Kongres Pemuda Komunis Asia di Calcutta pada bulan Februari 1948 yang mengarahkan parti-parti komunis untuk melancarkan pemberontakan bersenjata demi mencapai matlamat masing-masing. Kemudiannya, PKM juga telah digesa oleh Parti Komunis China untuk memulakan revolusi di Tanah Melayu. Seterusnya, kejayaan-kejayaan pihak komunis di negara China, Greece dan Indo-China telah memberi inspirasi kepada PKM untuk melancarkan pemberontakan di Tanah Melayu yang pada pendapat mereka akan berjaya.

### Langkah Membentera Pemberontakan

Untuk mengatasi pemberontakan bersenjata PKM, kerajaan British di Tanah Melayu telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya. Pertama, Darurat telah diisyiharkan di seluruh Tanah Melayu dan pertubuhan PKM telah diharamkan. Di bawah Peraturan-peraturan Darurat 1949, kerajaan boleh menahan sesiapa yang disyaki terlibat dengan kegiatan komunis tanpa bicara. Selain itu, perintah berkurung dan pemeriksaan tanpa waran serta pengawalan pergerakan lalu lintas dan makanan dijalankan untuk melemahkan PKM. Kerajaan juga memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan di mana semua penduduk Tanah Melayu yang berumur 12 tahun ke atas mesti mendaftarkan diri dan membawa kad pengenalan untuk memudahkan pengeasan-anasir-anasir komunis. Ini menyebabkan ramai pemimpin komunis melarikan diri ke hutan akibat takut diberkas oleh pihak kerajaan.

Kedua, Rancangan Briggs telah dilaksanakan oleh Pengarah Gerakan yang baru iaitu Leftenan-Jeneral Sir Harold Briggs di negeri Johor pada 1 Jun 1950 dan seterusnya di seluruh Tanah Melayu. Rancangan Briggs bertujuan menempatkan semula settinggan-settinggan Cina dari kawasan-kawasan terpencil yang bertaburan ke kampung-kampung baru untuk melindungi mereka yang dipaksa membantu PKM dan lebih penting bagi menghapuskan sistem bekalan komunis. Menjelang tahun 1952, seramai 400 000 orang settinggan Cina telah ditempatkan semula di lebih kurang 400 buah kampung baru. Penempatan semula ini telah berjaya

melemahkan PKM yang terpaksa keluar dari hutan dan bertempur dengan tentera kerajaan. Ini telah memudahkan usaha-usaha kerajaan untuk menghapuskan pemberontakan komunis.

Langkah yang ketiga ialah penubuhan Majlis Perang Persekutuan dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perang di peringkat daerah dan negeri melalui Arahuan No. 1 bertarikh 16 April 1950. Majlis Perang Persekutuan dianggotai pegawai-pegawai atasan, polis, tentera udara dan darat bertujuan merancang dasar perang umum manakala Jawatankuasa Kerja Perang peringkat negeri dan daerah berperanan mengkoordinasikan rancangan-rancangan operasi dalam menentang pengganas-pengganas komunis.

Langkah kerajaan seterusnya ialah perluasan pasukan tentera di mana mata-mata khas Melayu seramai 24,000 orang telah dilatih dengan segera untuk mengawasi ladang, lombong dan kawasan-kawasan terpencil. Pasukan Polis Persekutuan diperbesarkan menjadi 67,000 orang menjelang tahun 1952. Antara tahun-tahun 1951-53, sejumlah 250,000 - 350,000 Pengawal Kampung (Home Guards) telah diwujudkan untuk membantu memperkuatkukuhkan pertahanan menentang revolusi bersenjata PKM. Dalam pada itu, sebanyak 23 batalion askar telah dihantar dari Britain dan negara-negara Komanwel untuk membantu dalam serangan yang lebih agresif terhadap komunis di hutan. Dalam pada itu, pada tahun 1951, kerajaan Tanah Melayu telah mengadakan langkah pengerahan masuk tentera ke atas rakyatnya yang sihat dan kuat untuk bersama-sama berjuang menentang pengganas-pengganas komunis. Menurut rancangan pengerahan, mereka yang dikerah diwajibkan melaporkan diri di antara tujuh hingga sepuluh hari di kem latihan dan seterusnya akan dihantar ke pusat latihan selama tiga bulan untuk latihan ketenteraan asas.

Namun demikian, rancangan pengerahan tidak berjaya kerana tidak mendapat sambutan baik rakyat terutamanya kaum Cina. Tambahan dalam kekuatan tentera telah berjaya melemahkan dan melumpuhkan gerila-gerila komunis sama ada dalam bentuk serangbalas atau mempertahankan keselamatan negara. Salah satu langkah penting ialah perang saraf atau perang psikologi yang digunakan oleh Jeneral Sir Gerald Templer yang menjadi Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Januari 1952. Dalam menjalankan perang psikologi, Jeneral Templer berharap dapat memena-

ngi hati dan fikiran rakyat untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam usahanya menghapuskan komunis-komunis.

Antara langkah-langkah perang psikologi yang telah dijalankan ialah pindaan peraturan-peraturan kewarganegaraan yang membolehkan lebih ramai orang bukan Melayu menjadi warganegara dan proses pilihan raya majlis-majlis tempatan bagi mewujudkan rasa tanggungjawab rakyat terhadap negara mereka dan membawa mereka ke arah berkerajaan sendiri. Dengan itu, rakyat digalakkan untuk memberi maklumat-maklumat untuk membolehkan penangkapan gerila-gerila komunis selain daripada mendapat hadiah wang tunai yang diberikan kerajaan. Hadiah wang tunai yang paling tinggi ditawarkan ialah \$250 000 untuk penangkapan Chin Peng. Gerila-gerila komunis juga digesa menyerah diri melalui risalah-risalah yang digugurkan dari udara ke dalam hutan di mana mereka akan diampunkan dan dibantu menyesuaikan diri semula dalam penghidupan baru mereka. Kemudiannya, Jeneral Templer telah mewujudkan kawasan-kawasan putih yang bebas daripada kegiatan komunis dilonggarkan peraturan-peraturan darurat manakala kawasan-kawasan hitam yang masih aktif komunis diperketatkan lagi kawalannya. Dengan itu, berjayaalah perang psikologi Templer dalam menentang pemberontakan bersenjata komunis menjelang tahun 1955.

#### Perkembangan Sosio-Ekonomi Zaman Darurat

Ketika zaman Darurat 1940-an dan awal 1950-an, kehidupan di bandar-bandar besar terutamanya tidak terjejas di mana berbagai-bagi hiburan dan pertandingan sukan telah dijalankan. Misalnya, joget, pertunjukan bangsawan, cabaret dan opera Cina telah dinikmati penduduk-penduduk bandar-bandar besar pada masa itu manakala pertandingan-pertandingan sukan seperti bola sepak, ragbi, hoki, kriket, badminton dan olahraga telah disertai orang ramai terutamanya pelajar-pelajar sekolah dan orang dewasa dengan penuh semangat dan penuh kegemiraan.

Dalam arena badminton pula, ahli-ahli sukan negara kita telah mencapai kejayaan gemilang dengan memenangi Piala Thomas pada masa itu. Begitu juga dalam sukan hoki, pada tahun 1956 negara kita telah layak ke peringkat Sukan Olimpik di Melbourne, Australia. Selain daripada itu, dalam

sukan angkat berat, dalam British Empire Games di Auckland, peserta-peserta angkat berat negara telah memenangi dua pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa. Kejayaan dalam arena sukan antarabangsa menunjukkan rakyat Tanah Melayu tidak memberi perhatian yang berat kepada perjuangan komunis. Yang menghairankan ialah tiada terdapat apa-apa insiden yang tidak diingini berlaku dalam mensabotaj perkembangan sukan negara ketika itu oleh agen-agen komunis. Namun demikian, Darurat telah melambatkan pembangunan kerana kerajaan British Tanah Melayu terpaksa membela-jakan berjuta-juta ringgit untuk mematahkan revolusi bersenjata PKM yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan infrastruktur negara.

### Faktor Kegagalan PKM Merampas Kuasa

Pada 31 Julai 1960, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengisyiharkan tamatnya Darurat yang membawa maksud kegagalan PKM dalam pemberontakan bersenjata. Kegagalan PKM dalam merampas kuasa disebabkan keberkesanan langkah-langkah offensif kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam menangani PKM seperti perkembangan pasukan bersenjata, Rancangan Briggs, Majlis Perang Persekutuan dan perang psikologi Templar. Selain itu, PKM juga kekurangan sokongan meluas rakyat Tanah Melayu terhadap cita-cita PKM terutamanya daripada kaum bukan Cina kerana ideologi komunis yang anti-agama dan ketidaa bantuan dari negara-negara komunis lain seperti Russia dan negara China. Seterusnya, taktik-taktik PKM dalam menggulingkan kerajaan seperti serangan pukul lari ke atas pelombong, peladang, balai polis, jalan keretapi dan orang awam menyebabkan penderitaan dan kesusahan telah menimbulkan perasaan benci terhadap PKM. Dengan itu, menjelang tahun 1954 pemberontakan bersenjata PKM sudah tertekan dan kelihan kegagalan PKM yang mulai merosot dan lumpuh. Kegagalan PKM ialah kemenangan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

### Perpaduan Kaum

Pada suatu ketika dahulu, seorang raja mempunyai tiga orang anak lelaki. Baginda memanggil mereka masuk ke biliknya dan ambil satu batang kayu dan panggil anak sulungnya mematahkannya. Anak sulungnya mematahkannya dengan mudah. Seterusnya, baginda ambil sepuluh kayu dan panggil anak sulungnya patahkannya, tetapi kali ini anak

sulungnya gagal mematahkannya walaupun dia menggunakan seberapa banyak tenaga. Raja itu pun kata, inilah kepentingannya perpaduan, maka ketigatiga anaknya pun faham. Daripada cerita itu, walaupun ia pendek dan ringkas, tetapi telah menjelaskan kepentingan perpaduan untuk menentang ancaman luar dan masalah dalaman. Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai pelbagai kebudayaan, agama dan bahasa. Maka, perpaduan di antara kaum merupakan elemen yang utama untuk mencapai keamanan dan keharmonian hidup. Dengan adanya keamanan dan keharmonian hidup, barulah kita boleh meriasasikan wawasan 2020.

Perpaduan boleh diertikan sebagai satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanahair. Perpaduan boleh dicapai melalui dua cara utama, iaitu integrasi dan asimilasi. Integrasi merupakan 'satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional di kalangan kumpulan-kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesuatu unit politik'. Manakala bagi asimilasi, ia merupakan satu proses bagaimana kumpulan-kumpulan minoriti diasimilasikan melalui perkahwinan campur dan sebagainya ke dalam kumpulan etnik yang lebih besar.

### Masalah Perpaduan

Sebelum kita membincang dasar-dasar kerajaan untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum, agama, bahasa, adat resam dan nilai hidup. Terdapat beberapa faktor sejarah yang telah menyulitkan proses pencapaian perpaduan di Malaysia sebelum tahun 1970.

### Perbezaan Agama dan Kebudayaan

Setiap kumpulan etnik mempunyai agama dan kebudayaan yang berlainan. Orang Melayu adalah beragama Islam manakala sebilangan besar orang India beragama Hindu. Kebanyakan orang Cina pula menganut agama yang merupakan campuran ajaran Buddha, Lao-tze dan Confucius. Terdapat juga ramai orang Cina dan India yang beragama Kristian. Tiap-tiap kaum utama tersebut mempunyai adat resam, bahasa, kesenian dan sistem nilai yang berlainan. Setiap kumpulan etnik adalah jahil mengenai kebudayaan dan adat resam kumpulan-kumpulan etnik yang lain. Masing-masing menganggap kebudayaan

mereka sebagai yang terbaik. Perkahwinan campur tidak begitu meluas. Perbezaan agama dan kebudayaan ini bukan saja menguatkan lagi sikap prasangka tetapi juga menghalang pergaularan antara kaum yang luas.

### **Dasar Pecah Dan Perintah Britis**

Dasar pecah dan perintah British telah memburukkan lagi masalah perpaduan. Jarak sosial serta segregasi antara kumpulan-kumpulan etnik seolah-olah sengaja diwujudkan dan dikekalkan oleh British demi kepentingan dan keselamatan sendiri. Tujuan British yang utama ialah untuk mengeksplotasi kekayaan semula jadi Tanah Melayu; perpaduan negara tidak pernah dititikberatkan. Bagi mencapai tujuan ini, Kerajaan British telah dengan sengaja menetapkan status dan peranan yang berlainan bagi kaum-kaum Melayu, Cina dan India. Sebagai contoh, golongan bangsawan Melayu diberikan jawatan yang lumayan dalam perkhidmatan awam, sementara orang Melayu kebanyakannya digakalakan supaya terus menetap di kawasan luar bandar, Orang Cina pula digalakkan tinggal di lombong-lombong dan di bandar-bandar manakala orang India di estet-estet. Interaksi antara kaum adalah terhad kepada pergaularan di pejabat dan pasar semasa jual-beli. Ini telah melahirkan sikap prasangka dan memperkuatkhan keperibadian etnik.

### **Sistem Pendidikan Yang Berasingan**

Sehingga Laporan Razak 1956, tiada terdapat satu sistem pendidikan nasional di Tanah Melayu. Apa yang wujud ialah empat aliran pendidikan yang berlainan, iaitu aliran Inggeris, Melayu, Cina dan India. Umumnya, setiap golongan etnik menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Justeru itu, murid-murid kecuali di sekolah Inggeris tidak berpeluang bercampur gaul dengan murid dari kumpulan etnik lain. Kurikulum bagi setiap jenis sekolah tersebut adalah berlainan. Sekolah Melayu menitikberatkan kemahiran membaca, menulis dan mengira manakala kurikulum sekolah Cina dan India adalah berdasarkan apa yang terdapat di negara masing-masing.

Ini telah menghasilkan pandangan dunia yang berlainan serta memperkuatkhan lagi keperibadian etnik di kalangan pelajar Cina dan India. Tiada terdapat satu bahasa penghantar yang tunggal dalam sistem sekolah beraneka bahasa. Sekolah-sekolah Inggeris, Melayu, Cina dan India menggunakan

bahasa tersendiri sebagai bahasa pengantar. Ketiadaan satu bahasa pengantar yang tunggal sehingga tahun 1970 telah menjadikan persefahaman dan perhubungan yang erat antara kaum. Malahan, sistem pendidikan sebelum merdeka sebelum merdeka tidak menitikberatkan pencapaian objektif perpaduan. Kerajaan British tidak berusaha untuk memperkenalkan satu kurikulum yang dapat membentuk keperibadian dan perwatakan murid yang diingini bagi memupuk perpaduan.

### **Aktiviti Ekonomi Yang Berlainan**

Orang-orang Melayu, Cina dan India menjalankan aktiviti ekonomi yang berlainan. Kebanyakan orang Melayu di luar bandar merupakan petani, nelayan atau penoreh getah. Sebilangan besar pemuda-pemuda Melayu yang berhijrah ke bandar pada tahun 1970-an pula memegang jawatan-jawatan yang bergaji rendah atau yang tidak memerlukan kemahiran. Kebanyakan orang Cina terlibat dalam sektor perniagaan dan perlombongan manakala sebilangan besar orang India merupakan buruh di estet-estet. Akibat daripada kegiatan ekonomi yang berlainan ini, wujud jurang pendapatan yang tidak seimbang di antara kaum, dengan majoriti golongan miskin terdiri daripada kaum Melayu. Ini telah menimbulkan persaingan ekonomi dan ketidakpuasan di kalangan kumpulan etnik tertentu yang boleh mengancam perpaduan negara.

### **Persatuan-Persatuan Etnik**

Kewujudan berbagai-bagai persatuan politik, sosial dan ekonomi yang berasaskan kumpulan etnik telah juga memperkuatkhan lagi identiti etnik dan syak wasangka. Ini adalah kerana persatuan-persatuan tersebut hanya memperjunkan kepentingan kumpulan etnik yang diwakilinya. Parti-parti politik perkauaman seringkali mengeksploitasi perbezaan-perbezaan yang wujud di kalangan kumpulan-kumpulan etnik atau isu-isu perkauman seperti bahasa, kebudayaan dan ekonomi bagi memajukan kepentingan politik masing-masing. Tindakan sedemikian memburukkan lagi masalah perpaduan negara.

### **Pendudukan Jepun**

Pendudukan Jepun 1942-45 telah mengakibatkan permusuhan antara orang Melayu dengan orang Cina. Layanan Jepun yang lebih baik terhadap orang Melayu telah mengakibatkan kemarahan di kalangan orang Cina. Jepun telah mengambil orang Melayu

untuk menjadi askar dan polis. Sebahagian daripada pasukan Jepun yang menyerang Tentera Anti-Jepun Rakyat Tanah Melayu (pertubuhan komunis yang dikuasai oleh orang Cina) terdiri daripada orang Melayu. Ini telah mengukuhkan lagi permusuhan perkauman Melayu-Cina.

### Peristiwa 13 Mei 1969

Peristiwa 13 Mei 1969 atau 513 merupakan kemuncak manifestasi masalah perpaduan kaum di Malaysia. Peristiwa pertelingkahan kaum ini yang telah mengakibatkan kehilangan banyak nyawa dan harta benda mempunyai perkaitan yang rapat dengan Pilihan raya 1969. Semasa kempen pilihan raya 1969, ahli-ahli politik telah membantikitan soal-soal sensitif berkaitan dengan bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu dan hak kerakyatan orang bukan Melayu. Tindakan sedemikian telah meningkatkan perasaan perkauman dan syak wasangka. Parti Perikatan mengalami kekalahan teruk dalam Pilihanraya 1969. Jumlah kerusi yang dipegang olehnya dalam Dewan Rakyat telah merosot daripada 89 pada tahun 1969.

Kerajaan Perikatan telah hilang majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat telah merosot daripada 89 pada tahun 1964 kepada 66 pada tahun 1969. Kerajaan Perikatan telah hilang majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat. Parti Gerakan, DAP dan PPP memenangi 25 buah kerusi dalam Dewan Rakyat sementara PAS memenangi 12 kerusi. Sebab serta-merta Peristiwa 13 Mei 1969 ialah perarakan kemanangan parti-parti politik. Penyokong-penyokong Parti Gerakan dan DAP telah menghina orang Melayu semasa berarak di jalan-jalan raya Kuala Lumpur. Parti UMNO pula mengadakan perarakan balas pada 13 Mei 1969. Akibat perasaan emosi yang tinggi dan kurangnya kawalan dari kedua-dua pihak, rusuhan kaum meletus pada hari tersebut.

### Pembentukan Majlis Gerakan Negara

Akibat peletusan rusuhan kaum, keadaan darurat yang berkuatkuasa pada 16 Mei 1969 telah diisyiharkan di seluruh negara. Sistem kerajaan berparlimen telah digantung. Semua kuasa pentadbiran dipusatkan di bawah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak. Ahli-ahli MAGERAN terdiri daripada pemimpin-pemimpin politik, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pegawai-pegawai tinggi polis dan tentera. Fungsi-fungsi utama

MAGERAN adalah:

- Mengembalikan keamanan dan undang-undang negara.
- Menentukan pentadbiran yang licin dan sempurna.
- Mengembalikan suasana keharmonian dan kepercayaan antara kaum di seluruh negara.

### Majlis Perundingan Negara

Majlis Perundingan Negara telah ditubuhkan pada bulan Januari 1970 dengan Tun Abdul Razak sebagai Pengurus. Ahli-ahli majlis ini terdiri daripada wakil-wakil:

- Menteri-menteri yang menganggotai MAGERAN.
- Kerajaan-kerajaan Negeri.
- Parti-parti politik.
- Sabah dan Sarawak.
- Kumpulan-kumpulan agama.
- Badan-badan profesional.
- Perkhidmatan Awam.
- Kesatuan sekerja dan persatuan majikan.
- Wartawan.
- Persatuan guru-guru.
- Kumpulan minoriti.

Fungsi utama majlis tersebut ialah untuk meneliti isu-isu perpaduan negara serta mencari jalan menyelesaikan masalah-masalah masyarakat berbilang kaum. Ia bertindak sebagai penasihat kepada MAGERAN mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perhubungan kaum. Di antara hasil utama perbincangan Majlis Perundingan Negara ialah Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru.

### Pengajaran Daripada Peristiwa 13 Mei 1969

Peristiwa 13 Mei 1969 telah memberi beberapa pengajaran penting kepada ahli-ahli politik dan setiap rakyat Malaysia. Pengajaran utama yang diperolehi daripada Peristiwa 13 Mei ialah rusuhan kaum tidak menguntungkan sesiapa. Malahan rusuhan kaum merugikan semua pihak dengan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. Peristiwa 13 Mei juga menunjukkan bahawa langkah-langkah konkret harus diambil untuk mengeratkan perpaduan kaum. Peristiwa 13 Mei juga menunjukkan bahawa perpaduan nasional tidak akan tercapai sekiranya terdapat sebilangan besar rakyat yang miskin. Justeru itu, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970. Akhir sekali, Peristiwa 13 Mei telah memberi pengajaran bahawa setiap rakyat harus

menghormati satu sama lain. Kita harus bersikap toleransi dan menghormati adat resam kumpulan-kumpulan etnik lain.

### Usaha Memupuk Perpaduan Nasional

Secara umum, dasar-dasar kerajaan mengenai perpaduan nasional adalah bersifat integrasi iaitu melalui penyesuaian bersama berbagai-bagai kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang dapat diterima oleh semua kumpulan etnik dalam negara kita. Selain daripada memupuk perpaduan antara kaum, kerajaan juga menitikberatkan integrasi antara wilayah, terutamanya di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Di antara usaha-usaha yang telah diambil untuk memupuk perpaduan nasional ialah:

- Rukun Negara. Diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 dan merupakan ideologi kebangsaan negara kita. Ideologi kebangsaan adalah perlu bagi menimbulkan satu semangat dan identiti yang sama. Ia dapat mengeratkan perpaduan negara memandangkan rakyat akan mempunyai fikiran, perasaan dan nilai-nilai yang sama.
- Dasar Ekonomi Baru atau DEB. Dilancarkan pada tahun 1970 bertujuan membentulkan ketidakseimbangan ekonomi yang wujud di antara kaum dan wilayah termasuk kawasan-kawasan di wilayah yang sama bagi mencapai perpaduan negara.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan. Dimaktub dalam Akta Pelajaran 1961 adalah berasaskan kepada Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960.
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Bertujuan membentuk satu kebudayaan kebangsaan dapat memupuk perpaduan menerusi satu gaya hidup dan nilai-nilai yang dipersekutui dan dihayati bersama oleh semua kaum. Ia juga dapat mewujudkan satu identiti negara yang dapat dikenali oleh negara-negara luar. Justeru itu, Kerajaan Malaysia telah menitikberatkan pembentukan secara beransur-ansur satu kebudayaan nasional yang merangkumi unsur-unsur yang baik dari pada berbagai-bagai kebudayaan yang terdapat di negara kita dengan berteraskan kebudayaan asli tempatan.
- Bahasa Kebangsaan (Bahasa Malaysia). Pepatah-pepatah yang berbunyi 'Bahasa jiwa bangsa' dan 'Bahasa perpaduan bangsa' dengan jelasnya menunjukkan kepentingan bahasa

dalam proses memupuk perpaduan antara kaum. Justeru itu, Kerajaan telah menjadikan Bahasa Melayu (sekarang Bahasa Malaysia) sebagai bahasa kebangsaan negara kita. Akta Bahasa Kebangsaan 1967 telah memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Bahasa Melayu sekarang dikenali sebagai Bahasa Malaysia sebab ia telah ditambah dengan banyak istilah yang baru dan diubahsuai supaya menegaskan identiti negara kita. Dr. Mahathir menyatakan, 'Bahasa Melayu hanya bagi kaum Melayu tetapi Bahasa Malaysia untuk semua kaum di Malaysia...'.

- Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara. Ditubuhkan pada tahun 1969, memainkan peranan yang penting dalam menyatupadukan rakyat Malaysia. Ia menganjurkan kelas-kelas perpaduan, Skim Rukun Tetangga dan khemah kerja kejiranan.
- Pergabungan Parti-parti politik melalui Barisan Nasional.
- Integrasi antara Wilayah.

Negara yang tidak ada perancangan yang rapi seumpama kapal yang tidak ada kompas, ia tidak akan sampai destinasinya walaupun sampai bila-bila masa. Untuk memastikan negara kita dapat mencapai pembangunan yang sempurna, kerajaan yang bijaksana telah melancarkan sesiri dasar-dasar yang dinamik serta terancang. Ringkasnya, dasar-dasar kerajaan merangkumi segala program dan kempen jangka masa sederhana panjang dan panjang yang dilancarkan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah tertentu yang dihadapi oleh rakyat. Dasar-dasar ini bertujuan mencapai taraf kemajuan dan pembangunan yang setimpal dengan hasrat sebuah negara berdaulat dan merdeka.

### Dasar Pandang Ke Timur

Dasar ini diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1982. Matlamat utama Dasar Pandang Ke Timur ialah bagi menjadikan negara Timur, khususnya Jepun dan Korea Selatan yang pesat maju, sebagai contoh dalam usaha membangunkan negara Malaysia. Secocok dengan hasrat kerajaan, faedah yang diharapkan bukanlah keuntungan jangka masa pendek, tetapi penerapan nilai atau etika kerja yang dapat memberi ilham dan inspirasi kepada tenaga kerja negara demi meningkatkan tingkat produktiviti. Namun

demikian, pihak kerajaan sedar akan hakikat bahawa nilai-nilai tersebut hanya boleh menyumbangkan kepada kemajuan negara jika nilai-nilai itu dapat diubahsuai dan diselaraskan dengan kehendak masyarakat tempatan.

Antara amalan berfaedah dan etika kerja yang diutamakan ialah:

- a) kerajinan dan disiplin bekerja.
- b) kesetiaan kepada negara atau syarikat perniagaan tempat pekerja itu berkerja.
- c) keutamaan kepada kepentingan kumpulan dan bukan diri sendiri.
- d) penekanan terhadap daya pengeluaran (produktiviti) dan kawalan mutu hasil keluaran.
- e) peningkatan paras kemahiran dan kecekapan.
- f) pengurangan jurang perbezaan di antara para eksekutif dengan pekerja.
- g) pengurusan yang menitikberatkan keuntungan jangka masa panjang.

Perlaksanaan Dasar Pandang Ke Timur tidak bermakna bahawa pihak kerajaan akan menyingkirkan amalan-amalan yang cekap dari negara barat yang maju. Lebih-lebih lagi, ini tidak bermakna pihak kerajaan berjanji akan membeli semua barang negara Jepun atau Korea Selatan semata-mata, atau memberi keutamaan kepada mereka dalam penawaran kontrak-kontrak melainkan jika tawaran mereka adalah yang terbaik.

### Persyarikatan Malaysia

Dasar ini disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1983. Dasar Persyarikatan Malaysia menggambarkan negara Malaysia sebagai sebuah syarikat keupayaan pemimpin kerajaan dan rakyat, iaitu rakyat jelata dianggap sebagai pemilik ekuiti atau pekerja dalam syarikat itu.

Hanya dengan menjamin kerajaan 'syarikat Malaysia', dapat dipastikan bahawa rakyat turut akan menikmati segala faedah daripadanya. Di samping itu keadaan masyarakat akan bertambah baik dan kukuh. Kejayaan dasar ini bergantung kepada usaha, kerjasama dan sumbangan semua pihak, baik kerajaan maupun swasta. Dalam bidang perdagangan dan perniagaan, kerjasama di antara pihak awam dengan swasta akan meningkatkan lagi paras kegiatan ekonomi emi kebaikan negara dan rakyat. Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan perlu memberi perkhid-

matan yang menyokong usaha pihak swasta untuk beroperasi dengan lebih giat. Manakala pihak swasta pula swasta pula diseru bertindak secocok dan selari dengan aspirasi nasional seperti yang dianjurkan oleh kerajaan. Persefahaman dan persetujuan ini akan membawa manfaat kepada rakyat, terutamanya melalui pemungutan cukai daripada keuntungan perniagaan dan perusahaan yang bertambah banyak.

Khidmat yang diberi oleh pegawai dan kakitangan awam akan menjamin peningkatan keuntungan keuntungan pihak swasta dan seterusnya kutipan cukai akan dipertingkatkan demi kebaikan negara dan rakyat. Selain itu, peluang-peluang pekerjaan akan bertambah dan perusahaan-perusahaan sampingan akan digalakkan. Hasil keluaran perusahaan-perusahaan itu juga akan dikenakan cukai. Pendek kata, konsep Persyarikatan Malaysia bertujuan memupuk kerjasama di antara pihak kerajaan dengan swasta supaya pihak swasta berjaya dan sanggup memberi sumbangan terhadap pembangunan dan kemakmuran negara.

### Dasar Penswastaan

Penswastaan mempunyai erti yang bertentangan dengan konsep pemilikan negara. Penswastaan bertujuan memindahkan perkhidmatan dan perusahaan hak milik kerajaan kepada pihak swasta. Manakala pemilikan negara pula bererti perkhidmatan dan perusahaan hak milik swasta, diambil alih oleh pihak kerajaan dengan atau tanpa bayaran ganti rugi. Syarikat atau perkhidmatan yang diuruskan oleh kerajaan kali kurang berjaya atau terus rugi dan keadaan ini tidak menguntungkan negara dan rakyat.

Sebaliknya, syarikat atau perkhidmatan hak milik swasta sentiasa berkeadaan dinamik dan mencapai keuntungan. Keuntungan syarikat boleh dikenakan cukai sebanyak 40-50%. Oleh yang demikian, pihak kerajaan tidak akan kehilangan sumber pendapatannya jika hak miliknya diswastakan.

Contoh:

35% daripada keuntungan	= cukai pendapatan syarikat
5% daripada keuntungan	= cukai pembangunan
5% daripada keuntungan	= cukai keuntungan berlebihan
45% daripada keuntungan	

Beban kewangan pihak kerajaan semakin meningkat sejak tercapainya kemerdekaan kerana peningkatan aspirasi rakyat dan penglibatan kerajaan

secara langsung dalam kegiatan ekonomi negara. Penswastaan memberi peluang peluang kepada kerajaan bagi mengurangkan beban kewangannya serta menerusi janjinya bagi menggalakkan penyataan kaum bumiputera dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Oleh yang demikian, keutamaan diberi kepada kumpulan atau syarikat milik bumiputera untuk mengambil alih perkhidmatan dan perusahaan kerajaan yang diswastakan. Rasional konsep penswastaan, antara lainnya ialah seperti berikut:

- a) meringankan beban kewangan pihak kerajaan.
- b) mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara.
- c) meningkatkan kecekapan pengurusan dan daya pengeluaran.
- d) mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Beberapa perkhidmatan dan perusahaan kerajaan telah pun diswastakan seperti, Penerangan Malaysia (MAS), Syarikat Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional (TEN).

### Sogoshosha Malaysia

Di negara Jepun, terdapat beberapa syarikat perdagangan yang menguasai kegiatan ekonomi berorientasi eksport. Syarikat-syarikat ini dikenali sebagai sogoshosha dan merupakan syarikat bertaraf antarabangsa (*multi-nasional corporations*) kepunyaan Jepun yang telah berjaya menegakkan imej negara Jepun sebagai negara paling dinamik dalam bidang perdagangan luar.

Kejayaan ini telah dicapai menerusi kegiatan rangkaian anak-anak syarikat sogoshosha yang telah ditubuhkan di seluruh pelosok dunia. Justeru itu, tidak boleh dinafikan bahawa pada peringkat awalnya, kerajaan Jepun telah banyak menyumbangkan khidmat sokongan dan perlindungan khas kepada sogoshosha itu demi menjamin pertumbuhan dan kejayaannya. Kepentingan sogoshosha dipertahankan dan dipupuk sehingga perkembangannya menjadi kenyataan. Secara ringkas, sogoshosha ditubuhkan dengan matlamat hendak menguasai bidang perdagangan antarabangsa bagi memasarkan pelbagai jenis barang eksport.

Kejayaan yang tercatat oleh sogoshosha Jepun telah memberi perangsang kepada negara-negara lain yang ingin mengembangkan bidang eksport masing-masing. Diharapkan penubuhan sogoshosha akan menjadi jentera penggerak bagi memajukan eksport, terutama bagi mendapat mak-

lumat strategik berkenaan pasaran asing serta untuk mendapat kontrak kerja yang menguntungkan menerusi rangkaian cawangan syarikat yang ditubuhkan.

Di Malaysia, konsep sogoshosha telah pun diterima oleh kerajaan, tetapi kejayaannya tidak akan dapat dikesan dalam jangka masa pendek. Namun demikian, syarikat-syarikat yang ditubuhkan telah diberi keistimewaan seperti berikut:

- a) galakan kredit bagi barang-barang eksport.
- b) galakan cukai termasuk pengecualian cukai dibawah peruntukan Akta Pelaburan 1968, Akta Kastam 977 dan Akta Eksais 1976.
- c) galakan khidmat sokongan, misalnya oleh Pejabat Perusahaan Perdagangan Malaysia di luar negeri.

### Dasar Perindustrian Berat

Usaha menubuhkan perindustrian berat perlu diperkenalkan oleh pihak awam memandangkan kekurangan tenaga mahir, kapakaran dan modal yang mencekupi di kalangan para usahawan swasta. Pelaburan swasta dikatakan lembab dan hanya tertumpu pada pengeluaran barang gantian import. Pelabur-pelabur ini menikmati perlindungan yang diberi oleh pihak kerajaan dan tidak menghiraukan perbelanjaan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan untuk menghadapi persaingan yang kian mencabar di pasaran antarabangsa. Jika berjaya, penubuhan perindustrian berat anjur kerajaan itu akan secara lansung mempelbagaikan dan memperkuatkkan struktur ekonomi Malaysia sambil memperkuatkkan kebolehan kita bersaing di medan antarabangsa.

Perindustrian berat bersifat modal-intensif dan berdasarkan teknologi canggih yang perlu diimport dari negara asing serta diubahsuai menurut kehendak masyarakat tempatan. Diharapkan penubuhan perindustrian berat itu akan menggalakkan penyertaan pihak swasta untuk melabur dalam ekonomi dengan menubuhkan perindustrian-perindustrian sokongan. Pihak swasta berupaya mewujudkan perindustrian-perindustrian sekunder yang berasaskan teknologi canggih. Pada satu masa kelak akan diwujudkan perindustrian barang gantian import pusingan kedua yang berorientasi eksport.

Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (Heavy Industries Corporation Malaysia atau HICOM) telah ditubuhkan dengan matlamat menge-

nal pasti, memula, melaksana serta menguruskan projek-projek tertentu dalam bidang perindustrian berat. Ekoran daripada itu, beberapa projek usahamasa dengan pihak swasta telah ditubuhkan termasuk loji simen, besi panas dan pancang keluli, projek palpa dan kertas, projek kereta nasional, iaitu Proton Saga (anjuran HICOM dan Mitsubishi Motors Jepun) dan kompleks kejuruteraan.

### Pelan Induk Perindustrian

Sektor-sektor ekonomi tertentu telah dikenal pasti bagi diperluaskan sumbangannya terhadap proses perkembangan dan pertumbuhan bidang perindustrian daripada sekarang hingga pertengahan dekad 1990-an. Strategi-strategi Pelan Induk Perindustrian boleh dirumuskan seperti berikut:

- a menyusun semula skim insentif dalam bidang perindustrian.
- b memperluaskan kegiatan perindustrian ke kawasan kurang maju.
- c menggalakkan penghasilan barang gantian import serta menggalakkan pembelian barang buatan Malaysia.
- d mempelbagaikan ekonomi eksport dan memperluaskan pasaran, termasuk mencari pasaran baru, misalnya di negara-negara sosialis dan negara-negara sedang membangun yang lain.
- e menggalakkan perindustrian berat menjadi jentera penggerak kepada pertumbuhan industri-an-industriana baru.
- f menggalakkan pertumbuhan perusahaan kecil.
- g menggalakkan usaha penyelidikan dan pembangunan dalam sektor awam dan swasta.

Industri-industri berikut dianggap berpotensi dan perlu digalakkan:

- a barang getah dan kelapa sawit.
- b pemerosesan bahan makanan.
- c perusahaan kayu balak.
- d bahan kimia dan petrokimia.
- e keluaran logam bukan besi.
- f keluaran galian bukan logam.
- g keluaran barang elektronik.
- h keluaran peralatan pengangkutan.
- i keluaran mesin dan kejuruteraan.
- j keluaran besi dan keluli.
- k tekstil dan pakaian.

### Dasar Pertanian Negara

Dasar Pertanian Negara bertujuan meningkatkan pendapatan masyarakat tani melalui peningkatan produktiviti hasil tanaman, untuk dieksport, dimakan atau diproses menjadi bahan makanan. Peningkatan pendapatan boleh dicapai menerusi pengurusan sumber secara lebih efektif. Beberapa kemudahan telah disalurkan kepada para petani melalui koperasi Peladang demi mencapai hasrat kerajaan untuk mengubah sikap petani ke arah pencapaian kemajuan dalam bidang pertanian. Misalnya, projek menggembung modal bagi maksud kepentingan bersama. Projek-projek tertentu telah pun diswastakan demi meningkatkan penglibatan pihak swasta. Pelbagai perkhidmatan sokongan seperti pemasaran, pemberian kredit dan subsidi juga diberi diberi keutamaan oleh pihak kerajaan.

Skim memajukan tanah secara berkelompok melalui program bersepada adalah satu usaha kerajaan yang menguntungkan para petani dengan cara:

- a petani diberi pendapatan mengikut keluasan tanah dan juga upah jika menyertai skim tersebut.
- b produktiviti hasil keluaran mereka bertambah lebih banyak dengan penggunaan jentera ladang.
- c hak persendirian atas tanah dikekalikan mengikut geran yang dimiliki oleh petani.
- d petani terlibat secara langsung dalam pemasaran hasil keluaran mereka.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui Karyaneka sedang berusaha melatih, membela dan memasarkan hasil kraftangan mereka yang berminat dalam bidang kesenian tersebut.

### Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam

Tujuan utama dasar Penerapan Nilai-nilai Islam ialah meningkatkan daya pengeluaran negara menerusi sikap rajin bekerja serta pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah. Nilai-nilai yang dimaksudkan itu antaranya ialah amanah, rajin, bencikan rasuah dan cekap. Nilai-nilai ini bersifat universal dan disanjung tinggi oleh semua agama manusia. Ringkasnya, hasrat kerajaan adalah untuk membentuk budaya kerja dalam masyarakat yang setimpal dengan nilai-nilai Islam dan yang tidak bercanggah dengan kebudayaan kaum lain. Dasar ini tidak bermaksud mengislamkan rakyat bukan Islam. Kebebasan beragama dilindungi oleh Perlombagaan Persekutuan (Perkara 11 dan 12).

## **Dasar Kependudukan**

Harapan kerajaan adalah untuk mewujudkan 70 juta penduduk dalam tempoh 115 hingga 120 tahun. Dasar kependudukan ini tidak keterlaluan jika boleh dicapai secara sejajar dan selaras dengan kelahiran rakyat yang rajin, berdisiplin serta amanah. Daripada segi sumber alam semula jadi, Malaysia kini belum mencapai tahap kemajuan optimum dan masih mempunyai tanah yang mencukupi untuk menamung pertambahan penduduk demi mengeksplorasiakan sumber-sumbernya. Secara ringkas, pertambahan penduduk tidak akan membebankan negara atau menjadikan ekonominya jika rakyat rajin dan sedia bekerja untuk meningkatkan daya pengeluaran negara.

Pertambahan pendudukaan dalam jangka masa panjang, jika dirancang dan dipupuk dengan cermat, akan membawa faedah tertentu seperti:

- a) menyediakan tambahan tenaga kerja yang mencukupi untuk memenuhi kehendak pembangunan negara.
- b) meningkatkan daya pengeluaran negara dan seterusnya kuasa beli rakyat, dengan harapan meluaskan lagi pasaran dalam negeri untuk menampung perkembangan industri tempatan.
- c) mengukuhkan kedudukan Malaysia daripada segi politik dan keselamatan nasional supaya setanding dengan kedudukan negara jiran seperti Indonesia (dengan 150 juta penduduk), Filipina dan Thailand (masing-masing 50 juta penduduk).

## **Dasar Kepimpinan Melalui Teladan**

Pada hakikatnya, pemimpin politik dan perkhidmatan awam perlu memainkan peranan memberi perangsang kepada rakyat jelata demi mencapai matlamat dasar kerajaan. Mereka yang memimpin mestи memahami dan mengamalkan dasar-dasar kerajaan dengan harapan teladan mereka dicontohi oleh rakyat demi kebaikan dan kesejahteraan negara. Pendek kata, dasar Kepimpinan Melalui Teladan bertujuan menanam sikap mengutamakan etika kerja dan daya pengeluaran serta konsep bersih, cekap dan amanah di kalangan kakitangan kerajaan.

## **Dasar Ekonomi Baru (DEB)**

Akibat daripada Peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan sedar bahawa ketidakseimbangan kedudukan ekonomi antara kaum boleh menghancurkan perpaduan negara. Oleh yang demikian DEB dilaksanakan pada

tahun 1970 menerusi strategi serampang dua mata, iaitu:

### *a) Pembasian Kemiskinan Tanpa Mengira Kaum*

Strategi kerajaan melibatkan perlaksanaan program bagi meningkatkan produktiviti serta pendapatan golongan masyarakat yang kurang berapa dan menyediakan kemudahan asas bagi memperbaiki taraf kehidupan masyarakat pada amnya. Golongan yang menjadi sasaran DEB ialah kaum tani, pekebun kecil, nelayan dan penghuni estet.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah seperti berikut:

- a) penyediaan infrastruktur parit dan talair, termasuk pemberian subsidi dan kredit bagi membolehkan petani menanam padi dua kali setahun.
- b) skim penanam semula yang menggalakkan penggunaan benih kacukan berhasil tinggi, termasuk pemberian kredit dan subsidi sara hidup, bantuan untuk pembiakan ikan dan kegiatan ternakan yang ditujukan kepada pekebun kecil.
- c) skim pemilikan bot dan pemberian subsidi kepada nelayan untuk membantu mereka memberi kelengkapan menangkap ikan yang perlu dan lebih berguna.
- d) rancangan pembukaan tanah baru yang membolehkan penghuni desa menyertai kegiatan pertanian moden, misalnya skim anjuran Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) serta Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FEELCRA)
- e) penyediaan kemudahan sosial seperti klinik, hospital, sekolah, bekalan air dan elektrik, rumah kos rendah dan peluang pekerjaan sebagai peniaga kecil bagi kumpulan berpendapatan rendah.

### *b) Penyusunan semula masyarakat*

Penyusunan semula masyarakat dijadikan satu daripada matlamat DEB dengan harapan kerajaan dapat menghapuskan perasaan tidak puas hati antara kaum. Perasaan tidak puas hati itu timbul akibat ketidakseimbangan daripada segi kuasa ekonomi dan pendapatan, pelaburan dan modal perniagaan (soal ekuiti), pelajaran dan pekerjaan. DEB bertujuan menambahkan penglibatan kaum bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan supaya sekurang-

kurangnya 30% hasil dalam negeri dimiliki oleh kaum bumiputera menjelang tahun 1990 (rakyat Malaysia akan memiliki 70% ekuiti, termasuk 30% untuk bumiputera).

Ringkasnya, usaha menyusun semula masyarakat melibatkan sekurang-kurangnya strategi berikut:

- meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan kurang berada.

- menyusun semula corak guna tenaga dalam sektor ekonomi tertentu.

- menyusun semula pemilikan ekuiti.

- melatih dan membentuk para usahawan dan pedagang baru di kalangan masyarakat bumiputera.

Antara usaha kerajaan untuk mencapai tujuan DEB ialah seperti berikut:

- menambahkan kuota pendidikan di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri, khas untuk bumiputera.

- menambahkan bilangan bumiputera yang berkelayakan ikhtisas dan teknikal dalam sektor awam dan swasta.

Agensi kerajaan dan perbadanan awam yang memainkan peranan utama dalam usaha menggalakkan penyertaan bumiputera dalam bidang modal dan ekuiti ialah:

- Permodalan Nasional Berhad (PNB)

- Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)

- Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)

- Bank Negara

- Bank Pembangunan Malaysia Berhad

- Skim Amanah Saham Bumiputera

Manakala institusi-institusi pengajian tinggi tanah air termasuk Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), terlibat secara meluas dalam melatih kaum bumiputera menjadi peniaga dan usahawan.

### Dasar Pendidikan Kebangsaan

Dasar Pendidikan Kebangsaan berpunca daripada Akta Pelajaran 1961 yang berdasarkan syor Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Pada amnya, dasar ini bertujuan menyatukan rakyat Malaysia berbilang bangsa dan keturunan melalui sistem pelajaran yang menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama serta berdasarkan kurikulum, peperiksaan dan kegiatan kokurikulum yang sama.

Nota:

- Bahasa Inggeris diwajibkan di semua sekolah rendah.

- Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris diwajibkan di semua sekolah menengah.

Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di semua sekolah diperkenalkan secara berperingkat-peringkat. Bahasa Melayu mula digunakan di sekolah rendah pada tahun 1970, tetapi mulai tahun 1983 semua kursus tahun pertama di peringkat universiti diajar dalam bahasa kebangsaan. Objektif sistem pelajaran kebangsaan yang utama ialah 'memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politiknya' (Akta Pelajaran 1961). Pencapaian perpaduan di kalangan rakyat berasaskan kepentingan masyarakat majmuk sentiasa diutamakan.

### 1957-1963 (Tahun-tahun Kemerdekaan)

Dasar luar tanah air, pada tahun-tahun berkenaan, berorientasi pro-Barat dan anti komunis, serta memegang prinsip tidak campur tangan dalam hal-hal orang lain. Sebagai negara yang baru merdeka serta memiliki sumber-sumber asli yang terhad, Malaya tidak berdaya membiayai kos bagi mempertahankan diri daripada pencerobohan kuasa besar. Pada masa itu, Malaya tidak mempunyai keupayaan militer yang canggih (sebenarnya, kita tidak mempunyai tentera udara atau laut pada masa itu). Tambahan pula, Malaya diancam oleh anasir komunis. Oleh yang demikian, kita kita tidak cenderung menjalinkan hubungan diplomatik dengan manama kuasa berideologi komunis. Hakikat buruk yang ditakuti ialah, fahaman komunis itu mungkin akan berleluasa di tanah air. Mungkin negara komunis yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaya dapat memberi perangsan secara sulit kepada pergerakan subversif di tanah air. Lebih-lebih lagi, penjalinan hubungan diplomatik dengan sebauh negara komunis boleh menimbulkan syak dan prasangka bahawa kerajaan Malaya telah pun memberi pengiktirafan kepada ideologi yang bertentangan dengan agama Islam.

Matlamat utama bagi pemimpin-pemimpin kerajaan YTM Tunku Abdul Rahman Putra setelah pencapaian kemerdekaan adalah mempertahankan kedaulatan serta keselamatan wilayah negara. Oleh yang demikian, Malaya didapati memihak kepada

kuasa-kuasa blok Barat dalam hal-hal antara-bangsa, misalnya dengan memberi sokongan moral kepada pihak Amerika Syarikat yang terjerumus dalam Perang Vietnam dan juga di Cuba. Sebaliknya kerajaan Malaya mengutuk pencerobohan wilayah Tibet oleh negara China pada tahun 1959. Di bawah syarat-syarat yang dipersetujui dalam Perjanjian Pertahanan Bersama Anglo-Malaya 1957 (Anglo-Malaya Mutual Defence Agreement atau AMDA), kedua-dua phak berjanji akan menolong satu sama lain jika Malaya ataupun wilayah-wilayah jajahan Britain di Asia Timur diceroboh pada bila bila masa.

Malaya tidak menganggotai Pertubuhan Perjanjina Asia Tenggara (South East Asia Treaty Organization atau SEATO) kerana adanya kegelisahan dan keraguan di dalam dan di luar negeri, atas alasan pertubuhan tersebut terikat dan tertakluk kepada kehendak kuasa-kuasa besar. Lagipun hanya dua ahli sahaja dari rantau Asia Tenggara. SEATO dianggotai oleh Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Australia, New Zealand, Pakistan, Filipina dan Negeri Thai. Pakatan tersebut ditubuhkan khas bagi membendung pengaruh politik negeri China dan penyebaran ideologi komunis di Asia Tenggara. Oleh kerana ekonomi negara kita berasaskan eksport bahan-bahan mentah seperti getah dan bijih timah, negara kita terpaksa bergantung kepada kemajuan ekonomi negara-negara Barat selepas kemerdekaan dicapai. Sebab lain yang menegaskan pergantungan tersebut ialah kuasa ekonomi tanah air masih dicenskam oleh pihak pelabur asing, terutamanya pelabur British yang memiliki kebanyakan ekuiti dalam bidang perladangan dan perindustrian. Rakyat percaya bahawa pihak pelabur asing adalah jentera penggerak bagi ekonomi tempatan dan disebabkan faktor tersebut, amalan ekonomi bebas atau *laissez faire* telah menjadi suatu kenyataan. Rakan dagang utama bagi Malaya pada masa itu terdiri daripada negara-negara seperti Amerika Syarikat, Britain, Jerman Barat, Singapura dan Jepun.

Di samping itu, tumpuan pemimpin-pemimpin negara adalah terhadap pembangunan luar bandar, perindustrian dan perdagangan. Oleh kerana desakan ekonomi, negara asyik menganggotai pertubuhan-pertubuhan tertentu seperti Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa (International Tin Agreement) dan Majlis Ekonomi bagi Asia dan Timur Jauh (Economic Commission for Asia and the Far East atau ECAFE) yang berusaha sama ada bagi mensta-

bilkan harga bahan-bahan mentah ataupun bertujuan menggalakkan pelaburan pihak swasta. Beberapa perjanjian perdagangan dua hala juga dijalankan pada tahun-tahun berkenaan, umpamanya dengan Australia, New Zealand dan Jepun. Sokongan hebat diberi oleh Malaya kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang brusaha, antara lainnya untuk menamatkan persengketaan antara negara-negara di seluruh dunia. Sebagai contoh, kerajaan Malaya menyahut seruan PBB yang berkehendakkan penyertaan rakyat kita dalam pasukan pengamanan, dengan menghantar seramai 1413 anggota tentera Malaya ke Republik Congo pada tahun 1960. Malaya juga bergiat aktif dalam Komanwel. Atas inisiatif YTM Tunku Abdul Rahman, Republik Afrika Selatan yang mengamalkan apartheid (dasar diskriminasi terhadap bangsa-bangsa lain berdasarkan warna kulit) terpaksa mengundur diri daripada menganggotai Komanwel pada tahun 1961.

Akhir sekali, Persatuan Asia Tenggara (Association of South East Asia atau ASA) yang merangkumi Malaya, Negeri Thai dan Filipina sebagai ahli, juga ditubuhkan atas inisiatif pemimpin kita. ASA penting kerana ia bebas daripada pengaruh kuasa besar dan terhad kepada negara-negara serantau sahaja. ASA bukan pakatan politik, sebaliknya ia mengutamakan perundingan antara satu pihak dengan satu pihak yang lain dalam bidang sosioekonomi, kebudayaan, sains dan pentadbiran. Justeru itu, pencapaian serta hayat ASA boleh dikatakan terhad kerana ia diketepikan oleh usaha-usaha bagi menuju Persekutuan Malaysia tidak lama kemudian.

#### 1964 - 1969 (Tahun-tahun Konfrontasi)

Percantuman wilayah Malaya, Sabah dan Sarawak menjadi Persekutuan Malaysia dicadangkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra pada bulan Mei 1961. Sebelum cadangan ini sempat menjadi kenyataan, ia telah dibantah keras oleh negara-negara jiran. Indonesia melancarkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia, dengan membuat tuduhan bahawa percantuman itu ialah suatu anjuran neokolonialisme dan neoimperialisme. Filipina membangkitkan semula tuntutannya ke atas wilayah Sabah. Di Brunei pula, Malaysia ditentang oleh A.M. Azahari, pemimpin Parti Rakyat dan ketua pemberontakan yang memperjuangkan penubuhan suatu negara percantuman Brunei, Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak. Apabila

pemberontakan Azahari itu ditumpas oleh tentera British dan ekoran kejayaan yg dicapai di persidangan kemuncak di Manila pada Ogos 1963 antara Macapagal (Presiden Filipina), Sukarno (Presiden Indonesia) dan YTM Tunku, tentang terhadap Malaysia seolah-olah menjadi dingin sedikit. Ini menjadi lebih nyata dengan penubuhan MAPHILINDO (persatuan yang merangkumi Malaysia, Filipina dan Indonesia) sesudah tamatnya persidangan itu.

Walaupun begitu, selepas Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963, negara kita terpaksa memutuskan hubungan diplomatik dengan Filipina dan Indonesia. Konfrontasi menjadi lebih hebat dengan berlakunya pencerobohan wilayah tanah air, khasnya di kawasan sempadan Malaysia-Indonesia. Kata sepakat dicapai antara kedua-dua buah negara hanya pada 12 Ogos 1966 demi menghentikan pertelingkahan dan menjalinkan hubungan diplomatik semula. Peristiwa konfrontasi dan pergolakan politik serantau telah mengukuhkan lagi orientasi dasar luar yang pro-Barat dan antikomunis, serta menyebabkan Malaysia berusaha menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara Afro-Asia yang berkecuali. Kesan yang menguntungkan daripada hubungan diplomatik ini ialah Malaysia telah diiktiraf oleh beberapa buah negara Afro-Asia itu. Ringkasnya, perubahan dasar luar asal telah menjadi satu senyataan dan orientasi baru itu boleh dirumuskan sebagai cenderung terhadap pendirian berkecuali (*non-aligned*) dan hidup secara aman dan damai di antara satu pihak dengan pihak yang lain (*peaceful co-existence*) dalam hal-hal politik antarabangsa.

Pada akhir dekad 1960-an, pihak kerajaan Malaya lebih menitikberatkan soal pertahanan. Ini adalah kerana peristiwa pengunduran tentera British dari wilayah ke selatan timur Terusan Suez yang dirancangkan akan berlaku pada awal dekad 1970-an. Oleh yang demikian, tumpuan pihak kerajaan disorotkan kepada perbincangan dan persediaan bagi mengadakan suatu perjanjian baru yang boleh menggantikan Perjanjian Pertahanan Bersama Anglo-Malaya 1957. Perjanjian yang diimpikan itu melibatkan pihak Britain, Australia, New Zealand, Singapura dan Malaysia. Walau bagaimanapun, Persetujuan Pertahanan Lima Kuasa (Five Power Defence Arrangement) yang ditandatangani pada tahun 1971 itu, tidak menetapkan apa jua jaminan atas sokongan ketenteraan kepada pertahanan

Malaysia dan Singapura. Negara-negara ini diperakui sebagai satu kawasan yang tidak boleh dipecahbelahkan. Perkara yang dipersetujui ialah Britain, Australia dan New Zealand dibenarkan menubuhkan pangkalan tentera di kawasan Malaysia-Singapura selepas tahun 1971. Pendek kata, persetujuan tersebut hanya merupakan persediaan suatu forum untuk perundingan sahaja.

Pada tahun-tahun 1960-an, negara-negara sedang membangun, termasuk Malaysia, mula sedar bahawa hanya dengan kerjasama erat di kalangan mereka, barulah mereka berjaya menikmati syarat-syarat yang lebih berfaedah dalam bidang perdagangan dengan negara-negara maju. Penglibatan Malaysia dalam bidang dialog Utara-Selatan ketara sekali dalam dua konvensyen Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Conference on Trade and Development atau UNCTAD) pada tahun 1964. Laporan Prebisch, yang merupakan bahan konvensyen pertama itu, menumpukan perhatian kepada perkara-perkara berikut yang dipercayai memanfaatkan Selatan:

- menstabil karga komoditi.
- memperluaskan pasaran di negara-negara maju.
- meningkatkan syarat-syarat perdagangan.
- meningkatkan bantuan kewangan dan pinjaman
- membasmi kegiatan monopoli tertentu.

UNCTAD 1964 tidak mendatangkan apa-apa manfat kepada pihak Selatan, malah sehingga UNCTAD 1968 sekalipun, tidak ditandatangani sebarang perjanjian perdagangan yang menguntungkan. Tambahan pula, pasaran antarabangsa telah dibanjiri dengan bahan-bahan tiruan yang memberi saingan hebat kepada bahan-bahan mentah keluaran Dunia Ketiga. Pada tahun 1967, Malaysia dan Rusia menandatangani suatu perjanjian perdagangan yang ulung dalam sejarah Malaysia dengan sebuah negara komunis. Langkah tersebut merupakan tindak balas positif bagi negara kita mengiktiraf usaha negara-negara Eropah Timur yang inginkan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan kita.

Pada tahun 1969 pula, hubungan diplomatik juga dijalankan dengan Yugoslavia dan Bulgaria. Pada masa itu, Malaysia cenderung untuk mempergiatkan kerjasama antara negara-negara di dalam daripada di luar rantau Asia Tenggara. Oleh sebab itu, penubuhan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Association of South East Asian Nation atau

ASEAN) yang dianggotai oleh Malaysia, Indonesia, Negeri Thai, Filipina dan Singapura pada Ogos 1967 adalah sealiran dengan aspirasi negara dan diberi keutamaan olehnya. Tindakan menubuhkan ASEAN boleh dirumuskan sebagai usaha menghidupkan semula kerjasama serantau kerana ASEAN berlunaskar, antara lain, matlamat-matlamat berikut:

- a) bagi mempergiatkan lagi usaha-usaha bersama demi meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosiobudaya serantau.
- b) bagi meningkatkan lagi keamanan serantau menerusi keadilan dan prinsip undang-undang.
- c) bagi meningkatkan perkhidmatan lagi kerjasama dalam bidang sosioekonomi, kebudayaan, teknikal, saintifik dan pentadbiran.
- d) bagi menyediakan perkhidmatan latihan dan penyelidikan demi kepentingan semua pihak dalam bidang pelajaran, profesional, teknikal dan pentadbiran.
- e) bagi meningkatkan bagi taraf kehidupan rakyat serantau.
- f) bagi meningkatkan lagi pertalian erat dengan pertubuhan-pertubuhan serantau yang lain.

Pada tahun 1968, hubungan diplomatik antara Malaysia dan Filipina menjadi tegang sekali lagi akibat tuntutan semula Filipina terhadap Sabah. Namun begitu, pada akhir tahun berikutnya, persefahaman telah dicapai setelah tamatnya persidangan ASEAN; hubungan diplomatik itu akan dijalankan semula tidak lama lagi. Dalam bidang diplomasi antarabangsa, Malaysia dilantik menganggotai Majlis Keselamatan PBB pada tahun 1965. Malangnya dalam persengketan yang tercedus di Kashmir di antara India dengan Pakistan, wakil tanah air di Majlis Keselamatan dituduh memihak India. Ekoran itu, hubungan diplomatik dengan Malaysia diputuskan oleh Pakistan. Justeru itu, Malaysia terus menegaskan pendiriannya sebagai negara yang mendukung settinggi-tingginya segala cita-cita dan usaha perdamaian PBB, misalnya dengan menyokong semua resolusi PBB yang menentang pemberontakan Rejim Ian Smith di Phodesia.

### 1970-1980 (Tahun-tahun Orientasi Baru)

Malaysia menandatangani Perjanjian Persahabatan (Friendship Treaty) pada bulan Mac 1970 dengan Indonesia dan juga mencapai persetujuan dengannya berkenaan kawalan laut wilayah negara masing-masing (sepertimana dinyatakan dalam Delimitation

of Territorial Seas Treaty, 1970). Dengan pencapaian persetujuan itu, sempadan laut wilayah Malaysia dan juga Indonesia, diperluaskan sehingga 12 batu dari pantai berbanding dengan hanya sejauh 3 batu sahaja mengikut amalan antarabangsa pada biasanya. Di Persidangan Undang-undang Laut di Caracas, Venezuela pada tahun 1974, Malaysia menyokong usul negara-negara membangun untuk menetapkan kawasan Zon Ekonomi Ekslusif yang meliputi kawasan selas 200 batu dari pantai. Tindakan ini bertujuan supaya negara pantai menuntut hak mengeksplorasi dan mengendalikan sumber-sumber alam, misalnya perikanan dan galian (termasuk petroleum) yang dapat dalam kawasan dan dasar laut tersebut, tetapi tidak menuntut kawasan itu sebagai perairan wilayah negaranya.

Pada akhir tahun 1970, rombongan Malaysia yang diketuai oleh Allahyaham Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri, menghadiri Persidangan Negara-negara Berkecuali II di Lusaka yang disertai oleh Jepun, Korea Selatan, Laos Vietnam Selatan, Filipina, Singapura, Negeri Thai, Australia dan Indonesia. Peranan China sebagai kuasa besar ketiga di dunia diperakui oleh Malaysia tetapi pendirian berkecuali tanah air dan rantau Asia Tenggara ditegaskan. Orientasi baru bagi dasar luar Malaysia itu berulang kali ditekankan oleh Allahyaham Tun Abdul Razak yang memegang tam-puk pemerintahan mulai 22 September pada tahun yang sama. Pada hakikatnya, di persidangan ASEAN bagi menandatangani 'rantau aman, bebas dan berkecuali' (Zone of Peace, Freedom and Neutrality atau ZOPFAN) disersetujui dan disokong oleh semua ahlinya.

Pada tahun 1971, di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Malaysia menyokong usul Albania yang mengesyorkan keahlian negeri China dan penyingkirkan Taiwan sebagai ahli PBB. Ekoran daripada itu, pada Oktober 1971, rombongan perdagangan pertama ke negeri China dibuat. Rombongan ini diketuai oleh Tengku Razaleigh sebagai Pengerusi Pernas dengan tujuan menjalinkan pertalian dua hala yang lebih erat. Rombongan tersebut disusuli dengan beberapa rombongan yg bertujuan sama. Lawatan rasmi ke negeri China pula diketuai oleh Allahyaham Tun Abdul Razak selaku Perdana Menteri pada tahun 1974. Perkara-perkara yang disersetujui hasil lawatan ini adalah seperti berikut:

- a) pengiktirafan oleh Malaysia bahawa kerajaan Republik Rakyat China adalah kerajaan sah dan tunggal bagi negara tersebut.
- b) kerajaan Malaysia dan kerajaan China tidak mengiktiraf konsep dwikewarganegaraan.
- c) Kerajaan China tidak menyokong kegiatan subversif Parti Komunis Malaya.

Antara tahun 1972-1973, Malaysia menjalankan hubungan diplomatik dengan negara-negara komunis seperti Republik Mongolia, Vietnam Utara, Korea Utara dan Jerman Timur. Pada tahun 1975, kerajaan demokratik di Vietnam Selatan dan Kampuchea diguling dan digantikan oleh rejim komunis. Namun begitu, kedua-dua kerajaan itu terus diiktirafkan oleh Malaysia yang bersikap berkecualian. Pada tahun 1974, Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan Kemuncak Negara-negara Islam. Dalam persidangan ini, keutuhan dan perpaduan di kalangan negara-negara Islam dan sokongan negara kepada perjuangan Arab serta Palestin di Asia Barat ditegaskan. Sehingga tahun 1976, pelbagai perjanjian budaya, sains, teknologi dan ekonomi telah ditandatangani dengan Kuwait, Qatar, Arab Saudi, Bahrain, Emirate Arab Bersatu dan Oman.

Malaysia terus memperjuangkan syarat-syarat perdagangan yang lebih baik bagi kepentingan negara-negara Selatan pada amnya. Misalnya, dengan menghadiri persidangan UNCTAD III yang diadakan di Santiago pada tahun 1971, disusuli oleh UNCTAD IV di Nairobi pada tahun 1976. Pembentukan Peraturan Ekonomi Baru Sedunia (New International Economic Order atau NIEO), yang mementingkan kawalan harga dan keluaran sumber-sumber asli oleh negara-negara pengeluar, menarik minat Malaysia. Tindakan menghadkan keluaran sumber bagi tujuan mengawal harganya, seperti diamalkan oleh cartel atau pakatan petroleum Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (Organisation of Petroleum Exporting Countries atau OPEC) sejak awal tahun 1973, menjadi ilham kepada negara-negara pengeluar sumber asli yang berhasrat memperbaiki kedudukan ekonomi mereka pada masa yang akan datang. Ekoran daripada perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di Malaysia, orientasi negara terhadap peranan pelabur asing turut berubah. Nisbah pemilikan ekuiti oleh pihak-pihak tertentu dalam ekonomi negara yang dijadikan garis panduan ialah pencapaian 30% ekuiti untuk bumiputera, 40% untuk bukan bumiputera dan 30%

untuk pelabur asing menjelang tahun 1991.

Walaupun Malaysia terus menawarkan insentif seperti status perintis, kredit cukai dan galakan eksport kepada para pelabur asing bagi tujuan menarik lebih banyak modal dari luar negeri, kerajaan juga mula mengambil tindakan untuk menambah pemilikan saiz ekuitinya dalam syarikat-syarikat keputusan pelabur asing. Misalnya, PERNAS memperolehi ekuiti sebanyak 20% dalam London Tin Corporation pada tahun 1975. Kerajaan juga meluluskan Akta-akta Kembangku Petroleum bagi tujuan mengawal keluaran dan kegunaan sumber tenaga yang berharga itu. Orientasi dasar luar dalam bidang perdagangan boleh dikatakan telah berubah daripada pembentukan ekonomi bebas dan terbuka kepada ekonomi untuk kepentingan negara.

Di bawah pimpinan Allahyam Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri, Malaysia menyertai persidangan pertama bagi pemimpin-pemimpin ASEAN di Bali pada tahun 1976. Hasil persidangan itu, dua perjanjian ditandatangani, iaitu Perisytiharan Pakatan ASEAN (Declaration of ASEAN Concord) serta Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (Treaty of Amity and Co-operation). Pada tahun 1977, Peraturan Perdagangan Istimewa (Preferential Trade Agreements atau PTA) ditandatangani dengan tujuan menggalakkan perdagangan di antara negara-negara ASEAN. Mustahak sekali ialah dialog dua hala yang berjaya diadakan antara ASEAN dengan Kesatuan Ekonomi Eropah (European Economic Community atau EEC), Jepun dan Amerika Syarikat. Misalnya, pada tahun 1978, Presiden Carter bertemu dengan menteri luar dan menteri kewangan dari negara-negara ASEAN.

### **1980-an (Tahun Kerjasama Serantau dan Antarabangsa)**

Malaysia terus kekal dengan pendirian berkecualinya di samping bergiat aktif dalam Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, Komanwel, ASEAN serta pertubuhan-pertubuhan di peringkat antarabangsa dan serantau. Namun begitu, kementerian luar negeri lebih berorientasi perdagangan berbanding dengan pada masa lampau. Negara kita terus menyokong kegiatan perdamaian yang diuruskan oleh PBB. Misalnya, dengan mengisytihar persediaan negara kita bersama-sama negara lain menanggung tugas pasukan pengaman seramai 350 orang yang ditempatkan di Namibia, Afrika Selatan.

Untuk menamatkan persengketan Iran-Iraq mutakhir ini, Malaysia menghantar sepasukan 15 orang pegawai tentera untuk menyertai kegiatan pasukan pengaman PBB seramai 350 orang di wilayah tersebut. Pada bulan Oktober 1988, Malaysia dilantik menjadi anggota bukan tetap dalam Majlis Keselamatan PBB selama tempoh dua tahun (menggantikan negara Jepun, wakil untuk benua Asia), taitu mulai 1 Januari tahun 1989. Lebih penting lagi, Datuk Razali Ismail, wakil tetap Malaysia di PBB pada masa itu, dilantik menyandang jawatan Pengurus badan tersebut untuk tahun 1989. Ekoran daripada itu, Malaysia akan memainkan peranan yang semakin penting dalam bidang politik antarabangsa.

Pada tahun 1989, di Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang diadakan di Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad menegaskan semula bahawa tindakan keras harus diambil untuk menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan. Beliau juga merayu kepada negara-negara dunia supaya berusaha mengawal masalah pencemaran persekitaran yang semakin mengancam kehidupan segala makhluk.

Malaysia sering kali mengadakan persidangan antarabangsa demi mengadakan syiar dan imej Islam yang selaras dengan tanggungjawabnya sebagai ahli Pertubuhan Persidangan Islam (Organization of Islamic Countries atau OIC) yang ditubuhkan pada tahun 1969 di Rabat, Maghribi. Selain itu, Malaysia sentiasa memberi sokongan moral kepada pergerakan pembebasan rakyat Palestin dan juga mujahidin Afghanistan. Justeru itu, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang paling awal mengiktiraf status kedaulatan dan kewujudan negara Palestin, seperti yang diisyitarkan oleh Encik Yasser Arafat, ketua Pertubuhan Pembebasan Palestin (Palestine Liberation Organization atau PLO) di persidangan kemuncak di Algiers, Algeria, pada tahun 1988. Menurut pengumuman rasmi itu, negara Palestin akan mencantumkan wilayah Gaza dan Tebing Barat (Sungai Jordan). Wakil negara Palestin diiktiraf oleh Persatuan Negara-negara Berkecuali, yang terdiri daripada 44 buah negara, di persidangan di Nicosia, Cyprus pada bulan Januari tahun 1989.

Mujahidin Afghanistan dibenarkan menukuhkan pejabat perwakilannya di Kuala Lumpur semenjak tahun 1984. Malaysia menyokong penyelesaian masalah politik secara aman dan mengalu-

alukan usaha Rusia mengundurkan tenteranya dari wilayah Afghanistan pada tahun 1989. Malaysia serta negara-negara jiraninya dalam ASEAN, membantah pencerobohan Vietnam di Kampuchea, terutamanya penubuhan rejim Heng Samrin yang disokong oleh Vietnam. Pendiriannya sealiran dengan prinsip mengelakkan kejadian masuk campur dalam hal-hal negara asing. Peranan Malaysia dalam soal Kampuchea jelas kelihatan dengan pembentukan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea, iaitu kerajaan campuran tiga pihak yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk, yang dirasmikan di Kuala Lumpur pada tahun 1982. Kerajaan Campuran tersebut telah pun diiktiraf oleh PBB atas usaha negara Malaysia. Mustahak sekali, Malaysia mengorak langkah menyelesaikan soal Kampuchea itu dengan menyertai Mesyuarat Informal Jakarta (Jakarta Informal Meeting atau JIM), yang diadakan di Bogor, Indonesia, atas usahasama negara-negara ASEAN.

Pada Mei 1988, Malaysia yang kini menampung penyaraan hidup sebanyak 13000 orang pendatang haram dari Vietnam di beberapa khemah orang pelarian, mengumumkan tindakannya untuk menutup khemahnya yang terbesar di Pulau Bedong. Sesentak dengan itu, semua orang pelarian tidak dibenarkan mendarat di mana-mana wilayah Malaysia. Sebulan sesudah itu, dalam mesyuarat tahunan Menteri-menteri Luar ASEAN yang diadakan di Bangkok, persetujuan konsensus dicapai untuk mengadakan konvensyen antarabangsa khas demi menyelesaikan masalah orang pelarian dari Kampuchea dan Vietnam (International Conference on Indochinese Refugees atau ICIR). ICIR itu diadakan di Geneva, di bawah anjuran PBB pada tahun 1989. Pada bulan Ogos 1988, Encik Ghafar Baba (Timbalan Perdana Menteri Malaysia), melawat Vietnam dan berjaya memperolehi persetujuan kerajaan itu untuk menerima kembali orang pelariannya jika perkara itu berlaku kelak.

Dalam bidang perdagangan, Malaysia terus memperjuangkan pendirian dan kebaikan negara-negara Selatan yang menghadapi syarat-syarat perdagangan kurang memuaskan dalam perhubungannya dengan negara-negara Utara sekitar lama ini. Sejauh mana yang mampu, Malaysia telah menghulurkan bantuan teknik dan menguruskan pemindahan teknologi kepada negara-negara Asia Selatan, Afrika dan Pasifik Selatan menerusi Rancangan Kerjasama

Tekniknya. Sebagai contoh, pada tahun 1988, Malaysia mengumumkan kesediaannya untuk melatih pegawai-pegawai terpilih dari Laos, Mozambique dan Fiji. Malaysia menjadi ketua rumah Persidangan Selatan-Selatan Kedua yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1986. Objektif UNCTAD juga terus diperjuangkan. Peristiwa yang memberangsangkan adalah perlantikan wakil Malaysia ke Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (Datuk Razali Ismail) sebagai Pengerusi Kumpulan 77 bagi tahun 1989. Kini kumpulan 77 itu dianggotai oleh 127 buah negara Dunia ketiga dan tugas istimewa pengerusinya adalah menjalinkan perhubungan erat di antara kumpulan tersebut dengan Pergerakan Negara-negara Berkecuali serta Suruhanjaya Selatan-Selatan.

Malaysia kini menetapkan pejabat perwakilannya di beberapa buah negara berkecuali seperti di Habsyah, Mesir dan Nigeria (semua di Afrika), di India dan Sri Lanka (Asia) dan di Yugoslavia (negara terkemuka di Eropah yang bergiat aktif dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali). Usaha-usaha kerajaan juga tertumpu ke arah mempereratkan lagi perhubungan politik dan pertalian sosioekonomi antara negara-negara ASEAN. Pada tahun 1988, umpamanya, perundungan bersaingan dikekalkan dengan Negeri Thai dan Filipina, demi mencari penyelesaian kepada masalah pencerobohan perairan tanah air oleh nelayan-nelayan asing dan juga demi menentukan sempadan sebenar negara masing-masing.

Selain Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan ASEAN yang diadakan daripada semasa ke semasa untuk menggariskan bidang kerjasama yang baru, Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN serta Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN juga diadakan demi mencapai kata sepakat dalam bidang sosioekonomi. ASEAN mempunyai beberapa jawatankuasa tetap mengendalikan perkara-perkara tertentu, misalnya Jawatankuasa Perdagangan dan Pelancongan (Committee on Trade and Tourism atau COTT); Jawatankuasa Perindustrian, Galian dan Tenaga (Committee on Transport and Telecommunications atau COTAC). Dalam bidang kewangan, Majlis Urusan Bank ASEAN diwujudkan demi menyelaras urusan bank perdagangan serantau.

Pada dekad akan datang, negara-negara EEC, Jepun dan Amerika Syarikat akan menjadi kian penting sebagai rakan dagang Malaysia kerana matla-

mat negara yang ingin mencapai taraf Negara Perindustrian Baru (Newly Industrialised Country atau NIC) secepat mungkin. Oleh yang demikian, Malaysia sentiasa berusaha mengadakan dialog dengan negara-negara tersebut, misalnya Mesyuarat Menteri ASEAN-EEC diadakan pada tahun 1985 dan pada tahun berikutnya di Bali. Dalam mesyuarat-mesyuarat ini, menteri-menteri Luar ASEAN berpeluang merundingkan hal-hal kerjasama ekonomi dengan Presiden Reagan.

### **Kejayaan Dan Kebangaan Malaysia**

Tidak kira sama ada kita berada di atas Gunung Everest atau di Atlantik, tidak kira sama ada kita memenangi Piala Thomas atau menganjur Sukan Commonwealth, kita akan melaung-laungkan satu slogan yang sama, satu slogan yang membangkitkan semangat kita, 'Malaysia Boleh'. Sejak merdeka, Malaysia telah mencapai banyak detik-detik kegemilangan seperti Lapangan Kapal Terbang Sepang (lapangan kapal terbang yang paling besar di Asia), Putrajaya (pusat pentadbiran kerajaan yang baru), Kampung Sukan Bukit Jalil (tempat menganjur Sukan Commonwealth 1998), melancarkan satelit MEASAT, menjelajah kaki ke Everest dan Atlantik, menganjur F1 Grand Prix dan lain-lain lagi. Adakah kita mencapainya dengan hanya adanya kelengkapan fizikal yang lengkap dan canggih? Adakah kerajaan Malaysia melaburkan berjuta-juta ringgit dalam mega projek tersebut semata-mata untuk melaungkan reputasi Malaysia di kaca dunia?

### **Jambatan Pulau Pinang**

Projek Jambatan Pulau Pinang adalah diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang kedua Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain dan perancangan untuk pembinaannya telah diusahakan sejak tahun 1960 lagi. Perancangan serta kajian yang terperinci telah dijalankan untuk memastikan kejayaan projek ini. Akhirnya keputusan untuk melaksanakan pembinaannya telah direstui oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang keempat.

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah jambatan paras tinggi jenis 'Cable-Stayed Concrete Girder' yang menelan belanja kira-kira 850 juta ringgit bagi menghubungkan Pulau Pinang dengan Tanah besar Semenanjung Malaysia. Panjang keseluruhan jambatan itu adalah 13.5 km mengandungi 8.4 km jambatan atas air, 1.5 km jejambat dan jalan, di

sebelah Pulau Pinang dan 3.6 km jejambat dan jalan, di sebelah Seberang Perai. Jambatan ini direka bentuk untuk mengandungi enam lorong. Tetapi pada peringkat permulaannya jambatan ini akan mengandungi empat lorong sahaja melainkan di bahagian tengah dan bahagian mendaki terus dibina enam lorong. Jambatan ini dibina merintangi Selat Selatan. Di sebelah Pulau Pinang, sebuah persimpangan arah bagi menghubungkan Jalan Pantai Utara dan Selatan yang merancangkan dibina di tepi pantai Batu Uban dan ianya disambungkan dengan Jalan Gelugor yang terletak di hadapan Universiti Sains Malaysia.

Di Seberang Perai, projek ini bermula dari Batu Empat Setengah Jalan Butterworth - Ipoh (Jalan Persekutuan 1) di mana sebuah persimpangan separa kelawar dibina. Sebuah jambatan juga dibina menyeberangi landasan kereta api. Aliran jambatan ini akan melalui Kawasan Perusahaan Perai dan satu lagi persimpangan arah (*directional interchange*) dibina di Jalan Perusahaan. Sebuah Plaza Tol telah dibina di sebelah Seberang Perai ini dan bayaran akan dikutip daripada semua kenderaan yang menuju ke Pulau Pinang.

Jambatan ini iaitu salah satu daripada jambatan di dunia tidak sahaja menghubungkan Pulau Pinang dengan Tanah Besar Semenanjung daripada segi fizikal malahan memberikan sumbangan dalam pembangunan ekonomi, budaya dan sosial serta perdamaian negara.

#### **Proton Saga - Kereta Nasional Malaysia**

Kereta Nasional yang pertama, Proton Saga, melambangkan detik permulaan penceburan Malaysia dalam bidang pengeluaran kereta. Pengeluaran kereta pertama ini adalah dalam dua bentuk kuasa enjin 1.3 dan 1.5 liter. Proton Saga direka bentuk khas oleh pereka Malaysia dan ia menggabungkan daya cipta terbaru, ciri-ciri reka bentuk yang dinamis bertaraf antarabangsa setanding daripada segi mutu, prestasi, ekonomi, ruang dan keselaman.

Nama Saga dipilih hasil daripada satu peraduan menamakan kereta Nasional yang disertai oleh segenap lapisan masyarakat oleh kerana Saga membawa makna yang simbolik serta klasan yang melambangkan aspirasi nasional, ia dipilih untuk nama bagi Kereta Nasional yang pertama.

Kilang Proton adalah terbesar di Asia Tenggara, meliputi kawasan seluas 550,000 meter

persegi dengan kawasan berbumbung seluas lebih daripada 85,620 meter persegi. Kilang yang berbentuk L ini dilengkapi dengan alat-alat moden, automatik dan separa-automatik bagi menentukan keluaran Kereta Nasional yang bermutu. Kilang ini direka khas merangkumi tiga faktor penting, iaitu unsur-unsur sistem pengeluaran yang cekap, keselesaan tempat bekerja serta berkeupayaan untuk diperbesarkan pada masa depan. Perhatian utama telah diberi kepada aspek-aspek pengawalan pemeranan alam yang menggunakan peralatan dan kelengkapan yang moden.

Kilang pengeluaran ini mengandungi 4 bahagian utama, iaitu Bahagian Pembentuk Komponen Badan Kereta, Bahagian Pengecatan, Bahagian Pemasangan Akhir. Kemudahan-kemudahan tambahan ditempatkan di kawasan yang strategik untuk mencapai kekesan dan prestasi yang maksimum. Keseluruhan Kompleks Kilang Proton ini melambangkan sebuah pusat pengeluaran yang komprehensif. Pada peringkat permulaan, kilang Proton ini berkeupayaan mengeluarkan 80,000 unit kereta setahun. Keupayaan ini telah dipertingkatkan kepada 12,000 unit setahun pada tahun 1988. Industri kereta bermula di Malaysia dalam tahun 1967 dengan tertubuhnya syarikat pemasangan kereta tempatan yang pertama. Pada masa ini terdapat 12 buah syarikat pemasangan kereta yang mengeluarkan lebih kurang 50 jenis model kereta yang bersaingan untuk edaran dan penjualan di pasaran tempatan.

Dengan tertubuhnya syarikat Proton, ia merupakan detik-detik permulaan dalam industri pembuatan kereta. Buat kali pertama negara Malaysia akan mengeluarkan kereta buatan Malaysia dan dalam masa yang sama membangunkan Industri yang diusahakan oleh Perbadanan Perusahaan Industri Berat (HICOM), yang telah diberi mandat untuk mempergiatkan pembangunan industrian berat di Malaysia.

Proton digerak untuk menjadi pemimpin di Malaysia dalam perusahaan kereta. Dengan usahasama pihak Mitsubishi Motors Corporation dan Mitusbishi Corporation, Jepun, yang akan sentiasa bekerjasama dalam bidang teknik dan latihan kakitangan, Proton bertanggungjawab dan berkemampuan mengeluarkan Kereta Nasional yang bermutu tinggi dengan harga yang setanding. Selepas perusahaan yang lebih daripada sepuluh tahun, Syarikat Proton telah berjaya menjadi jenama kereta yang

paling popular dan paling laris di tanah air. Pelbagai model yang baru telah dikeluarkan dalam tempoh selama ini seperti Proton Wira, Proton Iswara, Proton Putra, Proton Perdana dan Proton Satria. Sesetengah daripada model tersebut telah dieksport ke luar negeri termasuk negara-negara Eropah.

### Koridor Raya Multimedia

Alvin Toffler, seorang pakar dalam bidang futuristik telah menyatakan dalam bukunya bernama *Power Shift* bahawa zaman pertanian serta zaman perindustrian yang telah berlanjut selama beberapa kurun lalu akan tamat dan digantikan dengan zaman maklumat menjelang alaf baru. Menyedari hakikat ini, banyak negara kini mengalihkan perhatian mereka ke bidang teknologi maklumat dengan mengambil peluang untuk menjadikan industri teknologi maklumat sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara. Sebagai contoh, Singapura telah menetapkan matlamat IT2000 dengan menjadikan Singapura sebagai sebuah Pulau Bistari atau 'Intelligent Island' menjelang tahun 2000.

Dalam hal ini, Malaysia turut tidak ketinggalan, Projek Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor atau ringkasannya MSC) telah diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir semasa merasmikan Persidangan Multimedia Asia pada 1hb Ogos 1996. Pengumuman ini secara tidak langsung menunjukkan Malaysia sedang menuju ke arah dunia multimedia dan pada masa yang sama menyediakan diri dalam menghadapi zaman maklumat ini.

### Lokasi MSC

Koridor Raya Multimedia merangkumi kawasan seluas 750 km persegi yang melebar ke selatan Kuala Lumpur, bermula dari Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (PBKL) di utara hingga ke Lapangan Tebang Antarabangsa Kuala Lumpur (LTAB) di selatan. Ia disempadani oleh Lebuh Raya Utara-Selatan di sebelah timur dan Lebuh Raya Persisiran Pantai di sebelah barat (Ramlah, Abd. Wahab, *Dewan Masyarakat*-1996: 46). Di antara PBKL dan LTAB, terdiri dua identiti mega di tengah-tengahnya, iaitu pusat pentadbiran baru kerajaan, Putrajaya dan Bandar Raya Teknologi Maklumat (IT City). Antara kewujudan bangunan mega itu, terbangun pula industri multimedia dan syarikat utama yang menerajui perkembangan infrastruktur dan teknologi maklumat. Selain itu, keseluruhan MSC juga akan dilengkapi dengan rangkaian optik gentian digital, 2.5

hingga 10 gigabit yang akan menghubungkannya secara langsung dan interaktif dengan negara ASEAN, Jepun, Amerika Syarikat, Eropah dan negara membangun yang lain (*Ibid* : 46).

### Aplikasi Khusus MSC

Di bawah projek MSC ini, beberapa aplikasi khusus akan dimajukan dan dijangka siap pada tahun 2000. Kelapan-lapan aplikasi adalah seperti berikut:

- ◆ Kerajaan elektronik: Pentadbiran kerajaan yang berhubung secara rangkaian komputer dengan mengutamakan konsep kurang kertas (*paperless*). Semua jabatan kerajaan akan dihubungkan dengan pangkalan data sepunya untuk memudahkan aliran maklumat. Dengan itu kecairan maklumat (*information solvency*) akan meningkat.
- ◆ Teleperubatan: Hospital akan menggunakan teknologi maklumat yang canggih untuk berhubung antara hospital di rantau ini serta di seluruh dunia. Dengan itu, kepakaran doktor di seluruh dunia dapat dikongsi oleh doktor tempatan.
- ◆ Kelompok pembangunan dan penyelidikan: Penubuhan kelompok institusi kajian serta institusi pendidikan di MSC untuk meningkatkan kemahiran sumber manusia tempatan serta menjalankan kajian teknologi maklumat yang canggih.
- ◆ Pusat Pembuatan Sedunia: Dengan menyediakan kemudahan pembuatan kepada syarikat antarabangsa dengan menawarkan sumber manusia yang berdaya saing dalam peringkat antarabangsa dan murah dari segi bayarannya.
- ◆ Pusat Pemasaran Tanpa Batasan: Berdasarkan hakikat bahawa keunikan budaya rakyatnya, Malaysia dapat membekalkan perkhidmatan *telemarketing* kepada populasi 2.5 billion orang penduduk di rantau Asia.
- ◆ Pusat Kewangan bercirikan Multimedia: Lokasi MSC yang strategik dengan hubungan multimedia ke semua pusat kewangan sedunia dapat menarik minat syarikat yang ingin menyokong MSC secara melabur di syarikat-syarikat dalam MSC.
- ◆ Kad Bistari yang serbaguna - Kad bistari yang serbaguna akan dikeluarkan dan akan berfungsi sebagai kad pengenalan, dompet elektronik, kad kredit, kad telefon dan seumpamanya.

Sekiranya Projek MSC ini berjaya, maka dipercayai MSC akan muncul sebagai sebuah kawasan pembangunan perdana yang termoden dan

termaju serta serba lengkap dengan pusat pentadbiran, pendidikan, pembangunan, taman kediamaan yang ceria, kawasan rekreasi dan hiburan yang kesemuanya akan menjadi kebanggaan Malaysia.

### **Kelebihan Daya Saingan MSC**

Evolusi dalam perkembangan telekomunikasi serta multimedia telah menggabungkan kedua-dua industri tersebut. Multimedia merupakan gabungan antara bunyi, data, grafik dan video. Sementara itu, industri telekomunikasi telah membolehkan hubungan jarak jauh didekati dengan rangkaian komputer. Masa depan untuk perkembangan industri multimedia serta telekomunikasi bergantung kepada pergabungan kedua-dua teknologi untuk memberikan lebihan daya saingan kepada syarikat yang menjalankan perniagaan strategik.

Adalah dianggarkan bahawa pasaran multimedia akan mencecah angka US\$3.5 trilion menjelang tahun 2002. Ini adalah lebih kurang saiz ekonomi negara USA pada awal tahun 1980-an. (Bradley P. Holmes, *Multimedia Global Alliances: Business Opportunities on the Information Highway*, APT Jurnal Jan 1995). Memandangkan 'kek ekonomi' bagi industri multimedia adalah terlalu besar untuk manama negara, maka langkah Malaysia mewujudkan MSC untuk turut bersama negara-negara lain dalam pembangunan industri multimedia adalah langkah bijak.

Walaupun Malaysia baru menceburii bidang teknologi maklumat secara serius dan terdapat gerensi industri teknologi maklumat di Silicon Valley, California, Amerika Syarikat, tetapi MSC menawarkan beberapa tarikan yang boleh disifatkan sebagai lebihan daya saingan MSC berbanding lokasi lain di dunia.

Kelebihan MSC adalah seperti berikut:

- ◆ Kepimpinan kerajaan dalam menjayakan MSC
- ◆ Ketua Eksekutif Microsoft Corporation, Bill Gates pernah menyatakan bahawa beliau sangat kagum dengan tekad kerajaan Malaysia untuk menjayakan MSC kerana menurut beliau Perdana Menteri Dato Seri Dr Mahathir merupakan antara beberapa tokoh kerajaan di dunia ini yang sentiasa mengeluarkan pendapat mengenai kemajuan teknologi maklumat.
- ◆ Kerajaan telah menujuhkan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan dan Majlis Telekomunikasi

Negara untuk menggalakkan pertumbuhan industri teknologi maklumat dan telekomunikasi. Apa yang menarik sekali ialah minat PM sendiri dalam pembangunan industri teknologi maklumat dengan beliau sendiri menjadi Pengurus bagi kedua-dua majlis tersebut dan Timbalan Pengurus ialah Timbalan Perdana Menteri.

- ◆ Sokongan kuat kerajaan MSC dengan mengembangkan tenaga pelbagai agensi kerajaan telah menyediakan atmosfera pelaburan yang menarik perhatian syarikat gergasi teknologi maklumat untuk melabur di MSC.

Lawatan Dr Mahathir ke USA pada pertengahan Januari 1997 untuk mempromosi MSC kepada syarikat di USA telah berjaya menarik minat ramai syarikat gergasi teknologi maklumat. Pada lawatan itu, satu Panel Penasihat Antarabangsa yang terdiri daripada 30 orang tokoh teknologi maklumat telah ditubuhkan untuk bertindak sebagai forum untuk bertukar pendapat terhadap kejayaan MSC. Penubuhan Panel Penasihat tersebut sebenarnya satu langkah awal yang bagus terhadap merealisasikan impian MSC.

### **Faktor Lokasi MSC**

MSC terletak dalam rantau Asia Pasifik yang merupakan rantau yang paling pesat membangun dalam konteks pembangunan ekonomik. Tambahan pula, industri teknologi maklumat negara-negara Asia Pasifik masih dalam peringkat permulaan. Maka, syarikat teknologi maklumat di negara maju dapat menggunakan MSC sebagai batu loncatan untuk mencebusi pasaran Asia Pasifik.

### **Kemudahan Infrastruktur Telekomunikasi**

Memandangkan MSC dibangunkan di tempat yang baru yang sebelum ini merupakan kawasan luar bandar maka soal menggantikan infrastruktur telekomunikasi yang lama tidak timbul. Dengan ini, MSC dapat secara terus menggunakan teknologi terkini untuk perhubungan rangkaian.

### **Jaminan Dari Kerajaan**

Kerajaan Malaysia telah menggariskan Akta Jaminan (Bill of Guarantees) dengan menyakinkan pelabur asing di MSC bahawa pelaburan mereka dapat mendapat pulangan maksimum. Antaranya kerajaan telah menyatakan bahawa Multimedia Development Corporation (MDC) akan dijadikan pusat *one-stop*

untuk syarikat yang melabur di MSC apabila ingin berurus dengan kerajaan. Dengan ini, wujudnya MDC dapat menjimatkan masa syarikat MSC.

### Sokongan Infrakstruktur Mencukupi

Lokasi MSC adalah dekat dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang akan siap sepenuhnya pada tahun 1998. KLIA dihubungkan dengan semua ibu kota di seluruh dunia. Kedudukan MSC yang dekat dengan Pelabuhan Kelang yang merupakan pelabuhan utama di Malaysia. Di samping itu, MSC dihubungkan dengan laluan keretapi serta Lebuh Raya Utara-Selatan ke destinasi utama di seluruh Semenanjung Malaysia.

### Insentif Kewangan

Seperti yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawan 1997 pada Oktober 1996 bahawa pelbagai insentif telah disediakan khas untuk menggalakkan pertumbuhan MSC. Antaranya termasuk:

- Pengecualian cukai syarikat selama 5 tahun (boleh dilanjutkan hingga 10 tahun) kepada syarikat yang didaftarkan di bawah MSC.
- Pengecualian cukai terhadap pembelian perkakasan multimedia.
- Syarikat MSC dibenarkan untuk mengambil pekerja asing dengan tanpa syarat kawalan yang ketat.

Dengan insentif tersebut, MSC mampu menarik minat syarikat gergasi teknologi maklumat untuk melabur.

### Sokongan Infrastruktur Kewangan

Semasa pembentangan Belanjawan 1997, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengutarakan saranan untuk memperkenalkan pasaran OTC (*over-the-counter market*) di Bursa Saham Kuala Lumpur. Penubuhan pasaran OTC tersebut adalah bertujuan untuk membantu syarikat teknologi maklumat untuk mendapatkan modal pelaburan. Adalah dijangkakan bahawa garis panduan untuk pasaran OTC ini akan disiapkan pada 18-2-97. (Rozani Sani, *New Straits Times* 13-1-1997) dan dijangka akan mulai beroperasi pada hujung tahun 1997 (Alex Yong, *The Star*, 14-1-1997).

Penubuhan pasaran OTC ini dipandang sebagai satu faktor berjaya kritikal (*critical success factor*) terhadap pembangunan industri teknologi maklumat

tempatan. Dengan wujudnya pasaran OTC, syarikat teknologi maklumat baru yang tidak mempunyai rekod perniagaan tetapi menjanjikan potensi besar untuk pembangunan masa depan akan dapat mengumpul modal melalui penyenaraian di pasaran OTC.

Pasaran OTC yang bakal ditubuhkan akan mengambil pengalaman dari pasaran Nasdaq (National Association of Securities Dealers) yang menjalankan perniagaan saham secara OTC di Amerika Syarikat. Kejayaan Nasdaq dalam menyokong industri teknologi maklumat di Silicon Valley, California, Amerika Syarikat akan dijadi panduan oleh Pasaran OTC Malaysia untuk menyokong industri teknologi maklumat di MSC.

### Sumber Tenaga Manusia

Malaysia mempunyai sumber tenaga manusia yang mahir dalam bidang teknologi maklumat. Taraf pendidikan yang tinggi serta kos sumber manusia yang murah merupakan satu aset penting Malaysia untuk menarik minat pelaburan asing ke MSC.

### Budaya Rakyat Malaysia Yang Kaya

Kebolehan rakyat Malaysia berkomunikasi dalam pelbagai bahasa khasnya Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Tamil dan Bahasa Mandarin ini menawarkan kelebihan untuk berurusniaga dengan negara-negara di rantau Asia Pasifik Seperti yang dinyatakan oleh Dr Mahathir kepada industri perfileman semasa lawatan beliau ke Amerika Syarikat pada pertengahan bulan Januari 1997 bahawa tiada tempat lain (melainkan MSC) yang boleh menghubungkan kreativiti menakjubkan dengan melahirkan hiburan digital yang relevan kepada negara-negara Asia. Hakikat bahawa kepelbagaiannya budaya di Malaysia menjadi satu kelebihan daya saing jika pusat hiburan digital dunia yang bercirikan pelbagai budaya didirikan di MSC.

MSC menawarkan satu pakej insentif kepada pelabur asing dengan itu berdaya saing di peringkat antarabangsa untuk duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain untuk menerokai bidang pembangunan teknologi maklumat.

### Cabarang Yang Dihadapi Oleh MSC

Idea MSC nampaknya menarik dan sekiranya berjaya dilaksanakan seperti dalam perancangan akan transformasikan taraf ekonomi negara kepada

negara berdasarkan pembangunan teknologi maklumat. MSC tidak harus meniru bulat-bulat atau cut and paste dari model Silicon Valley, California, Amerika Syarikat. Apa yang penting ialah mestilah mengambil pertimbangan keunikan sosial, politik dan pembangunan ekonomik Malaysia. Dengan itu barulah bersesuaian dengan keperluan kita. Begitu juga, manfaat yang diperolehi harus dilimpahkan ke seluruh negara dan bukan tertumpu kepada MSC sahaja.

### Cabaran Kes Cetak Rompak Perisian

Semasa pertemuan CEO Microsoft Corporation, Bill Gates dengan Dr Mahathir, Bill Gates telah mengemukakan isu cetak rompak perisian yang berlaku secara berleluasa di Malaysia. Sebenarnya, sekiranya keadaan cetak rompak perisian tidak dikawal, maka syarikat-syarikat pembangunan perisian terpaksa berfikir dua kali sebelum menyertai MSC. Ini memandangkan bahawa, pulangan terhadap pelaburan bagi syarikat pembangunan perisian akan merosot akibat cetak rompak perisian.

Cetak rompak perisian di Malaysia akan dapat dikawal dengan lebih rapi dengan penguatan kuasaan Intellectual Property Protection Act yang bakal dibentang di Parlimen pada Mac 1997. Memandangkan penubuhan MSC dengan datangnya pelaburan yang membangunkan perisian, penguatan kuasaan undang-undang ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk mempertahankan kepentingan pelaburan syarikat-syarikat asing ini. Akta tersebut akan meliputi Hakecipta Intelektual yang akan dilaksanakan merentasi negara (*cross-country ownership of intellectual property*) (Nur Aida Mustafa, *New Straits Times*, 10-10-1996).

### Saingan Dengan Pesaing Yang Lain

MSC Malaysia terpaksa bersaing dengan pusat kajian ternama di seluruh dunia seperti Silicon Valley di California, dan pusat di Massachusetts. Isu yang paling kritikal bagi MSC ialah bagaimana kita dapat menyakinkan syarikat antarabangsa untuk melabur di sini dan juga menggalakkan syarikat antarabangsa untuk melaksanakan usaha Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di Malaysia.

### Kesan Limpahan MSC

Sungguhpun projek MSC hanya tertumpu di sekitar dari Kuala Lumpur ke Sepang, namun menurut Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ia akan

diperkembangkan ke negeri yang lain termasuk juga Malaysia Timur pada masa akan datang. Beliau menerangkan bahawa pembangunan MSC akan menjadi tidak bermakna sekiranya apa yang diketetahuan dapat diserap sehingga ke New York tetapi sebaliknya kawasan Sabah dan Sarawak diketepikan (*Nan Yang Shang Pao*, 23 Disember 1996).

Adalah tidak bermakna sekiranya kejayaan MSC mewujudkan segolongan elit yang kaya maklumat (*information rich*) dengan menggunakan Lebuhraya Maklumat sementara golongan majoriti rakyat masih miskin maklumat (*information poor*) yang masih menggunakan Jalan Kampung Maklumat. Dengan itu, faedah MSC harus disalurkan seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Sebagai misalannya, dalam kesungguhan kita berbicara terhadap *smart school* tetapi masih terdapat 1273 buah sekolah rendah di Malaysia yang masih tiada bekalan elektrik dan masih tiada sambungan rangkaian di kebanyakan maktab perguruan di seluruh Malaysia.

### Fokus Kepada Syarikat Asing

Dalam dunia perniagaan, faktor perkiraan ialah *Return On Investment*. Syarikat antarabangsa tidak mengenal sempadan negara. Maka mereka akan berpindah ke mana sahaja yang dapat memberi peluang terbesar kepada negara. Dengan itu, MSC harus membuka ruang yang besar kepada pertumbuhan syarikat tempatan. Walaupun kita mempunyai perisian tempatan yang berpotensi seperti Nalinam (Pemproses perkataan Bahasa Tamil) serta Vbuster (*virus scanner*), scolah-solah perisian ini dipinggirkan.

### Darjah Keterbukaan Dasar Budaya Negara

Menurut Michael Porter, salah satu faktor daya saingan sesebuah negara ialah nilai serta budaya kebangsaan. Satu daripada idea yang akan dilaksanakan di MSC ialah mempelawa industri fileman di Hollywood untuk membuka studio multimedia di Malaysia. Adalah menjadi satu tanda tanya bagaimana idea ini dapat dijayakan sekiranya pengjurusan konsert Michael Jackson terpaksa melalui pelbagai rintangan (walaupun akhirnya diberi kebenaran) serta filem *Schindler's List* diharamkan.

### Perundungan Siber

Untuk melindungi pelaburan syarikat gergasi antarabangsa di MSC, beberapa akta berkenaan siber telah digariskan oleh kerajaan. Antaranya ialah Intellectual

Property Protection Act, Digital Signature Act dan Computer Crime Act. Memandangkan bahawa ini merupakan kali pertama Malaysia menggariskan undang-undang siber, maka masalah teknikal telah timbul sehingga draf undang-undangan siber yang sepatutnya dijangka dibentang di Parlimen pada persidangan bulan Disember 1996 untuk perdebatan telah ditunda ke bulan Mac 1997. Oleh kerana undang-undang siber merupakan sesuatu yang agak baru, maka kecaburan dalam perkara perundangan mungkin timbul yang akan merugikan para pelabur.

### Kekurangan Sumber Manusia Yang Mahir

Walaupun terdapat ratusan siswa/siswi lulusan teknologi maklumat yang memasuki pasaran kerja setiap tahun, tetapi angka tersebut jauh daripada mencukupi untuk menjayakan MSC sepenuhnya. Kerajaan telah mengambil langkah menambah bilangan kemasukan pelajar teknologi maklumat serta meluluskan permohonan kolej serta universiti swasta untuk menghasilkan lebih ramai lulusan teknologi maklumat.

Sekiranya masalah kekurangan sumber manusia yang mahir ini tidak dapat diatasi, dijangkakan pasaran kerja akan menjadi ketat dan akibatnya ialah kos sumber manusia menjadi terlalu mahal dan daya saingan MSC akan berkurangan. Tarikh 16-1-1997 merupakan hari bersejarah dalam arena teknologi maklumat Malaysia apabila Panel Penasihat Antarabangsa bertemu di Stanford University, California, USA untuk membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan MSC.

Antara ahli dalam Panel Penasihat Antarabangsa ini ialah Bill Gates (CEO Microsoft), James Barksdale (CEO Netscape), Stan Shih (CEO Acer), Louis Gerstner (CEO IBM). Kebanyakan ahli-ahli panel merupakan ketua eksekutif bagi syarikat gergasi teknologi maklumat serta orang perseorangan yang banyak menyumbang idea dalam pembangunan era maklumat seperti Alvin Toffler serta Kehichi Ohmae. Persidangan tersebut merupakan julung-julung kali dalam sejarah industri teknologi maklumat yang dapat mengumpulkan begitu ramai 'Kapten Industri'. Semua ini atas tarikan yang ditawarkan oleh MSC dan kerajaan Malaysia.

Antara syarikat yang telah mula menjadi syarikat MSC ialah Syarikat Sun Malaysia yang mendapat kelulusan dari MDC pada 4-11-96. Syarikat Ernst & Young turut mengumumkan bahawa

syarikat tersebut akan mendirikan pusat latihan di MSC. Menurut MDC, terdapat 12 syarikat yang akan dijangka diluluskan menyertai MSC menjelang akhir tahun 1996 (Chan Lee Meng, *The Star*, 5-11-96). Sambutan terhadap penubuhan MSC nampaknya menggalakkan. Walau bagaimanapun, ini hanyalah satu permulaan awal. Menanti di depan ialah pelbagai rintangan yang bakal ditempuhi. Sekiranya MSC berjaya dilaksanakan, ia akan membawa Malaysia ke era maklumat dan seterusnya merelisasikan impian wawasan 2020.

Wawasan 2020 merupakan idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dan mula-mula diumumkan pada 28 Februari 1991 dalam persidangan pertama Majlis Perniagaan Malaysia. Wawasan 2020 merangkumi tempoh masa 30 tahun. Matlamat terakhir Wawasan 2020 ialah untuk menjadikan Malaysia negara yang benar-benar maju dalam tiga dekad. Wawasan 2020 menitikbratkan 'pembangunan menyeluruh' dan bukan sahaja pembangunan ekonomi. Malaysia harus menjadi negara maju dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad, kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepadan sosial, dari segi ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian, selain mempunyai rasa bangga kenyakinan terhadap bangsa sendiri.

Idea Wawasan 2020 yang dicetuskan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mempunyai matlamat jangka masa panjang iaitu selama 30 tahun. Menjelang tahun 2020, Malaysia diharapkan dapat menjadi sebuah negara perindustrian. Pada tahun tersebut, Malaysia dijangka dapat menempatkan diri di kalangan negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, Britain, Jerman dan Perancis. Sekiranya impian Dr. Mahathir ini menjadi kenyataan, maka Malaysia sudah pasti akan berubah daripada sebuah negara yang ekonominya berasaskan pertanian kepada sebuah negara industri. Ini juga bermakna Malaysia akan memasuki era baru dengan kemajuan teknologi yang canggih dan moden.

Wawasan 2020 sebenarnya bukan suatu visi dan impian seorang pemimpin. Wawasan ini menjadi harapan bagi semua rakyat Malaysia untuk menikmati kehidupan yang lebih baik. Wawasan ini bukan sahaja merangkumi aspek ekonomi, tetapi meliputi

keseluruhan bidang kehidupan termasuk aspek budaya, sosial dan politik. Namun begitu untuk menjadikan wawasan ini sebagai satu kenyataan bukanlah semudah yang disangkakan. Kerjasama diperlukan daripada seluruh rakyat Malaysia dalam pelaksanaannya. Untuk menjayakan wawasan 2020, tediap sembilan cabaran yang perlu dihadapi sebelum hasilnya dapat dinikmati dalam tempoh 30 tahun yang akan datang.

Cabaran yang pertama adalah mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat dikongsi bersama. Bagi mengatasi cabaran ini, seluruh rakyat Malaysia harus bersatu padu. Setiap kaum perlu berganding bahu dengan melupakan persengketaan sesama mereka. Identifikasi kaum patut dihapuskan supaya seluruh rakyat dapat bersatu sebagai bangsa Malaysia. Unsur-unsur perkauman, chauvinism dan polarisasi kaum harus dibendung sebelum ia meracuni fikiran rakyat sekiranya kita hendak melihat penyatuan negara Malaysia berlaku sepenuhnya.

Melahirkan penyatuan di kalangan rakyat belum tentu dapat menjayakan Wawasan 2020. Ini kerana Malaysia memerlukan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada dan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah. Setiap rakyat perlu ditanamkan dalam jiwa mereka semangat keyakinan untuk menghadapi setiap cabaran yang bakal mendatang. Rakyat harus berbangga dengan pencapaian negara dan apa yang jadi milik mereka. Kebebasan amat penting untuk mencapai kemajuan dan sifat ini harus ada pada setiap rakyat supaya matlamat yang dirancang tercapai tanpa apa-apa halangan dan kongkongan.

Seterusnya, Malaysia seboleh-bolehnya dapat mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang dan sebuah masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada semua negara membangun. Ini bermakna masyarakat Malaysia perlu menjadi contoh dan teladan untuk masyarakat dunia yang lain kerana ia dapat menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia adalah progresif, dinamik dan demokratik. Sudah terlalu lama kita menjadikan masyarakat di negara-negara maju sebagai contoh dan panduan dalam meniti jambatan kejayaan. Kini telah sampai masanya untuk kita menjadi pemimpin bagi penduduk dunia.

Dalam membentuk perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia, dua unsur tidak harus diabaikan iaitu moral dan etika. Penting diwujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Pencapaian Wawasan 2020 sangat bergantung kepada sebuah masyarakat yang mengamalkan kedua-dua nilai ini. Keruntuhan nilai ini di negara-negara kesannya telah menyebabkan kehidupan masyarakat di negara-negara maju semakin tidak bahagia. Oleh itu, kedua-dua nilai tersebut amat diperlukan ekali dan diberikan perhatian utama sebelum langkah-langkah seterusnya diambil untuk menjayakan Wawasan 2020.

Cabaran yang kelima adalah mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan idea, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing, dan pada masa yang sama meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara. Dalam mana-mana negara, semngat cintakan negara sangat penting dalam proses pembangunan. Begitu juga dengan semangat bertolak ansur. Tanpa tolak ansur adalah sukar untuk kaum-kaum di Malaysia bersatu dan bekerjasama. Setiap kaum perlu memahami kebudayaan kaum yang lain. Apabila persefahaman dapat diwujudkan, maka perasan bertolak ansur akan lahir dalam perhubungan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Tolak ansur tidak membawa apa-apa makna sekiranya setiap rakyat tidak mempunyai kebebasan beragama. Dari itu, kepercayaan setiap kaum wajar dihormati dan dilindungi. Dasar yang liberal daripada kerajaan terhadap kebebasan beragama sudah tentu dapat melahirkan perhubungan yang lebih intim dalam masyarakat Malaysia yang unik dan pelbagai budaya.

Malaysia juga perlu mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa hadapan. Sesuai dengan kepesatan dan pencapaian sains teknologi, Malaysia sepatutnya mempunyai sebilangan saintis yang komited terhadap kerjayanya. Dalam konteks ini, Malaysia bukan sahaja memerlukan pekerja-pekerja yang tahu menggunakan teknologi, malah tahu mencipta teknologi baru untuk keperluan industri. Sampai bila kita perlu bergantung kepada teknologi negara maju? Sudah tiba masanya Malaysia melahirkan segolongan saintis, jurutera, juruteknik, teknokrat dan ahli industri. Insentif yang diberikan kepada golongan ini sudah pasti akan meningkatkan

motivasi mereka mencipta dan mereka teknologi yang lebih maju lagi.

Sesuatu yang tidak patut dilupakan adalah mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi iaitu sistem sosial yang mengutamakan kepentingan masyarakat, kebijakan insani yang tidak hanya berkisar kepada negara atau orang perseorangan tetapi sekeliling sistem keluarga yang kukuh. sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kemajuan dalam sesebuah negara akan menyebabkan ikatan kekeluargaan menjadi semakin longgar. Pengalaman di negara maju memberikan kita banyak bukti keruntuhan dalam sistem kekeluargaan. Untuk mengelakkan masyarakat Malaysia mengalami nasib yang sama, cabaran ini perlu diberi perhatian oleh setiap lapisan anggota masyarakat. Oleh itu, kebijakan setiap ahli masyarakat harus diberikan tumpuan kalau hendak melihat kewujudan sebuah masyarakat yang penyayang.

Kemajuan ekonomi yang dicapai sebaiknya dapat memastikan masyarakat mendapat pengagihan yang adil. Pengumpulan kekayaan negara di tangan segelintir individu diharapkan tidak lagi berlaku demi kestabilan negara, siap rakyat patut diberi peluang dan hak yang sama rata untuk menikmati kejayaan negara. Sering kedengaran kritikan-kritikan dilemparkan kepada kerajaan terhadap ketidaksamarataan dalam pengagihan kekayaan negara. Isu ini dieksplorasi dan digunakan bagi membangkitkan kemarahan kaum di Malaysia. Oleh itu, aspek ini penting dititikberatkan dalam Wawasan 2020.

Cabarannya terakhir adalah mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, jiat dan kental. Setiap rakyat perlu bekerja lebih kuat lagi. Semua masalah harus dihadapi dengan semangat yang kental dan hati yang tabah. Sikap dinamik dan berani bersaing dengan bangsa yang lebih maju perlu disemai dalam jiwa setiap rakyat Malaysia. Kita tidak mahu rakyat Malaysia mempunyai jiwa penakut dan lemah kerana mattamat Wawasan 2020 tidak akan tercapai sekiranya masyarakat masih mewarisi perasaan negatif ini.

Dengan demikian, sembilan cabaran ini wajib diatasi dahulu dan dijadikan sebahagian daripada kehidupan sebelum Wawasan 2020 menjadi realiti. Tidak mustahil kita dapat mencapai taraf sebuah negara maju, tetapi yang menjadi persoalan ialah bagaimana hendak menyesuaikan diri dengan

suasana yang serba maju pada tahun 2020 nanti. Wawasan 2020 akan tinggal menjadi angan-angan jika laju rakyat dan kerajaan tidak berkerjasama. Idea Wawasan 2020 berkemungkinan menjadi 'was-was 2020' sekiranya masyarakat tidak berganjak daripada keadaan mereka sekarang ini. Rakyat harus berani menerima perubahan dan bersedia berubah untuk memasuki abad yang ke-21.

### **Formula Malaysia**

Formula Malaysia adalah satu cara meningkatkan mutu hidup secara aman dan konsisten, menggambarkan perpaduan dalam kepelbagaian; dicirikan oleh kewujudan bersama, tolak ansur, toleransi dan secara pragmatik. Formula Malaysia berkembang sejak merdeka melalui gabungan titik peluh rakyat dan secara cuba jaya dalam suasana demokrasi. Proses penerbitan Formula Malaysia melibatkan daya usaha mengharungi halangan, mencapai persefahaman, tekad dan pengorbanan seluruh anak watan Malaysia. Formula Malaysia menolak secara menyeluruh sebarang unsur keganasan, deskriminasi perkauman, fanatik dan sifat melampau.

### **Pandangan**

Seperti yang penulis nyatakan tadi:

Faktor manusia yang unggul + Faktor alam semula jadi yang baik = Faktor manusia dan alam semula jadi yang Baik = Malaysia yang maju dan disanjungi

Faktor manusia yang unggul dan faktor alam semula jadi yang baik merupakan elemen yang penting untuk menerbit Formula Malaysia. Malaysia boleh dikatakan sebagai syurga di atas bumi. Dari segi cuaca, ia menikmati 365 hari cahaya matahari yang mencukupi bagi setiap tahun. Ciri ini membolehkan aktiviti pertanian dan aktiviti harian dijalankan sepanjang tahun. Dari segi geografi, ia terletak di zon bebas gempa bumi serta di tengah-tengah jalan perairan perdagangan timur dan barat. Satu keistimewaan alam semula jadi Malaysia ialah Malaysia mempunyai simpanan bahan mentah seperti petroleum, bijih timah dan gas asli yang lumayan. Apa yang perlu lagi ialah faktor kemanusiaan.

Sekiranya kita mengkaji dasar-dasar yang dilancarkan oleh kerajaan selama ini, kita dapati ia merangkumi satu perancangan yang rapi dan menyeluruh. Dasar Ekonomi baru telah membasmikan kemiskinan dan meningkatkan pemilikan harta kaum bumiputera. Dasar pertanian telah meningkatkan hasil keluaran pertanian serta bahan-bahan mentah.

Dengan adanya bahan-bahan mentah dan garam mineral, barulah sektor perindustrian boleh berkembang dengan pesat di negara kita. Untuk memastikan perkembangan industri di Malaysia adalah terkawal dan konsisten, kerajaan Malaysia merancangkan Pelan Induk Perindustrian. Apa yang saya paling menghargai ialah Perdana Menteri kita mengumumkan Wawasan 2020. Menurut wawasan 2020, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang benar-benar maju, termasuk ekonomi, fizikal, teknologi dan yang paling penting sahsiah manusia. Beliau jelas bahawa pembangunan tidak akan membawa sebarang makna dan kekal selama-lamanya sekiranya nilai-nilai kebudayaan dan moral sesebuah negara tidak dikenalkan. Perdana Menteri kita tidak mahu negara kita menjadi seperti sesetengah negara maju di Barat di mana mengalami keruntungan akhlak yang teruk walaupun negara mereka telah mencapai perkembangan teknologi dan ekonomi yang maju.

Selain daripada dasar-dasar dalam negeri yang terancang, Malaysia juga mempunyai dasar luar yang baik. Pada peringkat awal, negara kita menentang ancaman komunis dan berbaik-baik dengan negara-negara barat yang maju. Selepas itu, kerajaan kita sedar bahawa kita tidak boleh mengabaikan hubungan diplomatik dengan negara-negara dunia ketiga. Cuba kamu fikiran, kereta Proton kita lebih mempunyai pasaran di negara-negara yang sedang membangun seperti Indonesia, Thailand, India, Pakistan atau di negara-negara maju seperti di Jerman, Perancis dan Jepun di mana negara mereka sudah ada kereta buatan sendiri yang lebih canggih? Dengan pandangan dan pemikiran Perdana Menteri yang tajam, kita pun menukar dasar-dasar luar kita ke negara-negara yang sedang membangun seperti G-15. Selain daripada itu, satu lagi yang ingin saya bangkitkan ialah dasar luar Perdana Menteri yang tegas pendirian dan tidak takut terhadap tekanan negara maju. Perdana Menteri juga dikenali sebagai 'Pembelah atau Penaung Negara Dunia Ketiga' dipentas antara bangsa sebab pendirian yang berani dan tegas itu.

Semasa Malaysia baru mencapai kemerdekaan, ramai pakar politik dan ekonomi membuat jangkan bahawa Malaysia tidak akan membangun dan stabil dengan adanya rakyat yang pelbagai kaum. Siapa tahu selepas 40 tahun Malaysia merdeka, Malaysia telah menjadi sebuah negara kuasa ekonomi bukan sahaja di Asia Tenggara tetapi Asia. Menurut

pendapat saya, Malaysia boleh dikatakan sebuah negara yang paling unik dalam dunia ini. Walaupun komposisi rakyatnya yang pelbagai kaum, bahasa, budaya hidup dan agama, tetapi rakyatnya boleh hidup secara toleransi, aman dan harmoni di bawah satu bumbung. Dengan adanya elemen yang paling asas dalam penerbitan Formula Malaysia, barulah Malaysia boleh melangkah ke abad yang baru dengan suasana yang maju dan aman.

Dalam zaman moden ini, Perdana Menteri kita sedar bahawa negara kita tidak boleh terus menjadi pengguna teknologi. Kita mesti mempunyai teknologi sendiri seperti mana di Jepun, pada peringkat awal, mereka dikatakan meniru barang dan teknologi barat untuk menghasilkan barang harian dan kereta. Tetapi sekarakter mereka telah menjadi penyaing utama negara barat. Maka, jika kita mahu maju dalam teknologi dan stabil dalam teknologi, kita mesti menjalankan menyelidik dan membangun (R&D) teknologi sendiri. Oleh itu, Perdana Menteri kita telah melabur sejumlah wang ringgit dalam pembangunan teknologi dan mendidik generasi mudah yang fasih teknologi dan beretika.

Untuk menyambut alaf yang baru, alaf teknologi maklumat, Perdana Menteri kita telah memberi tumpuan ke atas pembangunan teknologi maklumat. Seperti yang Bill Gate kata, 'Dalam alaf yang baru ini, siapa yang menguasai teknologi akan menguasai dunia...'. Memang benar, pada masa dahulu, kita mahu mengkomunikasi dengan orang di luar negeri, kita sama ada menggunakan telefon atau telegram yang mahal serta isi hubungannya tidak boleh rumit sangat atau menggunakan surat menyurat yang lambat dan media hubungannya turut terhad. Tetapi hari ini, kita boleh menggunakan email, teleperundingan, kita boleh menghantar maklumat dalam pelbagai media (sama ada visual atau audio) dengan pantas dan murah. Dengan adanya alat komunikasi yang canggih, dunia ini menjadi semakin kecil dan produktiviti serta kecekapan manusia akan meningkat. Maka boleh dikatakan siapa yang menguasai maklumat akan menguasai dunia. Usaha-usaha kerajaan selain daripada membina MSC, melancarkan satelit MEASAT, meningkatkan infrastruktur telekomunikasi, kerajaan juga mendirikan Smart School (Sekolah Pintar) dan mengecualikan cukai bagi alat-alat komputer untuk menggalakan penglibatan penduduk dalam teknologi maklumat.

Natijahnya, Malaysia akan membangun dengan menyeluruh pada abad yang akan datang sama ada dari segi fizikal dan mental.

### Strategi Pembangunan Negara

Sebenarnya, Formula Malaysia merupakan suatu strategi pembangunan negara yang unik. Ia merangkumi perancangan yang rapi oleh pemimpin-pemimpin Malaysia sejak kemerdekaan. Rancangan pembangunan tersebut termasuklah pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Rancangan-rancangan pembangunan tersebut merupakan asas keteguhan sistem pentadbiran kerajaan pada masa kini, dan akan terus menjadi teras kejayaan Malaysia dari segi sosial, ekonomi dan politik. Jika dikaji dari sudut sejarah, formula kemerdekaan Malaysia amat bergantung kepada kesedaran politik di kalangan orang Melayu. Semangat mengutamakan bangsa merebak di kalangan orang Melayu setelah British memperkenalkan Rancangan Malayan Union. Pelajar-pelajar Melayu bimbang sekiranya Malayan Union ditubuhkan, kedaulatan raja-raja Melayu dan masa depan politik orang Melayu akan terjejas. Hasil daripada sifat nasionalisme di kalangan bangsa Melayu, mereka mula sedar mengenai nasib bangsa dan bersepak untuk mewujudkan UMNO. Kewujudan suatu parti politik yang menyatupadukan bangsa Melayu merupakan batu loncatan ke arah kemerdekaan.

Walaupun pembentukan Persekutuan Tanah Melayu masih lagi di bawah pemerintahan kerajaan British, kedaulatan Raja-raja Melayu masih terjamin. Ini adalah penting kerana tanpa sokongan daripada orang Melayu, rancangan untuk mengadakan satu bentuk pemerintahan bagi negara ini tidak akan berjaya. Kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 juga tidak boleh diabaikan kerana ia akan menjadi asas kepada Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu antara lain akan menjamin kedaulatan Raja-raja Melayu serta kedudukan istimewa orang Melayu. Pemberian kerakyatan kepada semua kaum juga merupakan asas kepada konsep perkongsian sebuah negara berbilang kaum.

Hasil daripada pakatan murni daripada Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC, mereka berjaya memenangi pilihanraya yang pertama. Rahsia di sebalik kejayaan Parti Perikatan adalah sikap tolak ansur serta persefahaman di kalangan pemimpin-pemimpin pelbagai kaum. Sikap tolak ansur dan

saling menghormati adalah penting kerana perpaduan kaum bergantung kepada semangat silaturahim dan saling faham-memahami di antara kaum. Pakatan murni ini juga telah manjadi suatu parti politik yang kukuh, dan akan membentuk masyarakat yang adil dan bermuafakat serta membolehkan kekayaan negara dibahagikan secara saksama.

Selaras kemerdekaan, formula sosial Malaysia yang paling penting adalah integrasi nasional. Keunikan Malaysia dalam menangani isu ini dapat dilihat daripada masyarakat majmuk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Selain daripada tiga kelompok bangsa dan keturunan yang utama - Melayu, Cina dan India, Malaysia juga mempunyai penduduk yang berketurunan Kadazan, Bajau, Murut, Iban, serta 50 suku bangsa yang lain. Oleh sebab jurang perbezaan bahasa, agama dan kebudayaan yang luas tersebut, proses integrasi nasional tidak pernah berhenti sehingga kini. Proses yang menyatupadukan pelbagai kumpulan yang mempunyai perbezaan kebudayaan dan sosial ini adalah penting bagi mewujudkan identiti nasional serta semangat patriotisme. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk menjalankan integrasi nasional. Usaha yang pertama melibatkan integrasi wilayah untuk mewujudkan persefahaman antara rakyat tanpa mengira wilayah atau kawasan asal mereka. Sebagai contoh, kerajaan telah menggalakkan perpindahan penduduk antara wilayah, terutamanya di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/ Sarawak. Dalam proses tersebut interaksi di antara rakyat dalam pelbagai bidang telah diperkembangkan. Ini dapat mengurangkan jurang antara rakyat dan bersama-sama berganding bahu untuk melaksanakan pembangunan negara.

### Rancangan Jangka Panjang

Sebagai rancangan jangka panjang, kerajaan terus menjalankan pelbagai aktiviti untuk menggalakkan perpaduan kaum demi kesejahteraan negara. Usaha tersebut termasuklah rancangan pertukaran kebudayaan, penyatuan sistem pendidikan, media massa, integrasi ekonomi serta integrasi politik dan politik perkauman. Dalam rancangan pertukaran kebudayaan, pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perpaduan Negara dan berbagai-bagai persatuan sukarela telah menganjurkan berbagai-bagai kegiatan dan aktiviti antara budaya. Usaha-usaha tersebut

bertujuan mewujudkan interaksi dan persefahaman yang lebih baik di antara penduduk Malaysia. Antara aktiviti yang telah dianjurkan adalah seperti pertukaran belia dan penuntut, lawatan sambil belajar, khemah kerja, rancangan anak angkat, pertukaran kebudayaan, pertandingan sukan antara jabatan dan wilayah serta pertukaran pegawai kerajaan. Kejayaan usaha kerjaan dapat dilihat pada hari ini dengan masyarakat yang prihatin serta rumah-rumah terbuka yang biasa dilihat semasa perayaan penting setiap kaum.

Usaha seterusnya melibatkan integrasi ekonomi di mana setiap wilayah di Malaysia diberi peruntukan untuk membantu proses pembangunan supaya kemakmuran dapat dinikmati bersama. Selain pengaliran modal dan keuntungan, perkembangan prasarana antara wilayah turut membantu ahli-ahli perniagaan dan usahawan untuk mengembangkan perusahaan mereka. Di samping itu, dengan wujudnya pasaran yang lebih luas antara wilayah, industri negara akan berkembang dan akhirnya pembangunan akan menjadi pesat. Dalam bidang integrasi ekonomi, pelbagai kemajuan telah dicapai melalui beberapa bidang seperti perancangan ekonomi dan pembangunan yang lebih sistematis; pengaliran buruh dan pasaran buruh antara wilayah; penyatuhan sistem kewangan dan modal antara wilayah; integrasi perdagangan dan perkembangan perdagangan antara wilayah; program-program bagi mengimbangkan pembangunan wilayah; program bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan ketidakseimbangan pendapatan rakyat melalui Rancangan Pembangunan Malaysia dan program mempertingkatkan prasarana dan sistem perhubungan di antara wilayah.

Bagi integrasi politik dan politik perkauman pula, satu sistem kerajaan yang bercorak 'Kerajaan Campuran' telah diwujudkan bagi menyatukan berbagai-bagai pandangan politik di Malaysia. Formula politik Malaysia ini merupakan strategi politik yang fleksibel, di mana parti-parti politik yang berkuasa di wilayah masing-masing turut menyertai kerajaan campuran dalam pembangunan negara. Walaupun setiap parti politik mempunyai wakil rakyat di peringkat Parlimen dan boleh mengekalkan pelbagai masalah dan cadangan kepada Kerajaan Persekutuan, masih terdapat ahli-ahli politik tertentu yang biasanya menggunakan isu politik perkauman dan menimbulkan isu-isu sensitif untuk tujuan politik mereka. Seringkali kita dapat lihat bagaimana isu-isu yang bukan politik telah dipoli-

tikkan sehingga menjadi serius atau kadangkala 'menggemparkan'. Oleh itu, pelbagai saluran dan mekanisme perlindungan telah digunakan oleh kerajaan bagi membendung taktik politik yang keterlaluan sehingga boleh menjadikan keamanan negara. Kestabilan politik perlu diberi keutamaan untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan negara untuk jangka masa panjang.

Melalui usaha-usaha kerajaan yang tersebut di atas, Malaysia berjaya mengembangkan ekonomi negara dan pada masa yang sama mengekalkan ketenteraman masyarakat. Walau bagaimanapun, Malaysia perlu terus memajukan setiap bidang yang diceburi supaya menjadi sebuah negara terbangun berdasarkan acuan sendiri. Oleh itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menetapkan suatu visi, iaitu Wawasan 2020 supaya rakyat Malaysia mempunyai satu matlamat unggul yang perlu dicapai dan terus berusaha membangunkan negara dalam setiap bidang.

Sesebuah negara yang terbangun bukan sahaja perlu mempunyai pendapatan per kapita yang setanding dengan negara maju malah perlu merangkumi pencapaian negara dalam semua aspek, iaitu integrasi sosial, tahap ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik dan kejayaan dalam memajukan kualiti kehidupan rakyat dari aspek sosial serta aspek rohaniah. Di samping itu, keyakinan dan kebanggaan terhadap pencapaian negara juga perlu dipupuk di kalangan rakyat. Oleh itu, sembilan cabaran telah dikenal pasti untuk mencapai cita-cita Malaysia yang unggul ini:

1. Mewujudkan Malaysia yang bersatu padu.
2. Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas, teguh, rohaniyah yang tinggi dan mempunyai keyakinan serta dihormati oleh kaum-kaum lain.
3. Mewujudkan suatu masyarakat demokratik yang matang serta berorientasikan masyarakat berdasarkan persefahaman dan kerjasama.
4. Mewujudkan masyarakat yang mempunyai etika dan kemoralan yang baik.
5. Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal, dan toleran.
6. Mewujudkan masyarakat yang progresif dengan pencapaian saintifik yang unggul.
7. Mewujudkan masyarakat penyayang.
8. Mewujudkan masyarakat adil yang mengongsi peluang ekonomi yang saksama.
9. Mewujudkan masyarakat yang sejahtera dengan ekonomi yang kukuh dan dinamik.

## Mengatasi Cabaran

Sesuai dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang ideal tersebut, pelbagai usaha telah dijalankan bagi mengatasi semua cabaran yang dinyatakan. Dengan rangka yang dinyatakan oleh Wawasan 2020, rakyat Malaysia kini mempunyai satu cita-cita untuk membangunkan negara dan sedia untuk menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Keupayaan rakyat Malaysia dalam menghadapi pelbagai cabaran terbukti apabila rakyat Malaysia berjaya menguruskan temasya-temasya sukan bertaraf antarabangsa seperti Sukan Komanwel Ke-16 dan Perlumbaan F1 Sepang. Selain keupayaan pengurusan, para atlit turut membanggakan negara apabila mereka berjaya memungut 10 pingat emas di Sukom 98. Semua kejayaan ini adalah hasil usaha semua rakyat yang berganding bahu, bukan sahaja dari segi kewangan dari pihak kerajaan dan swasta malahan dari segi tenaga dan masa para sukarelawan yang turut bertungkus lumus menjayakan aktiviti-aktiviti sukan yang penuh bermakna ini.

Selain aktiviti-aktiviti sukan untuk mengukuhkan keyakinan rakyat Malaysia terhadap keupayaan masing-masing, kerajaan bersama-sama dengan kerjasama pihak swasta turut menyokong cita-cita individu yang bermakna, misalnya ekpedisi mendaki Gunung Everest, ekpedisi ke kutub utara serta ekpedisi mengelilingi dunia dengan kapal layar. Semua aktiviti ini berjaya memupuk semangat 'Malaysia Boleh' yang akan diingati oleh semua rakyat Malaysia dan menjadi kebanggaan rakyat Malaysia untuk generasi-generasi yang akan datang. Rakyat perlu sedar tentang kepentingan Formula Malaysia dalam pembangunan negara dan berusaha untuk mempertahankan cita-cita rakyat untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Segala anasir-anasir yang berniat untuk melemahkan negara dari setiap segi perlu dibendung sebelum terlambat. Semoga kita berjaya dalam merealisasikan Wawasan 2020.

## Kejayaan Rakyat Malaysia

Telah banyak kejayaan yang dicapai oleh rakyat Malaysia sama ada secara perseorangan ataupun berkumpulan. Semua kejayaan mencerminkan betapa gigih dan cekal jiwa dan semangat rakyat Malaysia dalam menuju kejayaan yang cemerlang di persada dunia. Semua kejayaan yang dicatatkan oleh rakyat Malaysia tidak kira di Malaysia ataupun di dunia, sudah cukup untuk membanggakan semua rakyat

Malaysia di sini. Antara kejayaan-kejayaan yang dicatatkan oleh rakyat Malaysia adalah seperti pendakian Gunung Everest oleh Mohandas dan Magendran, pelayaran Dato' Azhar Mansor mengelilingi dunia dan sebagainya.

## Pelayaran Mengelilingi Dunia

Tanggal 2 Februari, Datuk Azhar berlepas dari Awana Porto Malai Langkawi untuk memenuhi cita-cita belayar mengelilingi dunia di laluan baru timur-barat-timur secara bersendirian. Selepas 14 hari di lambung badai Datuk Azhar tiba di Tanjung Leewin selepas belayar sejauh 1,859 batu nautika.

Pada 24 Mac, Datuk Azhar berjaya menamatkan satu pertiga daripada pelayaran sejauh 7,200 batu nautika. Angin kencang pada awal pagi 30 Mac hampir menenggelamkan Jalur Gemilang. Namun hasil kegigihan Datuk Azhar cabaran itu ditempuh dengan berani. Dua belas (12) hari kemudian, Jalur Gemilang menerima tamparan hebat apabila tiang layar utama patah akibat dipukul ribut. Akibatnya beliau terkandas di Kepulauan Falklands. World Sailing Speed Record Council, WSSRC menukar per cubaan Datuk Azhar sebagai pelayaran mengejelili dunia dengan dibantu atau berhenti-henti menghala ke timur. Selepas kerja pemasangan tiang layar utama yang patah Oleh Pasukan Pasukan Khas Tentera Udara Diraja Malaysia, Datuk Azhar kembali menyambung pelayarannya pada 26 Mei.

Datuk Azhar terus menghadapi cabaran ribut ketika melalui Rio De Janeiro, Fernando De Noronha. Tepat jam 11.39 Datuk Azhar tiba di Awana Porto Malai, Langkawi sekali gus mencatat sejarah negara selepas 6 bulan mengharungi cabaran di samudera luas. Datuk Azhar mengakui kejayaannya menamatkan cabaran Jalur Gemilang mengelilingi dunia adalah hasil dorongan seluruh rakyat Malaysia. Untuk itu, beliau menghadiahkan kejayaannya itu kepada semua rakyat Malaysia.

Menceritakan detik awal projek itu, Datuk Azhar mengakui sukar untuk mendapatkan penaja bagi membiasai projek berkenaan kerana projek ini jarang dilakukan oleh rakyat Malaysia. Namun dengan bantuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hasratnya itu tercapai juga. Selepas menyedari hasratnya itu turut menjadi cita-cita rakyat Malaysia, beliau berusaha sedaya upaya membawa Jalur Gemilang pulang ke tanah air. Selepas menghadapi pelbagai cabaran beliau akhirnya berjaya melepasinya. Sehubungan itu beliau berharap

kejayaannya ini menjadi teladan kepada golongan remaja dan belia demi mengharumkan nama negara.

Kejayaan Datuk Azhar itu sesuatu yang harus dibanggakan oleh semua rakyat Malaysia. Keazaman dan semangatnya yang kental, untuk menghadapi cabaran ketika di lautan, dalam usahanya mengelilingi dunia harus diteladani.

### Mencapai Puncak Gunung Everest

Empat pendaki Malaysia – Kumpulan Ekspedisi Everest – telah membuat percubaan yang keempat dan terakhir bagi mencapai puncak Gunung Everest. Walaupun sudah 13 jam dalam percubaan ini, puncak Gunung Everest setinggi 8848 atas aras laut masih belum kelihatan. Dua pendaki daripada empat orang terpaksa mengundur diri daripada perjuangan menawar Gunung Everest disebabkan kecederaan dan penyakit yang mereka alami semasa mendaki puncak tersebut. Kedua-duanya terpaksa berpatah balik ke kem utama, meninggalkan Mohan dan Magendran untuk membawa harapan negara untuk menawar Gunung Everest.

Pada hari yang penuh bersejarah buat semua rakyat Malaysia, Mohandas Nagappan menjakkan kaki di puncak Gunung Everest 15 minit selepas M. Magendran, menjadikan mereka berdua sebagai pendaki Malaysia pertama menawar gunung tertinggi di dunia ini. Disebabkan oleh mereka, Jalur Gemilang dapat berdiri dengan megah di gunung tersebut. 'Setelah banyak buku mengenai Gunung Everest yang telah saya baca, saya sedar untuk mendaki Gunung Everest bukannya sesuatu yang senang. Sudah banyak kegagalan yang menimpa pendaki-pendaki Gunung Everest sebelum kami dan kami bimbang nasib yang sama mungkin menimpak kami. Walaupun begitu, saya begitu berterima kasih kepada Tuhan kerana telah memberikan kami kekuatan dalam mengatasi rintangan-rintangan yang ada semasa mendaki Gunung Everest. Saya rasa semua rakyat Malaysia menyokong kami dan kami tidak mensia-siakan harapan mereka. Kami telah membuatnya menjadi kenyataan,' kata Mohan.

Lima bulan berlalu semenjak Mohan pulang sebagai seorang perwira negara, dia masih tidak biasa dengan perhatian yang telah diberikan oleh orang ramai. 'Orang ramai masih menganggap saya sebagai seorang *'celebrity star'* tetapi saya tidak beranggapan sedemikian. Saya masih Mohan yang asal. Orang ramai mungkin melayan saya dengan cara yang

berlainan kini tapi saya masih dengan cara saya keluar bersama rakan-rakan menikmati teh tarik di gerai mamak. Selain itu, saya akan kembali bekerja seperti orang lain,' jelas Mohan.

Setelah ditanya apakah perasaannya setelah kini namanya tercatat dalam sejarah sebagai pendaki Malaysia pertama berjaya menawar puncak Gunung Everest, Mohan berkata, 'Saya rasa ini merupakan sesuatu yang baik dan istimewa buat anak-anak saya dan semua rakyat Malaysia. Ini membuktikan bahawa Malaysia Boleh. Anak-anak muda kita perlu sedar bahawa jika kita boleh lakukannya, mereka juga boleh. Mereka boleh apa sahaja terjadi. Percayalah keupayaan diri anda, jangan cepat putus asa dan pastikan anda mempunyai keazaman dan matlamat dalam menghadapi cabaran yang ada.'

Mohan berazam akan menggunakan pengalaman yang diperolehnya untuk kegunaan yang baik. 'Saya akan mempromosikan mendaki sebagai sebuah sukan di Malaysia dan saya rasa akan serta ekspedisi tiga tahun sekali,' katanya.

### Penerjunan Kutub Utara

Ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara merupakan satu lagi usaha untuk membuktikan kemampuan Malaysia mencuba sesuatu yang mencabar dan berani bersaing dengan negara-negara maju di dunia. Kita di kawasan tropika biasa tinggal di suhu yang panas, tidak ada salji, tidak ada ais tetapi sekarang kita ingin mencuba sesuatu yang tidak pernah disangka boleh dilakukan sebelum ini.

Pada tanggal 18 April - Enam belas orang rakyat Malaysia, termasuk seorang wanita, menjadi kumpulan orang Asia yang pertama terjun dari kapal terbang di Kutub Utara apabila mereka membuat penerjunan bebas di kawasan tersebut dunia itu. Selain 16 penerjun, sebuah kereta Proton Wira juga akan 'diterjunkan' bersama-sama ke Kutub Utara untuk diuji kemampuan kereta buatan Malaysia. Kereta tersebut akan menjadi kereta kedua berada di Kutub Utara selepas kereta Volkswagen dan akan dibawa kembali untuk dipamerkan di negara ini.

Suhu Kutub Utara pada ketika itu berada pada paras 15 derajat celsius di bawah paras beku. Kumpulan ekspedisi itu mendarat di lapangan terbang ais Kutub Utara pada pukul 2.30 petang waktu tempatan. Suhu yang begitu sejuk di kawasan itu bermakna manusia yang tidak dilindungi dengan pakaian khas akan mati dalam masa beberapa minit

sahaja. Anggota-anggota ekspedisi terpaksa memakai lampin untuk membuang air dan sut polar untuk melindungi diri daripada cuaca yang amat sejuk.

Mereka memakai sut terjunan yang direka khas untuk cuaca Kutub Utara. Sekiranya sut itu terkoyak dan udara menyerap pada tubuh walaupun satu sentimeter sekalipun anggota badan di bahagian itu tidak akan berfungsi lagi. Harga sut itu dianggarkan bernilai RM1,000 dan ia ditempah khas di Moscow. Semasa berada di Khatanga, anggota-anggota ekspedisi itu melakukan latihan penerjunan pada paras 8,000 hingga 10,000 kaki setiap hari. Khatanga terletak kira-kira tiga jam perjalanan dengan kapal terbang dari Kutub Utara.

Penerjunan menawan Kutub Utara dibahagikan kepada dua peringkat. Kapal terbang yang membawa kumpulan 11 orang anggota ekspedisi itu bertolak dari Khatanga 19 April pada pukul 6.00 pagi waktu tempatan (bersamaan pukul 6.00 pagi waktu Malaysia) menggunakan pesawat Rusia AN74. Penerjunan itu akan diikuti oleh kumpulan kedua. Setelah berjaya mendarat, mereka akan pulang ke Khatanga sebelum ke Moscow. Pasukan ekspedisi itu pulang ke tanah air pada 26 April. Pasukan Ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara '98 berlepas ke Moscow, Rusia pada 1 April lalu bersama 16 penerjun dan tujuh kakitangan sokongan. Ekspedisi yang julung kali diadakan itu diilhamkan daripada kejayaan rakyat Malaysia menakluk puncak gunung Everest tahun 1997 yang lalu. Anggota-anggota ekspedisi itu terdiri daripada komando tentera laut, tentera udara, tentera darat, polis, jurugambar dan ahli kelab Payung Terjun Wilayah Persekutuan.

## SAINS DAN TEKNOLOGI

Pembangunan yang semakin meningkat dari segi Sains dan Teknologi sedikit sebanyak membanggakan kita semua sebagai rakyat Malaysia. Ini adalah salah satu usaha penting Malaysia dalam merealisasikan Wawasan 2020 yang memerlukan penggunaan Sains dan Teknologi yang maksimum. Bermula dengan pelancaran kereta nasional Malaysia yang pertama, Proton Saga hingga bangunan tertinggi di dunia, Menara Berkembar Petronas semua kejayaan ini adalah hasil titik peluh kita semua dalam mencapai taraf sebagai sebuah negara maju setaraf dengan negara-negara maju yang lain.

## Internet

Internet merupakan satu jaringan maklumat utama bagi semua peringkat masyarakat tidak kira tua ataupun muda. Ia dapat digunakan dengan mudah dan maklumat yang dicari dapat diperolehi dengan hanya se 'klik' pada kekunci tetikus. Maklumat yang terdapat di dalam internet juga amat banyak tidak terkata. Pelbagai maklumat dapat diperolehi dengan menaip pada 'search enjin' yang terkenal. Contohnya, [www.yahoo.com](http://www.yahoo.com), [www.altavista.com](http://www.altavista.com), [www.cari.com.my](http://www.cari.com.my) dan banyak lagi.

Dengan adanya internet kesemua urusan jual beli sama ada dalam negara sendiri ataupun antarabangsa dapat dilakukan dengan cepat kira di mana. Ia bagaikan dunia ini telah dikecilkan apabila wujudnya internet. Baru-baru ini Malaysia juga telah diemparkan dengan wujudnya k-economii, e-kerjaan, e-dagang dan lain-lain lagi. Ini semua merupakan kesan daripada penggunaan teknologi maklumat ataupun IT. Penggunaan IT secara meluas juga membolehkan dunia yang luas dihubungkan dalam satu rangkaian iaitu rangkaian IT. Ini sekali gus merapatkan lagi hubungan di antara pelbagai bangsa di dunia yang boleh mendatangkan banyak faedah kepada kita.

## Kenderaan Nasional - Kereta Kebangsaan

Mungkin ia merupakan satu simbol yang agak ganjil. Tetapi, ia amat bermakna bagi penduduk Malaysia. Ia melambangkan keazaman rakyat Malaysia untuk menukar status daripada komoditi pengeluar utama kepada satu negara industri. Projek ini buat pertama kalinya diumumkan pada tahun 1982 dan menjadi satu kenyataan pada bulan September 1985.

Kenderaan pertama yang telah dikeluarkan oleh negara Malaysia ialah Proton. Ia merupakan satu kejayaan yang amat membanggakan bagi rakyat Malaysia. Ia juga telah mencatat sejarah bagi negara Malaysia. Dengan wujudnya Proton, ia sekali gus telah mengharumkan nama negara Malaysia. Malaysia kini terkenal di mata dunia. Kereta-kereta ini telah dieksport ke negara-negara asing. Proton telah membantu negara Malaysia membangun menjadi sebuah negara industri. Status ekonomi Malaysia juga menjadi stabil dan disinilah Malaysia merasai saat-saat kegemilangannya.

Setelah beberapa tahun kemudian, muncul pula kenderaan keluaran Malaysia yang kedua iaitu PERODUA. Dengan keluarnya kenderaan ini ia juga

berjaya menarik minat para pedagang luar. Setelah melihat usaha ini berjaya, maka pihak kerajaan Malaysia bertindak untuk mengeluarkan berbagai jenis model lagi untuk menarik perhatian rakyat Malaysia agar menggunakan kenderaan keluaran negara sendiri. Selain itu, ia juga dapat menimbulkan daya saing yang tinggi antara syarikat pengeluar kereta tempatan seterusnya meningkatkan lagi kualiti dan mutu keluaran negara. Kini Malaysia telah berjaya mengeluarkan pegawai jenama kenderaan seperti KRISI MODENNAS, JAGUH, WIRA, KANCIL, RUSA, KEMBARA, WAJA, PERDANA, SUTERA, PUTERA, SARIA, SATRIA GTI, KENARI dan sebagainya.

## INFRASTRUKTUR

Pembangunan negara yang pesat membangun telah membuka peluang kepada negara untuk membina pelbagai infrastruktur yang bertaraf dunia. Segala kelengkapan dalam setiap infrastruktur yang dibina merupakan yang tercanggih dunia. Dari bangunan pencakar langit hingga ke litar lumba kereta formula satu, segalanya adalah dibina untuk mengejar wawasan sebuah negara membangun, iaitu Malaysia dan untuk rakyatnya.

Bermula dengan impian membina sebuah kawasan yang berasaskan Teknologi Maklumat. Sebagai langkah pertama, Malaysia telah membina Multimedia Super Koridor (MSC). Kawasan yang diliputi oleh MSC adalah selebar 15 kilometer dan sepanjang 50 kilometer. Bermula dari KLCC hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Multimedia Super Koridor telah dirasmikan pada 27 Jun 1998. Dua 'Bandar Pintar' telah dibina dalam likungan kawasan tersebut, iaitu Putrajaya – pusat pentadbiran negara dan Cyberjaya – pusat perindustrian multimedia, pusat penyelidikan dan pembangunan dan sebuah universiti.

Sebuah lagi impian negara yang menjadi kenyataan ialah pembinaan mercu tanda kebanggaan - Menara Kuala Lumpur. Kombinasi daya inovasi yang tinggi dalam bidang perniagaan, hiburan dan pusat telekomunikasi yang berteknologi tinggi. Tersergam megah di Bukit Nanas, Menara Kuala Lumpur merupakan pencapaian tertinggi dalam pembangunan negara di tengah-tengah kesibukan kota metropolitan Kuala Lumpur. Kedudukan Menara Kuala Lumpur sebagai pusat telekomunikasi dan penyiaran multimedia yang tertinggi di Asia

Tenggara telah merubah secara keseluruhan cara hidup masyarakat Malaysia dalam menuju ke alaf baru.

Penglibatan negara dalam perlumba formulasi satu merupakan satu kebanggaan kepada rakyat. Kejayaan menganjurkan perlumba bertaraf dunia menjadi realiti apabila Litar Formula Satu di Sepang berjaya disiapkan pada November 1998 dengan kos perbelanjaan sebanyak US\$120 juta. Litar sepanjang 5,542 kilometer terletak kira-kira 60 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur dan kira-kira 15 kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Litar ini yang dilengkapi dengan kelengkapan yang berteknologi tinggi merupakan litar yang tercanggih di dunia. Selain dari perlumbaan Formula Satu, Litar Sepang juga dapat dijadikan sebagai litar perlumbaan Motosikal Grand Prix Dunia. Dengan adanya pelbagai infrastruktur yang berteknologi tinggi, negara ini akan terus maju dan membangun. Malah mencapai cita-cita Perdana Menteri kita iaitu Wawasan 2020.

## Menara Berkembar Petronas

Anda semestinya telah mengetahui bahawa Menara Berkembar Petronas ialah antara bangunan tertinggi pernah dibina di dunia. Tetapi tahukah anda, fakta tentang bangunan yang menjadi mercutanda kemegahan negara Malaysia ini? Lihat sekilas fakta yang dikemukakan di bawah ini:

- ★ Jumlah tingkat keseluruhan: 88
- ★ Ketinggian keseluruhan menara: 452 meter
- ★ Ketinggian bangunan: 378 meter
- ★ Penanaman cerucuk terdalam: 592.4 meter
- ★ Kedudukan jejantas udara: Tingkat 41 dan 42
- ★ Panjang jejantas udara: 58.4 meter
- ★ Ketinggian jejantas udara: 170 meter dari paras bumi
- ★ Pengangkutan vertikal: 29 lif berkelajuan tinggi
- ★ Jumlah tangga bergerak: 10 buah setiap menara
- ★ Besi tahan karat: 65,000 meter persegi
- ★ Cermin lutsinar: 77,000 meter persegi
- ★ Konkrit 160,000 meter padu dalam pembinaan
- ★ Besi: 36,910 tan untuk cerucuk, mengikat dan pengukuhkan
- ★ Asas: 4.5 meter tiang kayu yang mengandungi 13,200 meter padu konkrit gred 60
- ★ Anggaran berat 32,550 tan di bawah setiap menara
- ★ Disokong oleh 104 batang cerucuk sepanjang antara 60 hingga 115 meter

- \* Keluasan kawasan KLCC: 40 hektar (100 ekar)
- \* Luas kawasan taman KLCC: 20 hektar (50 ekar)
- \* Luas kawasan komersial yang dibina: 18,000,000 kaki persegi
- \* Kos pembinaan: RM1.8 bilion
- \* Arkitek: Cesar Pelli & Associates, dibantu oleh kumpulan arkitek tempatan
- \* Menara Berkembar Petronas, sebahagian daripada Pusat Bandaraya Kuala Lumpur setinggi 452 meter bolch kelebihan lebih daripada 20 km dari luar pusat bandar raya.
- \* Menara Berkembar Petronas yang mempunyai 88 tingkat telah disahkan sebagai bangunan tertinggi di-seluruh dunia oleh Lembaga Bangunan-bangunan Tinggi dan Habitat Bandar.
- \* Reka bentuk bangunan tersebut oleh arkitek ternama Cesar Pelli telah terpilih di dalam pertandingan antarabangsa pada tahun 1991.
- \* Reka bentuk lantai berdasarkan prinsip-prinsip geometrik Islam. Reka bentuk dalaman, corak-corak serta bahan-bahan telah dipilih khas untuk mencerminkan identiti Malaysia
- \* Tembok utama ruang legar terbentuk daripada kayu lembut. Corak lantai batu marmar diilhamkan daripada tenunan daun pandan dan corak tikar dinding palma bertam.
- \* Bahagian luaran menara tersebut dilapiskan oleh susunan mendatar kaca visi serta keluli tahan karat yang berkilau-kilauan dibawah pancaran Cahaya matahari.
- \* Sebuah jambatan langit berukuran 58.4 meter di aras 41 dan 42 mencantumkan menara tersebut pada paras 170 meter dari bawah.
- \* Menara ini merangkumi semua ciri sebuah bangunan moden lagi bijak. Spesifikasi tenaga berkesan direka untuk mewujudkan suatu suasana bekerja yang selesa.
- \* Setiap menara dilengkapi lif-lif bergerak laju dan bertingkat dua. Kerja-kerja asas bermula pada Mei 1993 dan pada April 1996, apabila mercu diangkat lalu dipasang, menara tersebut mencapai ketinggian 452 meter dan tersergam megah.
- \* Bangunan tersebut ialah tugu nasional yang agung dan lambang kemajuan Malaysia dalam mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

### **Putrajaya**

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya, mula mencipta sejarahnya yang tersendiri sebagai sebuah model pembangunan yang melambangkan kualiti, kemahiran dan kebanggaan rakyat Malaysia apabila pejabat-pejabat dan jabatan-jabatan /unit-unit di bawah Kompleks Pejabat Perdana Menteri dan Kompleks Jabatan Perdana Menteri mula berpindah dan beroperasi secara berperingkat di Precinct Kerajaan bermula Jun 1999 lalu.

Sebagai sebuah bandar raya yang terancang, Putrajaya akan mewujudkan suasana kehidupan yang damai dalam persekitaran taman - gabungan keindahan alam semula jadi dan kecanggihan teknologi terkini. Kerja-kerja pembinaan bagi Fasa 1 telah bermula sejak bulan November 1996 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2000. Fasa 2 pula sedang dalam peringkat perancangan dan kerja-kerja pembinaannya dijangka bermula awal tahun 2000.

Usul bagi mewujudkan Pusat Pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan yang berada di luar Kuala Lumpur telah dibangkitkan lebih dari 10 tahun yang lalu. Ianya selaras dengan dasar Kerajaan untuk menyediakan pembangunan yang seimbang di luar kawasan bandar raya Kuala Lumpur, memperbaiki suasana perbandaran dan kualiti kehidupan di Kuala Lumpur dan untuk memastikan pembangunan yang berterusan di sekitar Lembah Kelang. Dua kawasan telah dikenal pasti bagi tujuan tersebut iaitu Prang Besar di Selangor dan Janda Baik di Pahang sekitar bulan Jun 1993. Kawasan Prang Besar di daerah Sepang telah dipilih untuk dibangunkan sebagai sebuah bandar raya Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Pemilihan tersebut adalah berdasarkan lokasinya yang strategik di antara Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang KLIA di Sepang. Pada 12 Oktober 1994, Kabinet telah bersetuju untuk menukar nama Prang Besar kepada Putrajaya sempena nama Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

### **PENDIDIKAN**

Tanpa ilmu di dada, manusia akan mundur dan ketinggalan. Sistem pendidikan Malaysia yang sentiasa mementingkan mutu dan kualiti menjamin masa hadapan pelajar-pelajar Malaysia yang lebih cerah. Sesungguhnya tenaga para pelajar Malaysia akan digunakan bagi membangunkan negara pada masa hadapan. Selaras dengan kehendak kerajaan menjе-

lang Wawasan 2020, pendidikan menjadi teras utama ke arah merealisasikannya. Meluntur buluh biar dari rebungnya, sejurus itu kerajaan Malaysia telah menyediakan pendidikan awal kepada anak-anak kecil supaya mereka dapat menyemaikan nilai-nilai murni dalam diri mereka sejak kecil lagi. Mereka juga dapat mewujudkan keseimbangan dari segi intelektual, kepimpinan, pemikiran dan sebagainya.

#### IPTA

IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) merupakan langkah kerajaan Malaysia untuk menempatkan para pelajar lepasan SPM supaya mereka dapat meneruskan proses pembelajaran mereka. Pelbagai institut telah ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia. Sebagai contoh Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Kesemua universiti-universiti ini berupaya menyediakan pelbagai kursus-kursus yang bakal digunakan pada masa hadapan. Sebagai contoh, kursus kejuruteraan, kedoktoran, perakaunan dan bisnes.

Kursus-kursus ini dapat dipelajari dengan lebih mendalam dengan wujudnya universiti-universiti sebegini. Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai contoh menawarkan kursus kedoktoran dan berbagai lagi. Manakala, Universiti Putra Malaysia pula menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan hal ehwal pertanian. Walau bagaimanapun universiti-universiti tempatan ini tetap memberi yang terbaik untuk siswa-siswi dan sisiw-sisiwi bagi menjamin masa hadapan mereka.

Selain itu, universiti-universiti ini juga menawarkan kursus yang berkaitan dengan kerja yang berkaitan dengan IT (Information Technology). Ini sejajar dengan pembangunan negara Malaysia yang kini semakin hari semakin hampir dengan dunia IT. Dengan ini ia dapat membantu rakyat Malaysia memenuhi permintaan Perdana Menteri Malaysia yang inginkan rakyatnya celik IT berkembang kearah itu. Dengan wujudnya universiti-universiti seperti diatas maka terjaminlah masa hadapan siswa dan sisiwi dan seterusnya membentuk sebuah masyarakat yang berilmu, berakhlik, berteknologi dan berkeperibadian.

#### IPTS

IPTS atau lebih dikenali sebagai Institusi Pengajian Tinggi Swasta telah diperkenalkan sejak dengan permintaan pihak kerajaan dalam meningkatkan lagi kualiti pendidikan negara memandangkan negara Malaysia memerlukan tenaga mahir yang ramai dalam menuju masa hadapan kelak. Di samping itu juga institusi ini juga membantu institusi pengajian awam dalam menghasilkan tenaga-tenaga pakar yang bakal meneraju kepimpinan negara.

Kelebihan-kelebihan yang terdapat pada IPTS ialah ia menawarkan program-program yang lebih khusus tentang sesbuah kerjaya. Sebagai contoh, Universiti Tenaga Nasional menawarkan program ijazah dan diploma dalam bidang kejuruteraan dan juga perniagaan. Di samping itu juga kualiti pendidikan bagi IPTS lebih terjamin berbanding IPTA yang disebabkan oleh jumlah penuntut di dalam sesbuah universiti. Kemudahan infrastruktur yang disediakan juga amat berbeza dengan apa yang tersedia di IPTA yang lain.

Sebagai contoh, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dan Universiti Multimedia (MMU). Kesemua universiti ini secara amnya dapat menjamin kejayaan siswa dan sisiwi secara tidak langsung dapat mewujudkan masyarakat yang berpendidikan, bermoral dan berfikiran tinggi dan jauh.

Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) telah ditubuhkan pada 10 Januari 1997 apabila Petronas telah dijemput untuk menubuhkan sebuah universiti. Sebelum ini ia dikenali sebagai Institut Teknologi Petronas (ITP) dan dimiliki sepenuhnya oleh PETRONAS. Universiti ini telah didaftarkan dibawah Kementerian Pendidikan pada 26 April 1995 dan mendapat pengiktirafan oleh 'Essential Higher Education Institute Regulation 1996'. ITP telah memulakan operasinya di PERMATA, Bangi, Selangor pada 3 Julai 1995. Pada 26 Julai 1995 ITP didaftarkan di bawah sebuah syarikat swasta dan berpindah ke bandar Seri Iskandar Perak Darul Ridzuan pada 1 Julai 1996.

#### SUKAN

Kejayaan ahli-ahli sukan Malaysia dalam mengharumkan nama negara di persada dunia cukup membanggakan semua rakyat Malaysia. Semangat juang dan daya saing tinggi yang dimiliki oleh ahli-ahli sukan Malaysia sudah cukup menunjukkan

bahawa rakyat Malaysia memang terkenal dengan budaya ketimurannya. Keupayaan Malaysia dalam menganjurkan Sukan-sukan Antarabangsa juga tidak patut diperendah-rendahkan. Sudah terbukti kini bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang agak 'kerdil' mampu mengurus temasya sukan yang berprestij dan disertai oleh para peserta dari luar negara. Pengiktirafan ini sekurang-kurangnya dapat meningkatkan pelancongan di negara kita ini.

### Pencapaian Negara

Kejayaan Malaysia dalam pelbagai arena sukan telah banyak menaikkan nama negara di persada dunia. Tidak kira diperingkat mana sekali pun, tempatan atau antarabangsa, atlit-atlit negara telah berusaha terus menerusi dengan penuh keazaman dan ketabahan dalam mengharumkan nama negara. Dalam sedekad yang lampau, pelbagai kejayaan telah dicapai, dalam pelbagai arena.

Badminton adalah antara sukan yang banyak mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Keluarga Sidek dalam arena sukan tanah air bukan sekadar titian menonjolkan imej negara, malah menjadi lombong emas badminton tempatan dan menyumbang kepada perkembangan pasaran antarabangsa bernilai berjuta-juta ringgit. Kemunculan Misbun dan adik-adiknya mula memberi saingan di Asia pada awal 1980-an, mendorong kepada keberarian Kumpulan Pengurusan Antarabangsa (IMG) menerokai bidang badminton di Malaysia.

Imbasan detik kegemilangan 1992 tetap terperhati di benak fikiran pencinta badminton negara apabila melihat Piala Thomas direbut kembali di bumi sendiri dengan menamatkan kemarau suku abad. Walaupun piala itu hanya bertahan 24 bulan di bumi ini sebelum menyeberang Selat Melaka, namun kenangan sambutan orang ramai yang sanggup bermandi peluh ketika berpusu-pusu menyentuh piala kebanggaan itu yang diarak ke seluruh pelosok negara, masih jelas terbayang.

Lain pula dengan arena sepak takraw. Walaupun dalam arena ini, pencapaian pasukan negara tidak memberangsangkan, namun kejayaan memungut pingat emas pada Sukan Asia di Hiroshima, menjadi azimat apit kanan negara, Zabidi Sharif, 26, untuk terus mempertahankan pingat itu walaupun menyedari musuh tradisi, Thailand bakal menjadi penghalang. Penantian berkurun lama akhirnya sepak takraw mendapat pengiktirafan

negara dengan regu emasnya di Sukan Asia Hiroshima dianugerahkan Olimpian 1994. Mungkin beberapa pihak mempertikaikan anugerah itu memandangkan sepak takraw belum melebarkan sayapnya menuju global, tetapi pengiktirafan itu adalah sebagai satu evolusi yang mencerminkan sukan tradisi itu mula membuka mata pemintat dunia

Dalam pelbagai arena yang lain pula seperti boling dan skuasy, atlet-atlet negara telah banyak mencapai kejayaan dalam pelbagai temasya, sekali gus mempertingkatkan martabat negara dalam arena sukan di peringkat antarabangsa. Seharusnya kejayaan atlit-atlit negara diberi pengiktirafan yang sewajarnya, agar dapat memberikan semangat kepada atlit-atlit negara yang lain dalam mengharumkan nama negara dipersada antarabangsa.

### Pencapaian Sukan Antarabangsa

Pencapaian negara dalam arena sukan dan pembangunan negara yang pesat telah membuka peluang kepada negara untuk menganjurkan pelbagai temasya sukan, seperti sukan Komanwel 1998. Setelah dua bulan, pasukan Badminton Malaysia berjaya mengembalikan Piala Thomas ke pangkuhan kita. Pada 21 Julai 1992, kita berjaya pula mendapat kepercayaan negara Komanwel untuk mengadakan sukan berkenaan di Kuala Lumpur pada tahun 1998. Semua ini adalah kejayaan kita. Rakyat Malaysia seharusnya berbangga dengan perkembangan ini. Tentulah ada sesuatu yang istimewa yang menarik perhatian negara Komanwel mengenai pencapaian Malaysia menyebabkan mereka mengundi menyokong kita menjadi tuan rumah sukan itu. Sebagaimana yang diucapkan oleh Datuk Alex Lee, selaku Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia di Barcelona, 'mesyj yang kita sampaikan ialah jika tawaran Malaysia untuk menjadi tuan rumah ditolak, maka negara Dunia Ketiga yang mana serta negara membangun mana pula yang mungkin boleh'.

Kejayaan Malaysia menduduki tempat keempat di temasya Kuala Lumpur '98- Sukan Komanwel XVI (KL '98) adalah sesuatu yang sungguh membanggakan, malah memerlukkan pengkritik. Siapa sangka atlit Malaysia berupaya mencatat kejayaan di luar jangkaan pegawai sukan sendiri. Pencapaian 10 pingat emas, 14 perak, 12 gangsa di belakang juara keseluruhan Australia, 80-61-58; England, 36-47-53 dan Kanada 30-31-38 dianggap prestasi terbaik dalam sejarah penyertaan negara. Pada Sukan



**Sambutan Hari Kebangsaan di Malaysia disambut meriah dengan penuh semangat patriotik.**

Komanwel di Victoria '94, Kanada, kita hanya menduduki tempat ke-13 dengan dua emas, satu perak dan dua gangsa. Lebih manis lagi pencapaian itu melepas ramalan yang ditetapkan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM), sebelum temasya sukan setiap empat tahun itu bermula.

Kemajuan infrastruktur negara telah sekali lagi memberi peluang kepada negara untuk menganjurkan pelbagai temasya sukan yang lain. Wawasan Perdana Menteri untuk membina sebuah litar lumba formula satu di Sepang, pada mulanya telah mendapat pelbagai kritikan daripada pelbagai pihak. Namun, setelah terbinanya Litar F1 Sepang, Malaysia telah berjaya dengan julung-julung kalinya mengadakan perlumbaan Formula Satu pada bulan November 1998. Selain daripada itu, di Litar F1 Sepang juga, Malaysia telah menganjurkan perlumbaan Motosikal Grand Prix Dunia.

Tidak cukup dengan itu, kini Malaysia adalah di antara calon-calon yang akan dipilih sebagai tuan rumah bagi temasya Sukan Asia 2006. Dengan kelengkapan dan infrastruktur yang tercanggih, tidak hairanlah jika negara kita terpilih sebagai tuan rumah. Pengiktirafan sebegini seharusnya menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Kejayaan yang akan diterima oleh atlit-atlit negara pada masa depan perlulah disertakan keazaman dan ketabahan yang kental agar digeruni dan dihormati semua di peringkat antarabangsa.